

Bil. 13

**Isnin
21 Ogos 2017**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017	(Halaman 20)
Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017	(Halaman 46)
Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017	(Halaman 58)
Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017	(Halaman 61)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dato' Sri SA. Vigneswaran (Dilantik)(LS)
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad (Dilantik)
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh (Dilantik)
7. “ Tuan Aknan Ehtook (Dilantik)
8. “ Dato' Dr. Anathan A/L Somasundaram (Lantik Baru)
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Puan Hajah Azizah binti Haji Harun (Dilantik)
12. “ Datuk Haji Bashir bin Haji Alias (Dilantik)
13. “ Puan Bathmavathi Krishnan (Dilantik)
14. “ Dato' Chai Kim Sen (LS)
15. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
16. “ Datuk Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
- *Timbalan Menteri Pendidikan*
17. “ Dato' Sri Devamany A/L S. Krishnasamy (Dilantik)
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
18. “ YBM. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
19. “ Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin (Dilantik)
20. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
21. “ Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat (Dilantik)
22. “ Dato' Indera Hoh Khai Mun (Pahang)
23. “ Dato' Dr. Hou Kok Chung (LS)
24. “ Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah (Dilantik)
25. “ Dato' Isa bin Ab. Hamid (Dilantik)
26. “ Datuk Jamilah Sulaiman (Dilantik)
27. “ Dato' Jaspal Singh (Dilantik)
28. “ Datuk Haji Kadzim M.Yahya (Sabah)
29. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
30. “ Dato' Sri Khairudin Samad (Dilantik)
31. “ Tuan Khairul Azwan Harun (Dilantik)
32. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
33. “ Dato' Lee Chee Leong (Perak)
- *Timbalan Menteri Kewangan*
34. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
35. “ Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan (Dilantik)
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*

-
36. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas Umbul (Sabah)
 37. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin (Dilantik)
 38. “ Tuan Haji Muhamad bin Mustafa (Lantikan Baru)
 39. “ Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor (B)
 40. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
 41. “ Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
 42. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak (Dilantik)
- *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
 43. “ Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah (LS)
 44. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff (Dilantik)
 45. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai (Dilantik)
 46. “ Datuk Ng Chiang Chin (Dilantik)
 47. “ Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
 48. “ Datuk Paul Low Seng Kuan (Dilantik)
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
 49. “ Datuk Rabiyah binti Ali (Dilantik)
 50. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris (Dilantik)
 51. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
 52. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
 53. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal (Dilantik)
 54. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian (Dilantik)
 55. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
 56. “ Puan Sopiah binti Sharif (Dilantik)
 57. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam (Dilantik)
 58. ” Tuan Wilfred Yong Chen Leong (Dilantik)
 59. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
 60. " Datuk Yoo Wei How (Dilantik)
 61. “ Tuan Zahari bin Sarip (Johor)
 62. “ Dr. Zaiedi Haji Suhaili (Sarawak)
 63. “ Datuk Zali bin Mat Yasin (Dilantik)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Negara
Riduan bin Rahmat

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain
Alzian binti Baharudin

Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Cik Nur Annisa binti Hamid
Cik Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Herdawati binti Mohd Amir Abbu
Hazliha binti Mohd Zain
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juara

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 21 Ogos 2017
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam hormat, salam sejahtera dan salam sehati sejiwa. Ahli-ahli Yang Berhormat, elok juga saya sampaikan sedikit berita baik mengenai Sukan SEA Ke-29 Kuala Lumpur 2017. Sehingga kini Malaysia sudah mendapat 16 pingat emas. Semoga kejayaan ini berterusan hingga ke akhir Sukan SEA.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin kerana bukan sahaja berjaya meraih pingat emas tetapi juga mencipta rekod baru Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dalam acara sukan kuda lasak kategori individu. Tahniah, sesungguhnya ia menjadi kebanggaan negara dan rakyat Malaysia. Syabas dan tahniah.

Ahli Yang Berhormat, begini begitu, saya hendak mula dengan soalan nombor 1. Dimulakan dengan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan, dipersilakan.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta Perdana Menteri menyatakan, tentang program dan tindakan yang telah dan akan dilaksanakan oleh kementerian untuk mencegah tekanan akibat dari perhubungan etnik yang kian merosot dan kewujudan perkara dan isu dari segi perkauman dan keagamaan sering kali dipermainkan oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat pagi, salam sejahtera, salam negaraku 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya nombor satu ialah seperti berikut. Kerajaan menyedari bahawa usaha untuk memupuk semangat perpaduan antara kaum dan persefahaman antara penganut pelbagai agama bukanlah satu usaha yang mudah. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan mendampingi dan mendidik, dengan izin, *engage and educate*. JPNIN telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:

- (i) menganjurkan Program Detik-detik Perpaduan atau *Moments of Unity* secara berterusan dengan tujuan membentuk sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu dengan memberi penekanan bagi meningkatkan kesedaran, penghayatan dan amalan nilai-nilai murni kepada kumpulan sasaran seperti kanak-kanak, pelajar, belia, wanita dan akhirnya merangkumi semua lapisan masyarakat;
- (ii) mengadakan kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui penganjuran Konvensyen Sekretariat Rukun Negara (SRN) pada 11 Ogos 2017 hingga 13 Ogos 2017 yang telah disertai lebih daripada 300 peserta iaitu ahli-ahli SRN dari 40 IPTS dan IPTA yang bertujuan menyediakan dan membuka peluang untuk perbincangan intelektual dan ilmiah di antara tokoh-tokoh berpengaruh Malaysia dan golongan mahasiswa mengenai isu-isu semasa perpaduan.

Ini agar dapat mengikis persefahaman pemikiran sempit dan mengurangkan persepsi negatif antara kaum agar kepelbagaian diterima, diraikan bersama bagi menyemai dan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara secara berkesan melalui program ini;

- (iii) memperkasakan kepimpinan 7,844 Jawatankuasa Rukun Tetangga di seluruh negara agar peka dan sensitif terhadap isu-isu atau gerakan-gerakan yang sengaja mengancam untuk memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat;
- (iv) menyelesaikan konflik komuniti dan memupuk pendamaian di peringkat akar umbi di kalangan 1,228 orang *mediator* komuniti di seluruh negara.

■1010

- (v) meningkatkan penghayatan dan pengamalan prinsip Rukun Negara melalui penggunaan Modul Silang Budaya kepada 6,338 Kelab Rukun Negara di sekolah rendah dan menengah dan 153 Sekretariat Rukun Negara di peringkat institusi pengajian tinggi di seluruh negara;
- (vi) Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) diadakan menggalakkan silang kerjaya dan kefahaman budaya di syarikat bumiputera dan syarikat bukan bumiputera melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dari IPTA dan bukan bumiputera IPTS;
- (vii) menyemai nilai-nilai murni untuk memahami kepelbagaian kaum, gaya bahasa dan agama agar saling hormat-menghormati dalam kalangan kanak-kanak melalui pendidikan prasekolah di 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara; dan
- (viii) mengadakan kerjasama dan menggalakkan NGO untuk membuat promosi perpaduan melalui program seperti *The World Harmony Interfaith Week*, Hari Toleransi Sedunia, Hari Keamanan Sedunia, *Raising National Flag*, kempen 'Say Something Nice', Siasah Merdeka dan sebagainya.

Di samping itu, kami bukan berdiam sahaja tetapi kita lihat keadaan semasa dan juga mungkin dalam masa hadapan. So, dengan izin, *we have to look forward* untuk membuat program-program tertentu supaya tindakan yang kami ambil itu ialah selaras dengan keperluan semasa.

Oleh yang demikian, maka satu *master blueprint- these are way forward*. Satu *master blueprint* telah pun digubal yang bertajuk Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan JPNIN dengan kerjasama kita dan UKM. Sekarang pula, bagi *master blueprint* dapat dilaksanakan secara efisien dan efektif, maka satu pelan tindakan lagi sedang dikaji oleh pihak kita dengan mengambil kira hasil dalam *blueprint* tersebut itu bagi merangka program-program spesifik dan konkrit merentasi kementerian dan agensi- semua kementerian, dan agensi-agensi- untuk meningkatkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif kerajaan dalam merencana TN50 dengan menjemput semua rakyat Malaysia khususnya golongan muda pelbagai kaum untuk berkongsi aspirasi dan idaman menunjukkan komitmen kerajaan dalam memastikan pembentukan semua rakyat di dalam negara supaya negara kita dapat maju dan makmur serta rakyatnya hidup aman damai demi mengekalkan sikap prejudis dan etnosentrisme serta keadaan yang boleh menimbulkan *intolerance* mungkin. Inisiatif kerajaan dalam merangka Pelan Strategik *Wasatiyyah* 2016- 2020 merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerjaya yang lebih positif dan telah menetapkan pendekatan *wasatiyyah* sebagai dasar negara yang akan dipraktikkan dalam setiap faktor pentadbiran supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan antara masyarakat berbilang kaum dan agama serta menjauhi daripada sebarang kegiatan ekstremisme.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bersungguh-sungguh melaksana pelbagai inisiatif untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan antara kaum di negara ini. Namun, usaha-usaha ini tidak akan berjaya tanpa komitmen daripada semua pihak.

Oleh itu, rakyat sendiri sewajarnya berfikir lebih rasional dalam menerima persamaan dan perbezaan memandangkan negara ini sememangnya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, budaya, bahasa dan agama. Ini harus dihargai dan diraikan bersama, bukan dijadikan alasan untuk mewujudkan ketegangan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan tadi. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat cabaran era globalisasi dan teknologi moden hari ini menjadi faktor penyumbang renggangnya hubungan antara kaum dan etnik terutamanya di kalangan generasi muda dan belia? Sekian.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan sebentar tadi, bukan sahaja kita melihat keadaan sekarang tetapi keadaan semasa mungkin, yang mungkin memerlukan semua kita ini membuat sesuatu sebagai *the way forward*. Jadi, keadaan kita sekarang terutama sekali adanya *social media* dan sebagainya, tentu sekali rakyat kita khususnya belia dan beliawanis senang dipengaruhi.

Saya menyentuh sebentar tadi berkaitan dengan TN50, merencanakan TN50. Ini satu langkah kerajaan untuk merencanakan sesuatu yang kemungkinan besar di mana langkah-langkah boleh kita ambil untuk menyatupadukan rakyat kita dalam jangka masa panjang.

Keduanya ialah berkaitan dengan *the master blueprint* yang saya cakapkan sebentar tadi di bawah itu kami telah mengkaji satu pelan tindakan lagi supaya apa yang terkandung dalam *master blueprint* itu akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin untuk memenuhi keperluan sekarang dan juga keperluan di masa hadapan. Sekian.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu kita patut mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana, suka ataupun tidak suka, kita kena menerima hakikat kita sebuah negara yang *multiracial*, yang *multireligious* tetapi kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan perpaduan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut pandangan hampir seratus peratus tokoh-tokoh akademik seluruh dunia, contohnya seorang profesor dari *Ohio University* yang bernama Profesor Alex Tio, seorang profesor berbangsa Cina tetapi rakyat Amerika, beliau menegaskan bahawa untuk sesebuah negara yang ingin memastikan perpaduan di kalangan rakyat yang ingin memastikan bahawa rakyat mereka akan mewujudkan satu suasana keharmonian, kesefahaman, jati diri, patriotisme, menghormati negara dan lain-lain, ianya wajib dan mesti dimulakan di peringkat sekolah rendah dan prasekolah. Bukan di peringkat universiti, bukan di peringkat belia. Prasyaratnya wajib di peringkat sekolah rendah dan prasekolah.

Saya tidak mempersoalkan kita mempunyai pelbagai aliran sistem sekolah. Ini telah pun kita terima. Itu hakikat kita terima pada hari ini.

■1020

Akan tetapi persoalan saya Yang Berhormat Menteri, apakah sebab saya katakan kerajaan *serious* untuk memastikan perpaduan. Apakah langkah-langkah strategi kaedah untuk memastikan anak-anak kita di peringkat sekolah rendah ini walaupun mereka berlainan aliran sekolah, takkan tidak ada langkah-langkah lain, apakah langkah-langkah strategi supaya mereka ini dapat kita satukan?

Apa sahaja langkah yang saya hendak dengar daripada pihak Menteri sekiranya ada strategi tertentu tanpa kita menolak realiti pada hari ini sekolah pelbagai aliran walaupun mereka sekolah Cina, sekolah India, sekolah kebangsaan, tidakkah ada satu bentuk strategi, kaedah supaya murid-murid ini dapat kita satukan dalam beberapa agenda ataupun aspek tertentu supaya mereka memahami tentang pentingnya keharmonian. Kalau prasyarat ini ada, barulah mudah *preparation* untuk kita untuk TN50 kerana TN50 ini lebih kepada belia. Akan tetapi saya katakan tadi prasyarat mengikut kata Alex Teoh adalah prasekolah dan sekolah rendah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat dengan pendapat Yang Berhormat Senator sebentar tadi itu. Akan tetapi mungkin ada terlintas daripada pendengaran beliau semasa saya menjawab soalan sebentar tadi itu, saya bercakap berkaitan dengan Tabika Perpaduan di mana tujuan saya punya Tabika Perpaduan itu ialah untuk mendidik kanak-kanak kita, pertama. Berapa pentingnya bagi mereka untuk mengetahui tentang kepelbagaian di negara kita ini.

Kita juga telah memperkenalkan Modul Silang Budaya supaya mereka mengetahui kamu daripada kaum mana, saya daripada kaum apa, supaya menimbulkan sesuatu perasaan yang ada pada mereka dalam perkara hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain.

Now, selain daripada itu Yang Berhormat ialah kami juga seperti saya katakan sebentar tadi itu, kami telah mengadakan satu kerjasama strategik dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) di mana baru-baru ini kita telah mengadakan satu konvensyen yang disertai lebih kurang 40 buah institusi pengajian tinggi di mana banyak peserta itu ialah terdiri daripada orang-orang muda semuanya. Kami telah memberi penekanan di situ bahawa, pertama kita mesti memahami dan menghayati lima prinsip Rukun Negara itu. Selain daripada itu, *to inculcate their thinking that* kita mestilah berfikir sederhana dan rasional juga.

Kami tidak pernah melintasi untuk mendidik anak-anak kita dalam perkara bertapa pentingnya perpaduan, menerima kepelbagaian apa di sini supaya kita tidak melihat satu hari nanti mungkin ada orang yang terjerumus dengan berapa perkara yang boleh menimbulkan perasaan *intolerance* di kalangan mereka. Sekian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Suhaimi.

Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga turut hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan seperti mana yang disuarakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi kerana banyak sekali program-program yang dijalankan oleh kerajaan khususnya kepada mahasiswa dan juga pelajar-pelajar sekolah.

Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa program juga diadakan kepada syarikat-syarikat bumiputera dan juga yang bukan bumiputera. Saya tertarik Yang Berhormat Menteri kepada satu kajian, *this is reality*, dengan izin. Kajian telah dibuat oleh Profesor Dr. Lee Hwok Aun dan Dr. Abdul Khalid, Universiti Malaya. Beliau membuat kajian, kedua-dua mereka ini membuat kajian bagaimana syarikat-syarikat milik Cina, syarikat-syarikat milik Melayu dan syarikat-syarikat antarabangsa yang di CEO-kan ataupun yang dipimpin oleh rakan Cina di Malaysia. Saya bimbang juga kerana nanti dituduh *racist*, tidak. Saya hendak menyatakan fakta berhubung dengan kajian ini.

Kajian ini dibuat apabila syarikat China menemu duga orang-orang Cina dan Melayu. Orang-orang Cina yang dipanggil temu duga 44 peratus, orang Melayu yang dipanggil temu duga 1.8 peratus. Kemudian beliau juga apabila melihat angka ini, kedua-dua mereka tidak percaya. Lantas mereka mereka-reka pelajar-pelajar Melayu, pelajar-pelajar Cina dan dihantar ke syarikat-syarikat yang membuat iklan temu duga.

Mereka meletakkan Melayu dan Cina sama kelayakannya, kadang-kadang malahan ada yang lebih tinggi mengikut kajian ini. *Result*-nya, dengan izin, keputusannya, rakan-rakan Cina yang dipanggil temu duga sebanyak 42.1 peratus dan orang Melayu yang dipanggil temu duga 1.2 peratus. Kemudian disambungkan lagi kajian itu dengan syarikat antarabangsa yang dipegang oleh rakan-rakan Cina. Apabila dihantar jawabannya, Cina dipanggil temu duga 42.9 peratus dan orang Melayu 0 peratus.

Kemudian mereka mengkaji pula syarikat-syarikat milik Melayu. Apabila mereka mendapat keputusan, Cina yang dipanggil untuk temu duga sebanyak 4.8 peratus dan Melayu 5.8 peratus. Jadi *conclusion* daripada kajian mereka ini menyatakan bahawa syarikat Melayu ini kurang sikit perkaumannya.

Jadi soalan saya daripada Yang Berhormat Menteri, hasil daripada kajian ini, apakah tindakan kerajaan untuk menyamakan sekurang-kurangnya jurang panggilan temu duga itu atau pekerjaan. Adakah kerajaan akan mengkaji syarikat yang dimiliki oleh orang Cina begini rupanya, Melayu begini rupanya, India begini rupanya kerana inilah yang akan menyebabkan anak-anak muda mahasiswa kita nanti yang akan melangkah ke hadapan untuk mendapat kerja-kerja ini. Hasil daripada kajian ini juga dikatakan bahawa syarikat Cina lebih mirip kepada anak-anak daripada kolej-kolej swasta. Saya, dengan izin, memohon Yang Berhormat Menteri memberi sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ucapan terima kasih satu, saya suka soalan itu. Oleh kerana sebenarnya ini sering kali diungkit dan dikemukakan kepada kami berkaitan dengan ini. Atas sebab itu Yang Berhormat, atas sebab itulah kenapa kami memperkenalkan satu program. Kadang-kadang kita ini oleh kerana *possibly*, dengan izin, *it is because of our upbringing*.

Jadi apabila kita memohon satu kerja dalam syarikat yang bukan orang kita sendiri, contohnya kaum bumiputera memohon kerja kepada di dalam syarikat yang dipunyai oleh kaum Tionghoa. Di hati mereka itu ada sedikit halangan oleh kerana tidak ada kefahaman mungkin. Kadang-kadang apabila mereka dipanggil temu duga pun mereka pun tidak mahu datang kadang-kadang. Mungkin anggapan mereka apabila berada di sana ada berlainan suasana dia. Itulah sebenarnya yang berlaku dalam apa yang kami menjalankan sedikit sebanyak kajian.

Atas sebab itulah kita memperkenalkan satu *Unity Internship Programme*. *Unity Internship Programme* ini ialah kita menggalakkan fasa pertama yang kita jalankan itu ialah kita menggalakkan kaum bumiputera dalam tempoh walaupun tiga bulan untuk pergi ke syarikat-syarikat yang dipunyai oleh kaum Tionghoa ini.

■1030

Bukan untuk melanjutkan dalam karier pelajaran mereka tetapi untuk melihat sebenarnya suasana kaum, budaya lain kaum itu. Ini kami telah dijalankan dalam program industri perpaduan dalam fasa pertama, syarikat bukan bumiputera yang telah mengambil bahagian dalam perkara ini ialah pertama, *the Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia*, keduanya *the Malaysia Retail Chain Association* atau MRCA. *Now*, institut pengajian tinggi yang mengambil bahagian dalam perkara ini menggalakkan murid-murid mereka untuk buka syarikat-syarikat ini di seluruh negara kita maka ialah Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara, Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia, Universiti Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Perlis dan Universiti Islam Antarabangsa.

Apabila mereka bekerja di situ selama satu atau dua bulan, kami membuat temu duga, kami tanya, "*What do you think of the courses?*" Mereka jawab cukup baik oleh sebab pada ketika itu mereka memahami sebenarnya suasana tempat kerja walaupun ia dipunyai oleh bukan bumiputera. *So*, kami tanya, "*Nanti selepas ini, when you finish your university, adakah minat untuk bekerja dalam syarikat ini?*" Kemungkinan besar dia cakap kami akan memohon dalam syarikat ini untuk bekerja *because* apabila mereka datang dalam syarikat itu kesemua kemudahan-kemudahan diberi kepada mereka. Mereka telah menghormati kesemua apa yang dari segi makan, dari segi tempat sembahyang semua disediakan oleh syarikat bukan bumiputera itu.

Jadi jumlah yang dalam fasa pertama ini yang menyertai kursus ini ialah 1,120 dan amat menggalakkan dan banyak lagi permintaan. Dalam fasa kedua ini, kami menggalakkan GLC yang dipunyai oleh kaum bumiputera untuk mengambil budak-budak daripada institusi pengajian tinggi yang bukan bumiputera untuk menyertai kursus ini. Jadi selepas itu sekarang dalam rekod yang telah menyertai ini ialah 428, sudah amat menggalakkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak dan saya hendak beralih kepada...

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sekejap lagi ya, boleh tanya *direct* kepada Yang Berhormat Menteri ya. Sekarang saya hendak pergi kepada soalan nombor dua, Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, silakan.

2. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, usaha-usaha terkini yang diambil oleh kementerian dalam mengawal hidupan liar yang semakin pupus ekoran penerokaan tanah yang berleluasa untuk pembangunan.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat sedikit mukadimah, bahawa tiap-tiap makhluk yang dicipta oleh Allah SWT ada kegunaan-kegunaannya sendiri begitu juga hidupan liar Tuan Yang di-Pertua.

Khususnya secara ringkas saya ingin hendak menyebutkan bahawa binatang dan hidupan secara keseluruhannya dipanggil hidupan liar mempunyai satu kegunaan yang amat besar kepada kehidupan makhluk Allah di dunia.

Pertamanya rantai makanan iaitu *food chain*, dengan izin, yang kedua untuk pendebungaan. Kadang-kadang pokok tidak akan berbunga kalau ia tidak sampai oleh binatang-binatang terbang ataupun bergerak di tanah, penampakan penyakit dan juga yang selain daripadanya secara ringkas ialah untuk makanan manusia dan binatang itu sendiri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa amat besar tugas menjaga manusia, di samping kita melihat dalam masa beberapa dekad ini kepupusan berlaku di kalangan hidupan liar iaitu kalau kita lihat ke seluruh dunianya, mamalia sudah 24 peratus pupus, burung 12 peratus, reptilia empat peratus, amfibia tiga peratus dan ikan tiga peratus, Tuan Yang di-Pertua.

Malang sekali mengikut kajian yang dibuat, pada 2048, ikan di laut akan berkurangan begitu rupa hingga manusia pun payah hendak makan ikan. Jadi dalam keadaan yang sedemikian maka yang hanya menambah ialah manusia, pemangsa yang terbesar. Jadi tugas dan tanggungjawab kita sebagai manusia dan makhluk yang boleh berfikir menjaga hidupan liar ini jangan jadi kepupusan.

Untuk soalan ini Tuan Yang di-Pertua, biar saya letakkan satu asas yang utama bahawa Jabatan PERHILITAN hanya menjaga apa yang berlaku di Semenanjung, Sarawak dan Sabah ada jabatan-jabatannya sendiri Tuan Yang di-Pertua maka tidak termasuk banyak sangat dalam pengkhususan yang saya bakal sebutkan nanti.

Walau bagaimanapun, di Semenanjung mewujudkan kawasan perlindungan seperti Taman Negara Pahang, Taman Negara Terengganu, Taman Negara Kelantan, Taman Negara Pulau Pinang dan rizab-rizab hidupan liar bagi keliaran hidup liar di habitat semula jadi mereka. Kesemua kawasan perlindungan dapat menyediakan kawasan yang selamat bagi hidupan liar untuk mencari makanan tempat bersembunyi, membiak dan meneruskan kesinambungan generasi hidupan liar tersebut untuk tujuan apa yang telah saya sebutkan tadi. Walau bagaimanapun di Sarawak, kita mempunyai *natural national parks*, *natural rizab* dan *wildlife sanctuary* yang terbesar sememangnya di Sarawak, 1.5 million hektar.

Di Sabah kita juga mempunyai *Sabah Park*, *Tawau Park* dan *Crocker Range Park*, jadi mempunyai lebih daripada setengah bilion hektar, 500 lebih ribu hektar. Kewujudan koridor-koridor ini ialah untuk kegunaan binatang ini. Di Semenanjung kita mempunyai rangkaian koridor ekologi untuk membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung melalui pembentuk koridor ekologi bagi kepentingan pemeliharaan pelbagai biologi kehidupan liar sekitar melalui pelaksanaan projek *central forest pine*, yang mempunyai 37 koridor yang bakal kita buat. Akan tetapi kos melibat yang begitu tinggi sekali untuk mengambil kalau tanah itu diambil oleh pihak Kerajaan Pusat daripada kerajaan negeri pada tahun 2015, *estimatanya* ialah RM1 bilion.

Jadi empat kompleks hutan utama Semenanjung yang membentuk koridor ekologi ialah Banjaran Titiwangsa, Taman Negara, Banjaran Timur Pahang Tenggara, Chini dan kawasan berpaya Bera dan Taman Negara Endau-Rompin dan Rizab Hidupan Liar Kluang. Jadi, Jabatan PERHILITAN masih mengkaji bersama dengan Kementerian untuk meminda undang-undang kita sekarang untuk memperbaiki lagi undang-undang ini kerana masih banyak kekurangan dari sudut hukuman dan sebagainya.

Kedua, undang-undang kita adalah undang-undang yang bukan pada zaman digital, maka bukti-bukti digital belum lagi dimasukkan ke dalam perundangan ini, maka kita kena pinda supaya bukti-bukti *digital trading*, *cyber trading* ini boleh kita ambil kira dalam membawa kes kita ke mahkamah.

Gerakan yang keempat, tindakan *in beyond* iaitu satu gerakan bersama iaitu *National Blue Ocean Strategy* yang dibuat di antara Polis Malaysia dengan pihak penguat kuasa Maritim Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Unit Pencegah Penyeludupan, Angkatan Tentera Malaysia bersama dengan pihak PERHILITAN untuk menguatkuasakan tindakan untuk menghalang sama ada di dalam negara kita ataupun barang-barang yang dibawa masuk daripada luar negara.

Jadi kerjasama ini bersama dengan pihak Interpol supaya mendapatkan risikan-risikan daripada luar negara. Pelan tindakan konservasi spesies hidupan liar terancam seperti Pelan Konservasi Gajah Kebangsaan, Pelan Tindakan Pemuliharaan Harimau Kebangsaan bagi menangani ancaman yang dihadapi oleh gajah dan harimau akibat fragmentasi hutan, kehilangan habitat, pemburuan haram dan pembunuhan hidupan liar oleh orang awam ataupun konflik di antara manusia dan binatang, akhirnya binatang yang menjadi sasaran ataupun menjadi mangsa kepada konflik tiap-tiap kali berlaku.

■1040

Dalam masa yang sama, kita juga Tuan Yang di-Pertua, mempunyai sebelas pusat pembiakan hidupan liar yang diurus oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar menerusi Jabatan PERHILITAN ataupun Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara. Spesies yang berjaya dibiakkan dan dilepaskan di habitat semula jadi adalah seperti seladang, tapir, rusa, kijang, burung kuang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengurusan populasi hidupan liar yang diancam populasi ekoran kehilangan habitat, Jabatan PERHILITAN dengan kerjasama kerajaan negeri sedang dan akan membangunkan beberapa kawasan untuk dijadikan *sanctuary* yang mana antaranya ialah pembangunan Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan di Lanchang, Pahang yang merangkumi kawasan 80 hektar bagi tujuan meliarkan semula harimau sebelum pelepasan di hutan terpilih.

Kedua, pembangunan Pusat Pentadbiran *Sanctuary* Gajah Johor dengan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Johor berkeluasan 73 hektar dan 466 hektar, kawasan sedang ragut gajah sedang dalam pembinaan *Corridor Central Forest Spine*.

Kedua, Linkage Tiga yang mengandungi Hutan Simpan Pantai dan Hutan Simpan Ulu Sedili Selatan bagi satu Program Konservasi Gajah di Negeri Johor. Mencadangkan penubuhan *Amanjaya Elephant Sanctuary* dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak di Hutan Simpan Amanjaya di Taman Negeri Diraja Belum, Perak yang berkonsepkan konservasi gajah serta kemudahan ekopelancongan.

Bagi meningkatkan kesedaran dan sokongan orang ramai terhadap konservasi biodiversiti, sebuah program *Communication, Education and Public Awareness (CEPA)* juga dilaksanakan secara berterusan, bersama dengan Program Pendidikan Biodiversiti, pameran, ceramah, program bersama masyarakat setempat. Sebanyak 130 program telah dijalankan oleh Jabatan PERHILITAN pada tahun 2016. Kumpulan sasaran bagi program ini adalah pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang awam. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Majlis yang mulia ini, kementerian juga sedang membincangkan silibus untuk diperkenalkan di peringkat sekolah dan universiti termasuk program-program berhubung dengan PERHILITAN- liar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan sila.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih. Soalan tambahan saya, berkaitan dengan- saya sangat tertarik dengan haiwan kecil cerdik, sang kancil yang telah pun dikategorikan sebagai haiwan yang dilindungi. Jadi saya ingin tahu memandangkan haiwan ini sangat rapat dengan kehidupan kecil anak-anak kita, apakah usaha-usaha khusus pihak kementerian bagi melindungi haiwan kecil ini, tambahan pula sekarang dan memang ianya telah menjadi makanan pihak yang sukakan makanan-makanan yang berupa seperti pelanduk, rusa, sang kancil. Jadi apakah usaha kerajaan bagi melindungi haiwan kecil ini secara spesifik? Sekian.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Yang Berhormat minta bagi apa benda yang kecil tadi?

Seorang Ahli: Kancil.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Kancil, sang kancil.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Sang kancil. Yang Berhormat sebenarnya kalau khusus dengan sang kancil itu saya tidak adalah di hadapan saya ini, tetapi saya akan *check* kalau ada maklumat yang tertentu nanti *insya-Allah* saya boleh majukan kepada Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: Boleh? Saya boleh tanya, agak-agak?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila. Boleh, boleh.

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Kita doakan semoga negara kita ini menjadi negara yang membawa rahmat kepada insan dan juga haiwan. Terima kasih kepada usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk memberi hak kepada haiwan supaya hak-hak haiwan ini dipertahankan kerana dia merupakan suatu hak yang mesti diberi perlindungan.

Soalan saya, sejauh manakah usaha kerajaan untuk mendidik rakyat tentang menjaga hak-hak haiwan dan hidupan liar ini baik dari segi agama dan juga segi undang-undang, kerana masih berlaku secara meluas pencerobohan terhadap hak-hak haiwan dan juga binatang liar ini tanpa berasa bersalah.

Dia tidak rasa bersalah pun, ini satu penyakit masyarakat kita dan sebagai contohlah, gejala tuba ikan mengguna racun ini masih berlaku, ada mana-mana, di mana begitu ramai dia punya spesies ikan ini rosak kerana racun yang dituba dalam sungai dan sebagainya yang membunuh dia punya, yang memupuskan ikan itu sendiri.

Soalan yang kedua ialah, berkenaan dengan demonstrasi ikan yang naik ke pantai di akhir-akhir ini, yang kita dengar di akhbar-akhbar, di mana ikan ini naik ke pantai berdemonstrasi. Jadi kita hendak tahu apa, *something wrong*, suatu yang tidak kena berlaku di lautan kita yang menyebabkan ikan ini naik ke pantai berdemonstrasi. Jadi, kita bimbang juga di negara kita ini bukan sahaja insan berdemonstrasi, tetapi ikan juga berdemonstrasi juga. Minta jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berwibawa. *Insyah-Allah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya?

Timbalan Yang di-Pertua: Dia belum jawab.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Oh! Dia jawab.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Saya memang tertarik dengan ini. Pertama, soalan itu ialah berhubung dengan kesedaran Tuan Yang di-Pertua. Kesedaran kita manusia ini kepada binatang ini belum lagi sampai ke tahap mempunyai apa yang dikatakan, ketamadunan pemikiran manusia. Oleh kerana pemikiran kita bahawa binatang ini tidak mempunyai perasaan, tidak mempunyai emosi dan sebagainya maka kita sewenang-wenang hendak membinasakan binatang, menderakan binatang.

Sebenarnya, kalau dikaji daripada sudut pengamal ilmu emosi binatang ini, memang binatang juga mempunyai emosi-emosinya tersendiri. Mungkin kita tidak mengetahui, tetapi binatang juga mempunyai fungsi emosi, binatang juga terkena dengan *stress*, binatang juga boleh mati oleh kerana sakit tekanan jiwa. Jadi, dalam keadaan sedemikian, maka pihak Jabatan PERHILITAN mengambil tindakan yang sewajarnya dan banyak tindakan-tindakan dah kita ambil. Akan tetapi dalam masa yang sama, masih kita lihat bahawa penderaan kepada binatang masih bermacam-macam berlaku di kalangan masyarakat kita. Itu menunjukkan bahawa kesedaran belum sampai ke tahap yang sepatutnya.

Itulah kenapa saya Tuan Yang di-Pertua, ingin memperkenalkan silibus di sekolah. Masih dalam peringkat perbincangan sekarang di antara pegawai, *insya-Allah* semua pihak saya dah maklumkan dari semasa ke semasa bahawa pegawai daripada Jabatan Pendidikan amat tertarik dengan tajuk cadangan-cadangan kita, ini termasuk Yang Berhormat macam mana masyarakat kita yang akan datang, akan sebagai menjadi masyarakat yang betul-betul Madani atau masyarakat yang bertamadun.

Boleh memikirkan bahawa binatang itu juga makhluk Allah, jangan dianiaya dan jangan didera. Jadi, ini dalam pandangan kita. Dalam masa yang sama kita mengambil tindakan apabila kita terjumpa mereka-mereka yang mendera binatang dan mengambil tindakan dan kalau ada kekurangan dalam perundangan, itulah kenapa kita hendak pinda undang-undang kita untuk melihat daripada sudut penderaan kepada binatang ini.

■1050

Bukan hanya binatang-binatang domestik macam ayam, macam anjing, kucing dan sebagainya tetapi semua binatang termasuk binatang-binatang hutan yang disimpan oleh pihak supaya dalam keadaan yang mencukupi. Itulah konsep dunia sekarang Tuan Yang di-Pertua sebenarnya tidak lagi bersetuju dengan zoo ini, kurungan itu, simpan bintang dalam kurungan. Tidak lagi konsep itu diterima oleh masyarakat dunia. Akan tetapi kita masih ada di seluruh dunia juga masih ada zoo-zoo tertentu. Akan tetapi di negara-negara yang lebih maju daripada sudut penglihatan pandangan mereka kepada binatang, jarang menggunakan zoo bertutup ataupun berkurungan. Dia zoo terbuka macam safari kebanyakannya.

Jadi dalam sudut itu kita melihat daripada sudut undang-undang, daripada sudut kesedaran dan juga pelajaran formal di sekolah. Jadi tadi Yang Berhormat ada, yang awal tadi bertanya dengan saya fasal pelanduk ini. Ada sebenarnya, kita mempunyai Pusat Konservasi Hidupan Liar di Batu Pahat, Yang Berhormat untuk pelanduk, khusus untuk pelanduk, kita ada di kalangan yang sebelas pusat konservasi tadi untuk pelanduk. Akan tetapi berapa banyak pelanduk di situ, apa yang kita buat dengan pelanduk di situ, pembiakan dan sebagainya, saya tidak ada butiran yang khusus.

Satu lagi berhubung dengan apa soalan kedua Yang Berhormat tadi?

Tuan Haji Muhamad bin Mustafa: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Demonstrasi ikan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memang bimbang. Kita sekarang sebahagian daripada *Convention of Biodiversity* dan sebagai negara *signatory* kepada biodiversiti. Akan tetapi kita punya *achievement* dalam *target* kita untuk mengenal pasti kawasan-kawasan untuk diisytiharkan sebagai taman laut. Belum sampai ke tahap yang kita hendak sasarkan kerana kita hendak sasarkan pada tahun 2020, kita kena ada sekurang-kurangnya perairan negara kita 10 peratus. Akan tetapi sekarang kita kurang lebihlah ataupun lebih kurang baru lima peratus.

Jadi saya itulah, sebab saya menyeru kepada pihak kerajaan negeri untuk membantu kita supaya mengisytiharkan kawasan-kawasan laut sebagai kawasan-kawasan taman laut supaya kawasan-kawasan ini dijaga, dirawat dan dilihat supaya tempat pembiakan dan juga tempat penginap ikan kerana tempat-tempat ikan ini sudah banyak terjejas kerana macam dalam masa satu minggu ini Tuan Yang di-Pertua, dua kapal sudah berlanggar. Jadi ini akan menjejaskan air laut kita. Pencemaran daripada kilang-kilang, tapis dan bermacam-macam lagi yang mengalir ke laut dan buangan daripada plastik dan sebagainya ke laut. Semua ini menjejaskan sumber laut dan itulah kenapa kalau Yang Berhormat lihat ikan mogok kah, ikan demonstrasi kah, sebab kita yang cemar laut. Itu yang pertama.

Kedua oleh sebab kesan perubahan iklim. Air panas, dahulunya air di bawah 28 dan 27 darjah *celsius*, sekarang kadang-kadang 30 darjah *celsius*. Kalau dia sampai 30 darjah *celsius*, sampai berminggu Yang Berhormat, batu karang akan menjadi putih ataupun mati dan ikan tidak ada tempat untuk berlegar ataupun beriadah lagi. Jadi itu mungkin demonstrasi ikan ini berlaku di kawasan kita. Terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Saya tengok sekarang ini oleh kerana kegiatan pembangunan yang berleluasa, ada binatang liar dan ada binatang yang menjadi liar. Kita tengok sekarang ini Yang Berhormat Menteri, harimau itu tidak adalah dekat kampung. Sekarang ini saya tengok babi-babi berkeliaran dekat kampung sini. Babi sudah masuk ke kampung, masuk rumah orang, masuk pagar sudah. Bukan satu ekor, berkumpulan. Jadi siapa hendak kawal ini, PERHILITAN kah ataupun Jabatan Haiwan?

Kemudian yang kedua, kera, monyet sudah tidak ada dekat hutan sudah dan berikutan dengan pembangunan ini, jadi sudah masuk kampung sudah. Jadi orang kampung suruh tanya Yang Berhormat Menteri lah macam mana ini. Siapa yang patut ambil tindakan ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, lagi cerita bahawa kita masuk ke hutan, pembangunan kita masuk ke hutan, kita buat bandar, masuk ke hutan, perladangan masuk ke hutan, pertanian masuk ke hutan. Macam-macam aktiviti manusia masuk ke hutan. Jadi akhirnya hutan menguncup ataupun menjadi kecil. Jadi tempat rayau untuk binatang-binatang ini telah kita telah ganggu gugat dan kita telah perkecilkan kawasan mereka. Jadi itulah kenapa kita lihat. Saya amat peka perkara ini Yang Berhormat. Saya dimaklumkan tiap-tiap kali gajah masuk ke kampung, ganggu orang punya tanaman, saya dimaklumkan. Babi masuk kampung, babi ganggu orang saya dimaklumkan. Kera ganggu orang kampung.

Sebenarnya kita ganggu kera dulu, sekarang kera ganggu kita sebenarnya. Macam itu juga babi, kita ganggu babi punya tempat, babi ganggu kita. Jadi masalahnya memang tidak ada lain Yang Berhormat, memang Jabatan PERHILITAN. Kena bagi tahu Jabatan PERHILITAN. Mereka yang mempunyai kepakaran, kebolehan dan kemampuan untuk menangani masalah ini dan mereka juga mempunyai semangat bahawa kesalahan bukan binatang itu sahaja, kesalahan itu kebanyakannya manusia juga. Jadi mereka tidak akan mendera, tidak akan mendatangkan keseksaan kepada binatang ini walaupun binatang ini masuk ke kampung kita.

Jadi saya baru-baru ini sekolah, habis dia orang punya tingkap dan sebagainya, di- gajah. Masalahnya laluan gajah kita buat sekolah. Ada kampung Tuan Yang di-Pertua, kita buat satu struktur, satu perkampungan di luar bandarlah. Kerajaan negeri buat satu struktur. Itu laluan gajah, gajah marah. Macam mana kalau depan rumah kita, kita pasang satu itu, orang pasang itu, kita pun marah. Jadi gajah marah, jangan kita marah gajah pula. Sebenarnya kita yang pasang itu. Jadi saya minta pegawai saya kaji, minta tolong bagi tahu pindahkan benda itu, biarlah itu laluan gajah.

Jadi untuk menangani supaya konflik tidak berlaku di antara binatang-binatang ini, jadi kita cuba untuk *settle* binatang ini, pindah daripada satu tempat ke satu tempat. Akan tetapi kos pemindahan ini ialah besar, jumlahnya tinggi.

Jadi itulah maknanya kita meminta pihak kerajaan negeri, soalan pembangunan ini mintalah perbincangan dulu dengan pihak PERHILITAN supaya kita boleh menasihati, bagaimana untuk merancang dengan pembangunan negeri itu supaya bukan untuk kesenangan manusia sahaja, tetapi juga untuk melihat keperluan-keperluan binatang ini juga. Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3. Dato' Indera Hoh Khai Mun minta Menteri Luar Negeri menyatakan, usaha Malaysia dalam mengeratkan hubungan luar dengan pentadbiran Amerika Syarikat di bawah pimpinan Donald Trump apabila tinjauan *ASEAN Studies Center*, menunjukkan hubungan luar Malaysia dan Amerika termasuk negara ASEAN yang lain akan berlaku perubahan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* serta salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun di atas pertanyaan yang dibangkitkan yang saya boleh bahagikan kepada dua. Satu berkaitan dengan pentadbiran Amerika Syarikat *towards* Malaysia dan yang keduanya pentadbiran Amerika Syarikat *towards* ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, setiap negara yang mempunyai perubahan tampuk kepimpinan sudah pasti akan mempunyai perubahan, baik secara domestik mahupun hubungan antarabangsa. Dalam hal ini, Malaysia akan meneruskan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang dengan mana-mana negara walaupun di bawah tampuk kepimpinan dan perubahan pentadbiran yang berbeza termasuklah Amerika Syarikat. Ingin ditegaskan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat dilihat terus ingin meningkatkan lagi hubungan mereka dengan Malaysia. Sebagai contoh terkini, Setiausaha Kerajaan Amerika Syarikat telah melawat Malaysia pada 8 dan 9 Ogos 2017. Lawatan ini merupakan lawatan pertama Setiausaha Negara selepas pelantikan beliau pada 1 Februari 2017. Beliau telah mengadakan pertemuan dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Ogos 2017 dan kemudiannya disusuli dengan perjumpaan bersama dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 9 Ogos 2017.

■1100

Lawatan tersebut telah membincangkan status terkini kerjasama dua hala di samping membincangkan mengenai isu-isu dua hala serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Dari segi perdagangan, Amerika Syarikat merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia pada 2016. Jumlah dagangan dalam barangan antara Malaysia dengan Amerika Syarikat terus meningkat sebanyak 20.4 peratus bagi tempoh Januari hingga Jun 2017 iaitu bernilai RM81.1 bilion ataupun bersamaan dengan USD18.4 bilion dengan imbang perdagangan berpihak kepada Malaysia sebanyak RM5.38 juta ataupun USD1.2 juta.

Imbang dagangan dalam perkhidmatan pula berpihak kepada Amerika Syarikat dengan nilai sebanyak RM1.78 bilion. Hasil perbincangan di antara Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kedutaan Amerika Syarikat ke Malaysia telah menyatakan bahawa lebih dagangan tersebut adalah disebabkan oleh pelaburan syarikat-syarikat multinasional dari Amerika Syarikat di Malaysia dalam sektor elektrik dan elektronik. Dengan pelaburan tersebut, sudah pasti memberi sumbangan besar kepada nilai eksport Amerika Syarikat.

Selain daripada itu, Malaysia dan Amerika Syarikat juga sepakat dalam pelbagai isu-isu yang lain terutamanya membabitkan isu membanteras kegiatan keganasan yang menjejaskan keamanan sejagat. Ini terbukti dengan penglibatan kedua-dua pemimpin negara yang menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Arab, Negara-negara Islam dan Amerika Syarikat yang telah diadakan di Riyadh Arab Saudi pada 21 Mei 2017. Kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan Presiden Donald Trump ke Sidang Kemuncak ini telah membuktikan bahawa Amerika dan Malaysia berdiri di atas platform yang sama dan bersedia bekerjasama dengan negara-negara sekutu dalam menangani isu keganasan yang menjadi ancaman kepada keamanan sejagat.

Dalam soal hubungan bersama dengan ASEAN, hubungan Amerika Syarikat dengan negara-negara ASEAN juga secara amnya adalah akrab di bawah pimpinan Presiden Donald Trump.

Ini terbukti melalui lawatan Naib Presiden Mike Pence ke *Secretariat ASEAN* di Jakarta Indonesia pada 21 April 2017 dan lawatan Setiausaha Negara Amerika Syarikat baru-baru ini ke Manila, *Philippine* untuk menghadiri Forum Serantau ASEAN ke-24. Selain itu, beliau juga telah menghadiri Pasca Persidangan Menteri-Menteri ASEAN ataupun *ASEAN Post Ministerial Conference (PMC) + 1* yang telah dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, Menteri Luar Negeri Malaysia bersama Tuan Yang Terutama Rex Tillerson, Setiausaha Negara Amerika Syarikat.

Mesyuarat ini telah membincangkan kerjasama hubungan dua hala ASEAN dan Amerika Syarikat serta isu-isu serantau seperti Laut China Selatan, anti keganasan dan juga telah mengambil pendirian bersama untuk mengecam tindakan pelancaran ujian nuklear oleh Korea Utara. Keterlibatan dengan negara-negara ASEAN dilihat sebagai usaha yang berterusan oleh pihak Amerika Syarikat dan hubungan erat ini jelas kelihatan dengan penaikan taraf hubungan ini ke perkongsian strategik pada Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat di Kuala Lumpur pada November 2015.

Seterusnya kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Sidang Kemuncak Khas Pemimpin-pemimpin ASEAN-Amerika Syarikat di Sunnylands, California pada Februari 2016 juga membuktikan komitmen Malaysia dan Amerika Syarikat kepada kerjasama serantau ini. Hubungan baik ini juga dapat dieratkan lagi dengan kehadiran Presiden Donald Trump ke Sidang Kemuncak ASEAN di Manila nanti pada November 2017 kelak. Kehadiran beliau ke mesyuarat ini dan negara-negara di rantau membuktikan bahawa Amerika Syarikat komited untuk mengekalkan kerjasama yang sedia ada dengan negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia yakin kerjasama sedia ada dan yang akan datang dengan Amerika Syarikat akan dapat diteruskan dengan baik di bawah kepimpinan Presiden Donald Trump seperti mana juga dengan kepimpinan Amerika Syarikat yang lalu. Malaysia percaya bahawa pentadbiran Amerika Syarikat sentiasa ingin meneruskan hubungan dan kerjasama dengan Malaysia serta negara-negara ASEAN yang lain pada masa akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dato' Indera Hoh Khai Mun: [*Masalah teknikal pada pembesar suara*] Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan jawapan yang begitu menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan memetik tinjauan *ASEAN Studies Center* menunjukkan keputusan sebanyak 43.3 peratus berpandangan bahawa hubungan ASEAN termasuk Malaysia dengan Amerika akan ada perubahan. Berdasarkan kepada pandangan ini dan perkembangan antarabangsa terkini, perselisihan hubungan Amerika Syarikat di Semenanjung Korea akan menggugat kestabilan serantau termasuk ASEAN. Ini juga telah ditekankan dalam pertemuan negara-negara ASEAN baru-baru ini.

Dengan itu, persoalan saya kepada kementerian ialah, apakah langkah resolusi yang telah dicapai oleh kementerian bersama negara ASEAN lain dalam pertemuan itu. Kemudian, bagaimana polisi *balancing*, dengan izin, boleh dimainkan oleh Malaysia dengan geopolitik kuasa besar supaya kestabilan negara kita bersama ASEAN serantau terjamin. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sila.

Dato' Seri Reezal Merican: Tidak berapa dengar tadi soalan Yang Berhormat. Akan tetapi saya dengar tadi tentang *ASEAN Studies Center*. Boleh saya tegaskan bahawa banyak kajian yang telah dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan, institut-institut termasuk juga dengan *ASEAN Studies Center* ini. Akan tetapi ingin saya tegaskan tentang apa yang dibuat oleh *ASEAN Studies Center* ini, *the respondents are only 318* iaitu 318 sahaja dan ini bukanlah satu gambaran yang boleh dianggap sebagai *representative of the actual of the whole ASEAN Community*. ASEAN sahaja ada sekitar 630 juta penduduk. Dapatan daripada- *the findings of this survey was done* sebelum lawatan-lawatan yang dibuat oleh *high level visit by the Washington Administration*. Perkara ini dilakukan sebelum lawatan Mike Pence to Jakarta, sebelum lawatan Rex Tillerson to Manila dan juga Bangkok dan Kuala Lumpur. Tentulah kalau dibuat pandangan ini selepas lawatan-lawatan tersebut, tentulah dapatan-dapatan daripada pandangan ini barangkali berubah.

Apa pun saya hendak tekankan bahawa dari segi *policy makers among all the 10 ASEAN countries*, mereka masih melihat bahawa Amerika merupakan salah satu daripada rakan kongsi yang penting. Sebab itulah ASEAN terbina dan terbina juga satu lagi *new framework* yang dinamakan *ASEAN+Dialog Partner*.

Salah satu *dialog partner* yang pentingnya ialah US. Bukan sahaja US, malah kita ada *ASEAN+China*, *ASEAN+Japan*, *ASEAN+Russia*. Ini menunjukkan pragmatisme ASEAN dalam meletakkan kepentingan rantau ini bukan hanya tertumpu kepada sebuah negara walaupun ia dianggap sebagai *super power*. Kita meletakkan kepentingan ASEAN jauh lebih penting termasuk menjadikan rakan-rakan dialog ASEAN ini yang agak pelbagai dari semua sudut dan dimensi.

Sebab itulah bila ada isu-isu yang membabitkan keselamatan di rantau ini, kita melihat bahawa *we are not dictated by satu country* sahaja. Yang paling penting ialah kita hendak lihat bahawa keamanan sejagat dapat dilaksanakan dengan adanya apa yang disebut oleh Yang Berhormat juga tadi *balancing act*, perimbangan. Sebanyak mana kita mempunyai hubungan dengan China, sebanyak itu jugalah hubungan dengan Amerika Syarikat.

Kepada Amerika, ASEAN adalah rakan dagangan keempat terbesar di dunia. Saya tidak fikir bahawa ASEAN akan diketepikan walaupun pandangan daripada *polling* melalui *ASEAN Studies Institute* itu menyatakan *43 percent*. Cuma saya hendak nyatakan premis untuk kita ambil itu sebagai *authentic can be questionable because it is only 318 respondents as compared to 630 million population of the ASEAN*, dengan izin. Terima kasih.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

■1110

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri tentang lawatan pimpinan tekanan Amerika Syarikat baru-baru ini di dalam dan juga pimpinan Malaysia ke luar negara. Iaitu persoalan Palestin, sejauh mana komitmen ataupun respons Kerajaan Malaysia terhadap pimpinan Donald J. Trump dalam konteks dua perkara iaitu pencerobohan Israel yang semakin mengganas di Masjid Al-Aqsa dan yang kedua ialah tentang kedudukan Jerusalem sebagai Ibu kota Israel. Terima kasih.

Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican: Terima kasih. Saya cuba jawab juga soalan Yang Berhormat walaupun terkeluar sedikit daripada asal kerana ini membabitkan Palestin, cuma bila sebut Palestin saya fikir tidak dapat tidak saya kena jawab kerana ia adalah pendirian yang agak istiqamah kerajaan kita terhadap Palestin. Saya pun baru balik daripada Cote d'Ivoire menghadiri OIC dan salah satu daripada kecaman kita adalah tentang soal pendudukan ataupun penghalangan umat Islam untuk mengerjakan solat di Masjid Al-Aqsa.

Cuma saya hendak tekankan, dalam soal Palestin ini tidak ada pencapaian yang lebih *momentus* daripada apa yang dilakukan oleh Malaysia. Dalam sejarah *United Nations Security Council*, satu-satunya resolusi yang telah diluluskan yang mengecam pendudukan haram Israel ke dalam kawasan Jerusalem adalah resolusi yang dinamakan 2334 yang diluluskan pada Disember 23, 2016 iaitu tujuh hari sebelum kita menamatkan keanggotaan kita sebagai *United Nations Security Council Non-Permanent Members*.

Untuk maklumat pada peringkat mulanya negara yang patut membawa adalah Egypt. Akan tetapi berlaku sedikit *discrepancy* dan sebagainya, akhirnya Malaysia *took the lead* bersama dengan New Zealand, Senegal dan Venezuela untuk *sponsor* 2334 dan untuk kali pertamanya resolusi ini telah diluluskan dengan persetujuan 14 negara anggota. Tidak pernah dalam sejarah selama tempoh 36 tahun kalau ada resolusi hendak di bawa dalam *United Nations Security Council* tidak pernah kerana ia selalunya *being vetoed by United States, but that was the first ever in 36 years, sejak 1980*.

Untuk kali pertama juga Amerika Syarikat mengambil pendirian *abstain* ataupun berkecuali dan cuma itu berlaku pada zaman di waktu Obama, sebab waktu Trump dia *inaugurated in 20th of January*. Sebab itu lah hasil daripada usaha itu, maka tekanan yang dikenakan kepada Netanyahu hari ini jauh lebih besar daripada yang lalu. Cuma saya hendak maklumkan pada Yang Berhormat bahawa Kerajaan Malaysia akan meneruskan usaha walaupun kita tidak berada dalam *United Nations Security Council* tetapi kita masih ada sahabat-sahabat kita yang ada dalam itu untuk menekankan tentang *the enforcement of 2334* berterusan. Setiap kali kita hadir di mana-mana platform *multilaterals* kita tidak pernah tidak mengambil kesempatan membangkitkan isu ini agar pembelaan untuk rakyat Palestin akan dapat diteruskan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dan sekarang saya nak beralih kepada soalan no 4. Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim Yahya. Dipersilakan.

Datuk Haji Kadzim Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 4.

4. **Datuk Haji Kadzim M. Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan, jenayah penyeludupan barangan masih berleluasa khususnya di kawasan perairan ESSZONE, apakah pihak tentera dan ESSCOM tidak dipertanggungjawabkan untuk membantu membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr Shahidan bin Kassim]: Terima Kasih Senator Datuk Haji Kadzim Yahya di atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat ESSCOM sentiasa komited dalam memastikan keadaan keselamatan di kawasan perairan Pantai Timur Sabah. ESSCOM merupakan agensi daripada Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan juga Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan komponen awam. ESSCOM bertanggungjawab memantau keadaan keselamatan di kawasan ESSZONE selain dari membantu Agensi Pasukan Keselamatan dan Penguatkuasaan berkenaan untuk membanteras aktiviti-aktiviti penyeludupan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Angkatan Tentera Malaysia tidak mempunyai kuasa perundangan seperti yang ada pada Polis Diraja Malaysia dan juga APMM. Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang MKN yang memberikan kuasa kepada ATM dalam hal ini, tetapi belum dilaksanakan lagi. Walau bagaimanapun, anggota tentera boleh menangkap mana-mana orang yang disyaki melakukan kesalahan terutamanya di kawasan ESSZONE di bawah seksyen 27, Kanun Tatacara Jenayah iaitu tangkapan oleh orang awam di mana tangkapan ini akan diserahkan semula kepada PDRM atau APMM di mana mereka akan melakukan tangkapan semula.

Oleh yang demikian, ESSCOM telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan operasi bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi seperti PDRM, ATM dan juga APMM serta agensi-agensi keselamatan dan penguat kuasa seperti Jabatan Pelabuhan Dermaga Sabah, Jabatan Imigresen Sabah, Jabatan Kastam, Jabatan Perikanan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan agensi-agensi kerajaan lain. Untuk tujuan operasi bersepadu bersama agensi-agensi kerajaan lain adalah untuk menampung kekangan yang dihadapi oleh ATM terutamanya dalam kedudukan kuasa menangkap. Melalui kerjasama *National-Blue Ocean Strategy* (N-BOS), statistik aktiviti-aktiviti penyeludupan di kawasan ESSZONE semakin berkurangan.

Pada tahun ini ESSCOM telah melalui operasi bersepadu telah berjaya menangkap sebanyak 1005 orang pesalah dan 26,052 pemeriksaan yang terdiri daripada warga tempatan dan pendatang asing tanpa izin sejak bulan Januari sehingga bulan Jun. Pesalah bagi kesalahan-kesalahan yang ditangkap semasa operasi bersepadu terdiri daripada pesalah yang telah melanggar akta-akta berikut; Akta Imigresen, Akta Kastam, *Merchant Shipping Ordinance*, Akta Perikanan 1985, Akta Kawalan Bekalan, Enakmen Perhutanan, Akta Dadah Berbahaya, Akta Bahan Letupan, Akta Polis, Akta SPRM, Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran, *Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrant Ordinance* Malaysia 2007, Akta Farmasi, Akta Senjata Api, Akta Hidupan Liar dan juga Kanun Kesiksaan.

Justeru itu, ESSCOM berterima kasih pada semua agensi yang terlibat dalam operasi bersepadu. Hasil daripada kerjasama ini, aktiviti-aktiviti penyeludupan di kawasan ESSZONE berjaya dikurangkan. ESSCOM bersama agensi lain sememangnya dipertanggungjawabkan untuk menjaga keselamatan dan mencegah penyeludupan di kawasan ESSZONE. Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Yahya: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniiah kepada pihak ESSCOM kerana berjaya mengawal perairan negeri Sabah dan mengurangkan penyeludupan dan juga setakat ini sudah lebih setahun saya rasa tidak ada penculikan berlaku di Negeri Sabah. Jadi bagaimanapun apakah boleh dilakukan untuk mengawal laluan-laluan tikus daripada digunakan penyeludup barangan dan juga penyeludupan manusia. Memandangkan perairan antara Kudat dengan Sabah adalah hampir 1800 kilometer dan laluan-laluan tikusnya selalu digunakan untuk mengelakkan daripada dikesan oleh pihak ESSCOM. Terima kasih.

Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan yang cukup baik. Saya kena terangkan supaya ini menjadi panduan kepada rakyat Malaysia terutamanya di kawasan ESSZONE.

Yang Berhormat, laluan tikus ini kita sudah kenal pasti, orang ramai kenal pasti, yang paling penting, orang ramai kenal pasti dan semua orang tahu bahawa itu adalah laluan tikus. Sebenarnya laluan tikus telah pun menjadi laluan gajah. Jadi kita menggunakan pelbagai cara untuk menghalang mereka dan menangkap mereka. Akan tetapi kita kena ingat bahawa keselamatan sesebuah negara itu mesti dijaga bersama oleh anggota keselamatan dan rakyatnya.

Jadi rakyat mesti bekerjasama dengan kerajaan untuk membanteras apa bentuk penyeludupan dan juga keselamatan negara ini. Itu sebab kita gerakkan semua Ahli Parlimen supaya menjadi Anggota Kehormat APM dan juga APMM. APMM sekarang ini telah diberi jenama baru *Coast Guard* Malaysia. Kita kena sertai ini. Dengan itu kita menjadi mata dan telinga kepada kerajaan.

■1120

Di peringkat awal ini, semua sekali- JKK, ketua cawangan, ketua kampung, tok batin- dilantik menjadi anggota kehormat APM dan juga APMM supaya mereka menjadi mata dan telinga kita untuk memberi maklumat. Yang paling penting sekarang ini, semua ini memerlukan maklumat dan maklumat yang kita dapat, kalau kita dapat awal itu yang terbaguslah sebab kalau nak gerak di laut ini, sekurang-kurangnya tiga jam baru boleh sampai satu tempat- ataupun dua jam ataupun sejam. Sekarang ini pendekatan baru ialah dengan menggunakan aset udara. Itu juga boleh menghalang laluan tikus yang Yang Berhormat telah sebutkan. Kita juga mengadakan *checkpoint* tetapi laluan tikus tidak mengikut *checkpoint* lah.

Dengan itu, sekali lagi saya sebutkan bahawa di samping usaha di pihak anggota keselamatan, rakyat dengan kerajaan berpisah tiada ini harus memberi maklumat dengan satu semangat bahawa kita sayangkan negara ini. Inilah negara kita. Nak tunjuk kita sayangkan negara kita, kibarkanlah bendera Jalur Gemilang dekat hari-hari kemerdekaan sebab kalau tidak, kita nak sayang negara mana lagi? Tiada negara lain. Inilah negara kita. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya mengalu-alukan kehadiran tetamu daripada FELCRA Rompin, Jempol... [*Tepuk*] Orang Jempol nak dengar Menteri Dato' Seri Shahidan.

Soalan saya. Pertamanya, saya ucapkan tahniah kepada Menteri yang berjaya mengekang beberapa jenayah merentasi sempadan. Akan tetapi, apa yang disebutkan tadi penyumbang, saya nak tahu apakah penyumbang yang paling besar penjenayah ataupun bentuk yang disebutkan beberapa kategori perdagangan manusia, penyeludupan, penculikan dan sebagainya? Daripada 1,500 lebih itu, apa yang penyumbang utama, peratus yang paling tinggi yang berlaku di perairan Pantai Timur Sabah?

Juga, apakah pencegahan ESSCOM selain meyakinkan pelancong-pelancong untuk datang menikmati pantai yang indah di Sabah ini? Kerana mereka ini kadang-kadang rasa kebimbangan. Macam berlakunya penculikan tempoh hari, masih lagi dalam igauan mereka. Jadi apa langkah seterusnya bagi meyakinkan mereka ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama apakah penyumbang, saya tidak dapat memberi angka tetapi pada dasarnya kita tahu-sudah dapat angka ya. Pertama sekali ialah sudah pasti ia melibatkan penyeludupan manusia dan juga penyeludupan barangan. Ini perkara-perkara utama. Dan mereka ini melanggar perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi, termasuk mereka import hidupan liar ataupun hasil hutan dan sebagainya.

Akan tetapi, yang kita tahu bahawa tarikan besar orang datang ke sini, di samping penyeludupan barangan, ialah manusia itu sendiri sebab di sinilah tempat cari makan, pada pandangan mereka, yang terbaik di dunia. Itu sebab orang datang seluruh dunia. Jadi, kita pun terkejut. Tidak pernah nampak orang Afrika sebagai contohnya, tetapi sekarang sudah ada. Orang Arab pun ada, orang Eropah pun ada di sini. Jadi pelbagai manusia datang ke sini. Ini ialah tempat cari makan yang terbaik. Jadi ini mungkin di antara penyumbang besarnya ialah kemasukan PATI.

Walau bagaimanapun, saya akan bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat hari ini juga ataupun sekejap lagi berhubungan peratusan yang tertinggi kepada jenayah yang dilakukan.

Keduanya tentang kebimbangan pelancong. Yang Berhormat, kalau kita pergi sini- Yang Berhormat, saya jemput untuk datang ke kawasan ESSCOM beramai-ramai secara rasmi, sila datang dan melihat sendiri bagaimana anggota kita yang meletakkan moto perjuangan, "*Tiada hari tanpa operasi*". Ini perjuangan mereka.

Kita tahu orang barisan hadapan ini sebenarnya mengambil risiko yang tinggi dari segi keselamatan tetapi bila mereka ditugaskan di sana, semangat mereka tinggi-*"Tiada hari tanpa operasi"*, jadi mereka buat tiap-tiap hari.

Kalau kita pergi sana, kita lihat tempat-tempat yang pelancong selalu datang, mereka sendiri menyebut kepada saya, ada pelancong datang sudah tiga kali. Saya kata kenapa dia datang sudah tiga kali. Dia kata kalau di tempatnya, dia tidak ada orang mengiring dia tetapi di sini, dia kata, ada anggota keselamatan mengiring dia. Jadi dia kata dia rasa cukup selamat dan sebagainya. Lain-lain itu, saya cakap biasa-biasalah tapi makna kata, mereka menyatakan bahawa mereka seronok datang ke sini dan bila saya tanya tentang penculikan dan sebagainya, jenayah berlaku, dia kata di negara dia pun banyak berlaku tetapi di sini terkawal sebab ada anggota keselamatan di sana. Itu dia orang cakap dekat saya berdasarkan kajian rambang yang dibuat.

Jadi, pelancongan di sana sebenarnya meningkat. Malah, selepas ESSCOM masuk ke sana, pelancongan meningkat, pelaburan pun meningkat. Sama ada pelancong itu berasa selamat ataupun tidak, Yang Berhormat boleh melihat tentang kehadiran pelancong yang begitu ramai dari semasa ke semasa. Kita tidak bertolak ansur dengan apa bentuk jenayah sekalipun. Bila ESSCOM ditubuhkan, tugas utama kita ialah untuk menjaga keselamatan negara ini daripada dicerobohi, diserang tetapi lepas itu tugas kita meningkat kepada jenayah rentas sempadan, lepas itu meningkat kepada perkara-perkara lain yang ada hubung kait dengan keselamatan. Jadi pada pandangan saya, apa yang dibuat oleh kita itu harus ditingkatkan dan harus disiap-siagakan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

5. Dato' Jaspal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan, berapa peratus populasi rakyat yang mempunyai kad kredit. Apakah jumlah hutang kad kredit yang tidak dapat dijelaskan dan berapa banyak kes-kes yang dimuffliskan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemegang kad kredit utama di Malaysia adalah sebanyak 3.6 juta orang bagi tempoh setakat akhir bulan Jun 2017. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016, jumlah ini merupakan 18 peratus daripada 20 juta penduduk negara ini yang berumur di antara 20 hingga 74 tahun.

Setakat akhir Jun 2017, jumlah baki belum jelas bagi kad kredit ialah sebanyak RM36.9 bilion. Daripada jumlah ini, 7.3 peratus atau RM2.7 bilion merupakan baki melebihi tempoh tarikh bayaran atau *overdue balances*, dengan izin. Pecahan bagi melebihi tempoh tarikh bayaran adalah seperti berikut:

- (i) baki tertunggak tidak melebihi tiga bulan adalah sebanyak 6.2 peratus yang bernilai RM2.3 bilion; dan
- (ii) baki tertunggak melebihi tiga bulan sebanyak 1.1 peratus yang bernilai RM 0.4 bilion.

Secara puratanya, 43.6 peratus daripada jumlah pemegang kad menyelesaikan hutang kad kredit mereka dengan sepenuhnya sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2017. Manakala 43.6 peratus lagi membayar sekurang-kurangnya lima peratus daripada jumlah baki belum jelas dalam tempoh yang sama. Selebihnya iaitu 12.8 peratus adalah pemegang kad yang tidak membayar baki belum jelas sekurang-kurangnya bayaran minimum sebelum atau pada tempoh tarikh bayaran.

Pada setengah tahun pertama 2017, seramai 845 individu diisytiharkan mufliis disebabkan oleh kad kredit dan mereka ini adalah daripada golongan yang berumur melebihi 30 tahun. Sekian, terima kasih.

■1130

Dato' Jaspal Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri memberi jawapan tadi dengan statistik-statistik kegunaan kad kredit. Kad kredit ini memang bagus dan *convenient*, dengan izin. Walau bagaimanapun seperti jawapan Menteri tadi, bila kita lewat membayar dan banyak yang lewat ini, ia ada caj penalti dan caj faedah yang tinggi. *Treatment charge* ini berbeza daripada bank ke bank. Saya hendak tahu di sini, apakah polisi kementerian mengenai caj-caj faedah atau caj-caj penalti yang dikenakan oleh bank-bank? Saya juga ingin tahu, bagaimana kementerian memantau kegunaan kad kredit ini untuk perjudian melalui internet seperti *online* kasino dan *sports betting*, dengan izin, terutamanya di kalangan pemuda-pemuda.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, pemegang kad kredit yang tidak menjelaskan bayaran minimum bulanan akan dikenakan caj untuk pembayaran lewat sebanyak 1 peratus daripada baki belum jelas atau RM100 iaitu yang mana lebih rendah. Pemegang kad kredit yang mempunyai baki belum jelas melebihi tempoh tarikh bayaran akan dikenakan caj faedah antara 15 peratus hingga 18 peratus setahun.

Mengenai soalan tentang kegunaan kad kredit untuk perjudian *online*. Secara umumnya, penggunaan kad kredit untuk aktiviti haram adalah dilarang. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pengeluaran kad kredit untuk menyekat atau menolak transaksi kad kredit yang digunakan untuk aktiviti haram. Ini termasuk aktiviti perjudian dalam talian haram yang dapat dikenal pasti melalui kod kategori peniaga dalam transaksi kad kredit. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya bertanya?

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang untuk bertanya soalan tambahan.

Baru-baru ini kita baru sahaja meluluskan Rang Undang-undang Kawalan Harga dan Anti Pencatutan dan juga Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2017 di mana peniaga harus merangkumkan segala caj yang ada termasuk GST ke dalam resit pelanggan. Masalahnya sekarang, ramai pelanggan di luar sana sedang keliru adakah penggunaan kad kredit dikenakan caj GST. Sekiranya benar, berapakah caj yang dikenakan dan sekiranya tidak ada, apakah tindakan kementerian dalam mengatasi keresahan pelanggan dan tindakan yang boleh diambil ke atas peniaga yang tidak bertanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan adakah tidak caj GST. Jawapannya, ada, ada GST. Soalan kedua, mengenai apa ya? *Sorry*.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Tindakan kerajaan untuk mengatasi keresahan pelanggan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia dan pengeluaran kad kredit memang menggalakkan pemegang kad kredit supaya menjelaskan baki belum jelas mereka secepat mungkin. Ini termasuk notis amaran dikeluarkan di penyata kad kredit yang memberi peringatan bahawa jumlah faedah yang harus dibayar dan tempoh yang diambil untuk menjelaskan keseluruhan baki belum jelas akan bertambah sekiranya pemegang kad kredit hanya membayar bayaran minimum bulanan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit lagi?

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: Boleh saya tanya dulu Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya hendak terus kepada soalan lain ya.

6. Dato' Dr. Hou Kok Chung minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, jenis-jenis pelanggaran Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 [Akta 555] mengikut tahap keseriusannya yang kerap dilakukan oleh IPTS semenjak 3 tahun kebelakangan dan berapa buah IPTS mengikut kategori universiti, kolej universiti, kampus cawangan universiti luar negara dan kolej telah dikenakan tindakan undang-undang serta nyatakan hukuman-hukumannya.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Hou atas soalan berkaitan dengan pelanggaran Akta Institusi Pendidikan Swasta 1996 [Akta 555].

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kesemua 495 buah institusi pendidikan tinggi swasta atau IPTS di Malaysia tertakluk kepada syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dalam Akta Institusi Pendidikan Swasta [Akta 555] dan tujuan akta ini adalah untuk memastikan IPTS sentiasa mengekalkan kualiti pendidikan yang berterusan berteraskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia agar pendidikan tinggi mempunyai pengurusan yang mampan dalam kewangan dan berdaya saing antara IPTS lain.

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Tinggi, terdapat tiga jenis kesalahan yang kerap dilakukan oleh IPTS semenjak tiga tahun kebelakangan iaitu:

- (i) melanggar syarat-syarat kelulusan Ketua Pendaftar;
- (ii) tidak ada permit mengajar; dan
- (iii) mengguna premis tambahan tanpa kelulusan kementerian.

Ketiga-tiga kesalahan ini mengenakan denda antara RM10,000 hingga RM50,000 atau penjara tidak lebih satu bulan atau enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pecahan keseluruhan IPTS yang telah dikenakan tindakan ke atas tiga jenis kesalahan utama ini adalah sebanyak 9 buah universiti, 19 buah kolej universiti, 1 buah kampus cawangan universiti luar negara dan 42 buah kolej. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Hou Kok Chung: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan tadi. Soalan tambahan saya ialah dalam banyak pelanggaran Akta 555 yang disebutkan tadi, sila namakan IPTS-IPTS yang dikesan adalah pelaku berulang atau *repeat offenders*, dengan izin, ataupun yang sering melakukan pelanggaran serius terhadap peruntukan akta. Bagi IPTS-IPTS berkenaan, apakah sebab-sebab yang menidakkan kementerian untuk mengambil tindakan lebih tegas termasuk menggantung atau membatalkan pendaftaran mereka demi menjaga kepentingan orang ramai, khususnya para pelajar. Sekian.

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat yang berkaitan dengan *offenders*, dengan izin. Memang Kementerian Pendidikan Tinggi menjalankan tugas dengan ketat. Semua *standard operating procedure* perlu dipatuhi dan kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh *the Malaysian Qualifications Agency* atau MQA dapat dilaksanakan dengan *compliance*, dengan izin.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kementerian Pendidikan Tinggi menjalankan tugas untuk memastikan bahawa kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh IPTS dapat dilaksanakan tanpa ketakutan atau pilih kasih. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Lucas Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang kita maklum, universiti awam di Malaysia ini banyak yang tersenarai dalam *World Ranking Universities*. Manakala saya ingin bertanya pula, apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh universiti-universiti IPTS dalam negara kita? Terima kasih.

■1140

Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang berkaitan dengan kejayaan-kejayaan yang diperoleh oleh IPTS. Di sini saya rasa gembira untuk memberitahu bahawa bukan hanya universiti awam adalah *soaring upwards*, dengan izin, tetapi IPTS juga menunjukkan prestasi setahun terutamanya di peringkat Asia adalah membanggakan.

Berdasarkan penarafan oleh *QS World University Rankings* untuk Asia pada tahun 2016, sebanyak tujuh IPTS tersenarai sebagai antara universiti terbaik Asia iaitu Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) di kedudukan ke-127, *Taylor's University* di kedudukan ke-179, *Multimedia University* (MMU) di kedudukan ke-193, *Limkokwing University*, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), yang semuanya berada di kelompok 251 hingga 300 serta *UCSI University* di kelompok 301 hingga 350. Saya hendak sampaikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kedudukan ini sebanyak 260,000 universiti di dunia.

Selain daripada mendapat penarafan yang begitu tinggi, penarafan *QS World University Rankings* melalui subjek atau kursus yang ditawarkan juga merekodkan satu prestasi yang membanggakan, di mana telah senaraikan enam bidang pengajian yang ditawarkan oleh IPTS. Antara 200 terbaik dunia di antara bidang *hospitality and leisure management*, dengan izin, oleh *Taylor's University* berada pada kedudukan 50 terbaik dunia. UTP juga terus memperkasakan bidang kejuruteraan selaras dengan fokus universiti tersebut dan berjaya menempatkan tiga bidang kejuruterannya sebagai antara yang terbaik di dunia. Manakala berdasarkan pengiktirafan oleh *Times Higher Education Asia University Rankings 2017* sebanyak dua IPTS berada dalam kalangan 150 universiti terbaik di Asia iaitu UTAR di kedudukan ke-111 hingga 120 dan UTP kedudukan ke-141 hingga 150. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Soalan yang terakhir Yang Berhormat Datuk Haji Abidullah bin Salleh. Silakan.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya ajukan soalan saya yang ketujuh saya juga mengalu-alukan kehadiran ataupun kedatangan Pertubuhan Sanmarka Sangam Hutan Melintang, Perak ke Dewan Negara... [*Tepuk*] Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Dengan itu saya ingin dengan soalan nombor 7. Terima kasih.

7. Datuk Haji Abidullah bin Salleh minta Menteri Kerja Raya menyatakan, berkenaan kes simbah minyak yang dikatakan berlaku di lebuhraya oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab bertujuan untuk mendapatkan keuntungan daripada kecelakaan orang lain. Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk membendung perbuatan khianat ini.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pihak kementerian dan pemegang konsesi lebuhraya sentiasa memastikan aspek keselamatan di setiap lebuhraya adalah berada di tahap yang terbaik. Lembaga Lebuhraya Malaysia dan pemegang konsesi sentiasa memantau sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti tidak bertanggungjawab yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna lebuhraya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini tiada maklumat atau bukti berkenaan kes simbah minyak di lebuhraya yang direkodkan oleh pihak polis, kementerian mahupun pemegang konsesi. Sekiranya terdapat laporan atau bukti melibatkan perkara ini sudah pasti pihak yang tidak bertanggungjawab ini akan diambil tindakan yang sewajarnya. Pihak pemegang konsesi sentiasa mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk menjamin keselamatan pengguna lebuhraya dengan mengikut garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan, antaranya:

- (i) peronda lebuhraya yang sentiasa melaksanakan rondaan di sepanjang lebuhraya;
- (ii) penyediaan kamera litar tertutup ataupun CCTV di lokasi-lokasi strategik lebuhraya; dan
- (iii) penggunaan anggota polis bantuan untuk membantu membuat rondaan di sepanjang lebuhraya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian dan pemegang konsesi sentiasa mengalu-alukan penyaluran maklumat daripada pengguna lebuhraya sekiranya terdapat bukti mahupun maklumat berkenaan kes simbah minyak ini supaya ia dapat disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang d-Pertua: Terima kasih. Silakan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Abidullah bin Salleh: Terima kasih kepada pihak Menteri yang menjawab soalan itu tadi. Kiranya ada dua soalan tambahan saya iaitu yang pertama, sering kita dengar atau di media sosial masalah tempat R&R ini. Banyak berlaku pecah cermin kereta ataupun kecurian. Jadi apakah langkah-langkah kementerian untuk membaiki ataupun untuk memantau perkara-perkara di R&R?

Kedua, kita lihat sering berlaku apabila berlakunya kereta kerosakan sama ada tayar pancit atau apakah atau kereta rosak, terutama antara- sebab saya berulang-alik antara Melaka dan Kuala Lumpur, Senawang ke Pedas, ada mekanik-mekanik yang beruniform tetapi bukan PLUS membaiki kereta-kereta ini, bukan membaiki dengan baik lagi merosakkan dan membawa ke bengkel dengan caj yang begitu tinggi. Apakah langkah-langkah pihak kementerian yang mekanik yang tidak di undang oleh kementerian ini berada di situ? Sekian, terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan tadi. Izinkan saya menjawab soalan yang kedua dulu Yang Berhormat ya. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di dalam mengendalikan operasi lebuhraya, sering kali berlaku kejadian yang tidak diingini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Selain daripada mengganggu kelancaran trafik Yang Berhormat, perkara ini juga boleh menyebabkan kemalangan ya, yang mengakibatkan bukan sahaja kecederaan, kadang-kadang kematian yang berlaku dan juga kerosakan kepada harta benda.

Oleh yang demikian Yang Berhormat, pihak LLM telah mewujudkan satu prosedur tetap operasi bagi menyelaraskan tindakan yang perlu diambil oleh syarikat konsesi selaku pengendali lebuhraya bertol, dengan bantuan jabatan dan agensi yang lain yang mempunyai kepakaran Yang Berhormat.

Ini untuk memastikan setiap berlaku insiden sama ada di luar jangkaan dan kecemasan dapat dikendalikan dengan efektif Yang Berhormat, termasuklah insiden yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Ini merupakan contoh prosedur tetap operasi pengendalian kita... *[Menunjukkan dokumen berkaitan]* Semua merangkumi apa sahaja suasana yang berlaku di lebuhraya mahupun di R&R, Yang Berhormat. Perkara-perkara seperti pihak yang perlu dihubungi, ini merangkumi lima tindakan Yang Berhormat iaitu:

- (i) jika berlaku apa-apa sahaja kejadian *spillover* contohnya Yang Berhormat, perkara yang pertama yang perlu dilakukan adalah untuk menutup jalan yang terlibat itu;
- (ii) adalah untuk memaklumkan kepada pihak-pihak berkenaan termasuklah pihak agensi yang terlibat dan juga para pengguna melalui iklan-iklan ataupun penyaluran maklumat yang *available*, dengan izin, Yang Berhormat;
- (iii) kerja-kerja pembersihan;
- (iv) kerja-kerja pembaikan; dan
- (v) jalan itu boleh dibuka sekiranya berlaku di atas jalan kita.

Jadi tindakan perlu cepat Yang Berhormat dan ia memang ada dalam SOP ataupun prosedur tetap operasi pengendalian kita. Mengenai tindakan, Yang Berhormat sudah tentu pihak konsesi sebagai pihak yang bertanggungjawab boleh mengambil tindakan-tindakan termasuk tindakan perundangan sekiranya perlu Yang Berhormat. Sama ada berbentuk *criminal* atau jenayah mahupun berbentuk sivil ke atas mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1150

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahajalah masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Usul?

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.50 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan D.R.33/2017 Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian (Pindaan) 2017; D.R.26/2017 Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017; D.R.30/2017 Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017; dan D.R.17/2017 Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 seperti yang tertera di nombor 1 hingga nombor 4 dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Ogos 2017.

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan perkara kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MEMBAHARUI UNDANG-UNDANG (PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN) (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.51 pagi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 dan dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Tuan Yang di-Pertua, Akta membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian 1976 [Akta 164], merupakan satu akta berkenaan perkahwinan monogami bagi orang bukan Islam, yang merangkumi pengupacaraan dan pendaftaran perkahwinan serta pendaftaran perceraian di dalam Malaysia dan semua orang yang berdomisil di dalam Malaysia tetapi tinggal di luar Malaysia.

Cadangan pindaan kepada Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 ini, digubal berpandukan tiga prinsip utama sebagai mana yang dinyatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam ucapan beliau semasa Majlis Perasmian Sambutan Hari Wanita Kebangsaan, 2016 pada 25 Ogos 2016.

- (i) bahawa sebarang isu berbangkit berkenaan perceraian bagi perkahwinan yang didaftarkan secara sivil perlulah diselesaikan di Mahkamah Sivil terlebih dahulu, ini bagi memastikan tuntutan seperti hak jagaan dan nafkah anak-anak hingga peringkat pendidikan tertinggi terpelihara dan terjamin;
- (ii) berpaksikan prinsip keadilan sejagat, pindaan akta 164 akan memberikan peluang kepada kedua-dua pasangan untuk menyelesaikan isu perkahwinan sivil di mahkamah sivil dan seterusnya meneruskan kehidupan masing-masing seperti untuk berkahwin lain bagi pasangan yang bukan Islam; dan akhir sekali
- (iii) percanggahan yang berlaku antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah, berbangkit daripada pemelukan agama Islam oleh salah seorang pasangan dapat diselesaikan dan pertindihan peruntukan undang-undang yang sedia ada dapat diselesaikan.

Justeru dengan merujuk kepada tiga prinsip utama tersebut, pindaan ini adalah sebagai satu langkah untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit, berhubung dengan pemelukan agama oleh salah seorang pasangan bukan Islam yang berkahwin di bawah undang-undang sivil dan seterusnya menjaga kepentingan dan memberi keadilan kepada kedua-dua pihak.

Antara masalah yang berbangkit susulan pemeluk agama salah satu pasangan bukan Islam kepada agama Islam ialah, pasangan yang memeluk agama Islam tidak mempunyai hak di bawah Akta 164, untuk memfailkan petisyen bagi membubarkan perkahwinan sivilnya di Mahkamah Sivil. Penentuan hak penjagaan anak-anak dan pembahagian harta sepencarian bersama bekas pasangannya dan harta lain yang dipunyai oleh diperoleh oleh mualaf itu sebelum dia memeluk agama Islam.

Pindaan ini juga merupakan manifestasi komitmen berterusan kerajaan selaku pemerintah yang bukan sahaja bertanggungjawab untuk terus memartabatkan kedaulatan Islam sebagai agama rasmi bagi persekutuan, tetapi juga pada masa yang sama, memelihara prinsip dalam kerangka kemajmukan bangsa dan agama dalam kalangan rakyat negara kita. Rang undang-undang ini bertujuan untuk memberikan hak kepada suami atau isteri yang telah memeluk agama Islam bagi memfailkan petisyen perceraian untuk membubarkan perkahwinan sivilnya di bawah subseksyen 51(1), Akta 164.

Pada masa ini untuk undang-undang tidak memberi suami atau isteri yang memeluk agama Islam hak untuk memfailkan petisyen perceraian di Mahkamah Sivil di bawah Akta 164 memandangkan hak tersebut hanya diberikan kepada suami atau isteri yang tidak memeluk agama Islam.

Oleh yang demikian, selagi suami atau isteri yang tidak memeluk agama Islam, tidak memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan di Mahkamah Sivil, perkahwinan sivil suami isteri tersebut masih dianggap sah dan berterusan di bawah Akta 164. Contoh kes yang pernah berlaku ialah kes '*Tang Sung Mooi vs Too Miew Kim*', 1994, 3 CLJ 708, yang mana kedudukan ini masih dianggap sah.

Selain itu, disebabkan oleh suami atau isteri yang memeluk agama Islam tidak mempunyai hak untuk memfailkan petisyen perceraian, maka dia juga tidak mempunyai hak untuk membuat permohonan *release* sampingan yang lain seperti nafkah, hak penjagaan anak, pembahagian aset perkahwinan dan sebagainya. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada suami atau isteri yang memeluk agama Islam, kerana Akta 164 tidak memperuntukkan remedi kepada mereka dan terdapat sebilangan daripada mereka mendapatkan remedi yang lain dengan cara memfailkan permohonan perceraian dan *release* sampingan di Mahkamah Syariah.

Konflik akan berlaku sekiranya kedua-dua suami isteri tersebut membuat permohonan masing-masing di dua mahkamah yang berbeza iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah serta kedua-dua mahkamah tersebut membuat perintah yang berbeza. Tuan Yang di-Pertua, antara kes yang telah membangkitkan konflik berkenaan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah melibatkan salah seorang pasangan bukan Islam, memeluk agama Islam berhubung hak penjagaan anak-anak ialah kes '*S. Deepa v Izwan Abdullah @Anviran*', dan kes '*Indira Ghandi v Mohd Ridhuan Abdullah @K. Patmanathan*' yang mana kedua-dua kes tersebut telah menjadi suatu kes kepentingan awam yang telah menyentuh sensitiviti agama dan berpotensi menggugat ketenteraman awam.

Dalam kedua-dua kes tersebut, yang terlibat masing-masing telah menuntut hak jagaan anak-anak di Mahkamah Syariah, bagi pasangan yang memeluk agama Islam, dan Mahkamah Sivil bagi pasangan yang tidak memeluk agama Islam, mengikut undang-undang yang berkuat kuasa ke atas pasangan tersebut dan keadaan menjadi lebih rumit apabila kedua-dua mahkamah tersebut mengeluarkan perintah jagaan yang berbeza.

Oleh yang demikian perbezaan, perintah yang dikeluarkan oleh kedua-dua mahkamah, oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah berkenaan kes-kes ini telah menunjukkan kelompongan dan pertindihan peruntukan undang-undang yang mengenai bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dalam isu yang berbangkit susulan pemeluk agama Islam bagi salah seorang pasangan bukan Islam, seperti pembubaran perkahwinan dan *release* sampingan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, pindaan-pindaan kepada Akta 164 adalah Fasal 1 hingga 8, seperti yang terkandung dalam naskhah biru rang undang-undang yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Henry Sum Agong]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Perceraian, 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Silakan Yang Berhormat Datuk Profesor Sim Kui Hian.

11.59 pg.

Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia merupakan sebuah negara yang unik, yang telah dianugerahkan dengan kepelbagaian kaum dan agama. Manakala, hak kebebasan beragama termaktub di dalam Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian keperluan bagi mewujudkan sebuah undang-undang yang memberikan tahap yang seimbang dan keadilan kepada semua agama di dalam negara ini adalah sangat diperlukan.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan rakyat untuk memastikan keharmonian negara sentiasa kekal terpelihara. Saya percaya kerajaan akan melakukan yang terbaik bagi tujuan ini.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya kita mengetahui Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 ini tidak mempunyai perubahan kecuali pengguguran ke atas seksyen baru 88A. Sepatutnya perkara yang paling ketara dan boleh dikatakan paling penting mengenai pindaan ini adalah kemasukan seksyen ini. Rang undang-undang yang asal pada mulanya adalah satu pertimbangan yang baik dalam usaha kerajaan untuk memberi hak yang seimbang kepada semua pihak tanpa mengira bangsa atau agama terutamanya kepada golongan kanak-kanak. Walaupun saya memuji usaha kerajaan dalam menambah baik Akta 164 ini, tanpa berselindung saya ingin melahirkan rasa sedih kerana seksyen ini ditarik balik semasa sidang Dewan Rakyat yang lalu dengan alasan bahawa klausa tersebut adalah bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pertamanya, kerajaan telah mewujudkan *Committee Cabinet* pada tahun 2009 bagi mencari penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka yang terlibat seperti kes Puan Indira Gandhi.

Keduanya, apakah *result* hasil daripada *Committee Cabinet* yang ditubuhkan tersebut dan mengapakah seksyen 88A ini diletakkan pada awalnya di dalam akta ini sekiranya *committee* tersebut sedar ia adalah bercanggah dengan Perlembagaan?

Akhir saya menyeru kepada kerajaan yang sentiasa mendahulukan rakyat agar mempertimbangkan semula kemasukan seksyen 88A ini pada pindaan yang akan datang kerana pindaan RUU ini tidak lengkap sekiranya isu-isu *unilateral conversion* masih tergantung tanpa sebarang penyelesaian. Ini merupakan soalan golongan minoriti yang telah lama tersepit di dalam masalah ini. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab menjaga kebajikan keseluruhan rakyat tanpa mengira bangsa dan agama, saya percaya kerajaan akan mencari penyelesaian kepada permasalahan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Tidak ada? Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun? Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad? Oh, semua sudah keluar. Silakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan.

12.03 tgh.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang ini untuk turut mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Perkahwinan dan Perceraian, 1976 Act.

Pada saya, rang undang-undang ini begitu *conspicuous* bukan fasal apa yang ada dalam rang undang-undang ini tetapi apa yang rang undang-undang ini gagal untuk membuat.

Fasal kalau kita tengok daripada segi awalnya, tujuan utama rang undang-undang ini adalah untuk menyelesaikan masalah *interfaith custody dispute* ataupun *unilateral conversion*. Itu tujuan utama walaupun ada tujuan-tujuan yang lain tetapi dengan penarikan balik *clause 88A* dalam *reading* ini, matlamat yang *prime objective* itu sudah tidak ada lagi. Fasal kalau kita semua sedar bahawa 88A ada dalam rang undang-undang ini semasa dibentangkan untuk *First Reading* seperti juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi semasa *First Reading* di bulan November.

Saya akui bahawa terdapat beberapa *argument* bahawa penarikan balik 88A itu *is not the end of the world* kerana terdapat juga lain-lain pindaan yang dicadangkan seperti pindaan kepada seksyen 3, pindaan kepada seksyen 51 yang membenarkan atau seksyen 51A yang membenarkan orang yang beragama Islam untuk pergi ke Mahkamah Sivil dan juga kalau kita tengok akhir sekali *I think, transitional powers*. Daripada segi *transitional powers*, kebanyakannya *I* tengok positif tetapi walaupun pindaan-pindaan ini positif, yang jadi isu sekarang ialah atau bila saya maksudkan tadi, niat objektif atau objektif utama ialah *unilateral conversion*. So daripada segi aspek itu, rang undang-undang ini tidak dapat menyelesaikan masalah *unilateral conversion*.

Saya sebenarnya cuma akan menyentuh satu atau dua isu sahaja dalam perbahasan. Pertama sekali, *argument* yang diberikan oleh kerajaan kenapa klausa 88A itu ditarik balik iaitu bertentangan dengan *Article* atau *Federal Constitution* 12(4) di mana terdapat- itu *argument* dia di mana dia cakap 88A itu bertentangan dengan 12(4). 12(4) itu sepatutnya kena baca dengan *as singular* fasal dia pakai perkataan "*parent*", dan bukan "*parents*", dan sebagainya. Pada saya *that is arguable* dan saya akan bagi pendapat saya kenapa saya berpendapat *that 12(4) itu is arguable*.

Akan tetapi yang jadi isu kepada saya ialah sebelum ini kita semua sudah tahu secara *Parliamentary drafting procedures* dan sebagainya. Sebelum sesuatu rang undang-undang itu dibentangkan di Parlimen, ia perlu dirujuk kepada *AG's Chambers* dahulu oleh *Parliamentary draftsman*. Secara khusus kalau kita fokus kepada akta, *First Reading* itu November. *That means*, ia mesti dibentangkan kepada *AG's Department* sebelum November. Sekurang-kurangnya sebelum November. *That means* hampir setahun dulu. Mungkin sebelum itu. Pada saya, mungkin dari tahun 2009 atau selepas tahun 2009 dan sekurang-kurangnya dari tahun 2016 semasa *announcement* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

So isu saya, kenapa *AG's Chambers* berdiam diri selama ini? Fasal sekarang alasan yang diberi yang bertentangan dengan 12(4) ialah satu pandangan yang diberi oleh *AG's Chambers*. Kenapa setahun ini, *AG's Chambers* diam? Satu tahun atau dua tahun. Kalau betul-betul dia sudah tahulah, kalau betul-betul dia sudah tahu ini bertentangan dengan 12(4), kenapa berdiam diri selama ini. Pada saya, kalau dia tahu dan dia berdiam diri, apakah motif dia? Kalau dia tahu dan dia diam diri, bererti dia *he is being irresponsible*, *AG's Chambers* ini *is being very irresponsible*. Fasal sekarang yang menjadi isu ialah penarikan balik atas nasihat *AG's Chambers* kalau dia betul-betul tahu dan tidak beritahu sebelum ini, *AG's Chambers*.

Akan tetapi mungkin *AG's Chambers*, boleh cakap dia baru tahu. Kalau betul-betul dia pakai alasan dia baru tahu, fasal dia yang pegang. *Later I will tell you* kenapa saya pegang *AG's Chambers as responsible*. Kalau alasan dia, dia baru tahu, *that means* you pegang draf ini untuk hampir setahun *and only now you realized* ia bertentangan dengan 12(4). Kalau ini betul, *then I think we are having AG's Chambers is the most incompetent department* dalam Malaysia, dengan izin. Kalau dia tidak dapat tahulah.

Pada saya, *I need to know* sama ada *AG's Chambers* ini, *is it the most incompetent department or is it the most irresponsible department? Either way. You either irresponsible*, kalau *you* tahu *you* tidak beritahu, *you irresponsible*. Kalau *you* tidak tahu, *you are incompetent*. Itu pertama daripada segi isu pada saya, *either way* *AG's* kena ambil tanggungjawab *for this state of affairs* terutama sekali untuk penarikan balik. *You* tidak boleh- *lead people up the garden path and then* lepas setahun cakap *eh, sorry*. Tafsiran saya berlainan. Itu satu.

■1210

Isu yang lagi satu yang saya cakap saya akan- *whether* klausa 88 itu betul-betul bertentangan dengan 12(4) atau tidak, pada pendapat saya, *it's arguable*. Pasal kalau kita tengok 12(4), kalau kita tengok *authoritative text* dalam bahasa Inggeris, saya *quote*, "*For the purposes of Clause (3), the religion of a person under the age of 18 years shall be decided by his parent or guardian*". Isu yang timbul ialah perkataan "*parent*" yang *singular* dan sebagainya. Saya *notwithstanding Federal Court decision, justice league. Justice league* yang buat *decision* in tahun 2008, in *Subashini's case*, tafsiran "*parent*" sebagai *single*...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, klausa 88A ini tidak ada dalam pindaan sekarang.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bincang kenapa ia tidak dimasukkan.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Berhujah bertentangan dengan kebolehan *AG Chambers*.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: *Yup*.

Tuan Yang di-Pertua: Ini saya ingat, cukuplah Yang Berhormat fasal Yang Berhormat sudah bercakap fasal *AG Chambers*. Kalau saya- saya ada jawapan di sini kenapa kita tidak payah berhujah fasal 88A ini. Ini bukan berkenaan dengan pindaan. So, kalau boleh, Yang Berhormat teruskanlah kepada hujah yang lain.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Dua *points* lagi. Satu, yang *I* cakap 12(4) itu. Pada saya, 12(4) itu boleh dianggap sebagai *plural* fasal alasan yang saya beri ialah, sehingga tahun 2002, perkataan "*parent*" di 12(4), diterjemahkan sebagai ibu bapa, bukan ibu atau bapa. Diterjemahkan sebagai ibu bapa. Terjemahannya ditukar cuma pada tahun 2002. Selepas 2002, ibu bapa itu ditukar menjadi ibu atau bapa. Dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada saya, *my argument is-* satu pindaan *whether it is a translation* atau impak *translation* itu begitu serius, kena bawa kepada Parlimen. Pindaan itu tidak pernah dibawa ke Parlimen. Itu satu.

Kedua ialah kalau *I* tidak sebut fasal- kenapa tadi *I* sebut fasal *AG Chambers*. *I* hendak rujuk sedikit kepada jaminan-jaminan yang diberikan oleh kerajaan. Dua jaminan. Pertama sekali pada tahun 2009. Pada masa itu, klausa 88 pun belum timbul lagi. Ia cuma satu jaminan oleh kerajaan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana dia umum bahawa kerajaan akan cari jalan. Masa itu fasal banyak *cases* seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana banyak *cases* sensitif dan sebagainya, Kabinet telah buat satu keputusan, kena cari satu jalan untuk menyelesaikan masalah itu.

Berikutan dengan keputusan Kabinet untuk mencari jalan untuk menyelesaikan masalah ini, Kabinet telah menubuhkan *first*, kalau tidak salah, satu *interfaith council* dan juga satu *Cabinet Committee*. *Interfaith council* ini, ia pada saya, *based on my knowledge*, ia hanya bermesyuarat dua, tiga kali. Selepas itu *because of the sensitivity*, *interfaith council* itu sudah tidak *function* lagi. Tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah ini diambil alih oleh satu jawatankuasa yang dipengerusikan *none other than the AG himself*. Dia yang pengerusikan *this committee*. Itu yang *argument* saya. Dia tahu sejak tahun 2009 atau sekurang-kurangnya tahun 2011. Dia yang mempengerusikan.

Ada lagi satu kalau bukan sahaja jaminan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi oleh satu pengumuman dibuat oleh *de facto law minister* pada masa itu di Dewan Rakyat. Dia membuat satu pengumuman bahawa berdasarkan kerja-kerja *this committee*, berdasarkan Kabinet punya keputusan, pengumuman yang dibuat ialah kanak-kanak dalam insiden di mana terdapat *interfaith custodial dispute* dan sebagainya, kanak-kanak itu akan dibesarkan dalam *common religion of that time of marriage* itu. Itu pengumuman.

Akan tetapi saya hendak balik- *that is 2009, 2010, 2011* tetapi *sometime last year*, pada tahun 2016 kalau tidak salah pada bulan Ogos 2016, semasa melancarkan *National Women's Day celebration*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan *and this was his words, ya? I'm not taking the whole thing. I'm not quoting out of context* cuma *I* hendak *quote* apa yang relevan bahawa dia umum, bahawa kerajaan atau Kabinet, dia pakai perkataan "Kabinet". Kabinet telah bersetuju kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan. Berdasarkan kepada persetujuan itu maka kita dapat klausa 88A dalam *First Reading* itu, berdasarkan kepada Kabinet punya keputusan. Satu.

Kabinet telah setuju kepada pindaan-pindaan berdasarkan dan dia juga *quote*, bahawa keputusan ini adalah berdasarkan *based on the principles of universal justice*. Ini yang jaminan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagi pihak *It's not his personal promise*. Dia buat itu bagi pihak Kabinet dan kerajaan.

Satu lagi yang saya hendak *mention*, keputusan kerajaan ialah pengumuman ang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober di Dewan Rakyat semasa rang undang-undang ini dibentangkan pada Oktober. *Came out for reading in November. There was a quote that he said, "Any vacuum in existing laws will or can be resolved"*. Memang ada pertindihan atau *misunderstanding* dan sebagainya *and he said, "Any vacuum in existing laws can be resolved once this act is taken"*. So, apa yang kita faham dekat sini, memang *there is some understanding*.

Saya akui benda ini *is sensitive, there are a lot of religious sentiments involved, my religion being more superior, your religion being superior*. Ini semua, saya akui tetapi *the fundamental is*, kita kena *solve this problem*. Saya masih ingat *in November* atau Oktober, semasa klausa 88, semasa rang undang-undang ini dibentangkan untuk *First Reading in Oktober* atau November, banyak *statement* dibuat oleh *members of administration* pada masa itu, termasuk juga ketua-ketua komponen parti. Kebanyakan mereka, *hailed that decisions* bagi satu *win-win situation*. Memang itu satu *win-win situation*. Akan tetapi pada saya, keputusan untuk menarik balik klausa 88A ini, telah menjadikan *the win-win situation* kepada satu *lose-lose situation*. *That is my argument*.

I sekali- I just want to touch one thing because jawatankuasa, as I said, the AG's Committee, which was chaired by the AG himself, sekarang is saying something else. Dia yang *drafted the whole Bill 88A* ini, *that committee* yang *drafted the Bill* itu, masa dia *drafted*, masa dia bagi kepada Kabinet, masa ia dibentangkan untuk *First Reading*, ia tidak bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Tiba-tiba, sekarang, ia bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia.

This is why I rasa, dia kena bagi alasan. Dia kena bagi jawapan, kenapa pendirian yang dia bertukar? *That is my argument* pada dia. Pada saya, *I still feel this and ini* pada saya, kalau alasan tidak diberi oleh siapa-siapa atau *de facto law minister* kah atau siapa-siapa, kenapa pendirian berkaitan dengan tafsiran berubah, *then kesimpulan* yang saya akan buat ialah kerajaan membuat keputusan ini sama ada *because the government lacks the political will* atau untuk tujuan *political expediency*.

Akan tetapi isunya, *if you lack the political will, and kalau you* buat ini, apa-apa *you* buat untuk *political expediency* ini, *comes with a price. You are going to do or you accommodate at expense*. Dalam isu ini, kalau betul-betul kerajaan buat ini untuk *political expediency, then at who's expense?* Pada saya, *you are doing it at the expense of innocent mothers and children*.

■1220

So, akhir sekali saya hendak cakap, *to me* peluang ini adalah satu peluang keemasan untuk *once and for all*, kita *solve this problem*. Akan tetapi *to me*, dengan penarikan balik klausa 88A pendirian saya ialah *this* rang undang-undang yang dicadangkan *is nothing but a word less piece of paper*.

Dari segi matlamat hendak menyelesaikan *unilateral conversion. I stand by my conviction. It doesn't solve unilateral conversion. So, it is a worthless piece of paper*, kecuali seksyen 3, 51, dan 51A. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan 88A ini, perbahasan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah sudah cukuplah. Saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tugas Tuan Yang di-Pertua untuk mentafsirkan Peraturan Mesyuarat dan bukan Perlembagaan. Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, Mahkamah Persekutuan dalam kes '*Subashini A/P Rajasingam v Saravanan A/L Tangatoray*' telah mentafsirkan perkataan "*parent*" tu sebagai mufrad, *singular* iaitu ibu atau bapa.

Tafsiran tersebut adalah seperti berikut: *the word parent*, dengan izin, *in article 12(4) of the Federal Constitution which states that the religion of a person under 18 shall be decided by his parent or guardian means a single parent. Therefore, article 12(4) must not be read as entrenching the right of choice of religion in both parents*. So, ini pada pendapat saya, bertentangan dengan Perlembagaan. So, ini bukan yang akhir, kerajaan belum muktamadkan.

Oleh yang demikian, saya hendak memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kalau hendak buat perbahasan, tujukan kepada pindaan yang tertera. Silakan Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty.

12.22 tgh.

Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, *insya-Allah* saya tidak akan berbahas panjang kerana saya akan fokus kepada apa yang munasabah dalam konteks realiti debat tentang isu Akta 164.

Tujuan saya pada dasarnya bawa rang undang-undang ini sudah ada pembaikan-pembaikannya dan telah dapat menyelesaikan salah satu di antara isu yang besar iaitu penceraian di antara pasangan suami dan isteri, ibu dan bapa yang bertukar agama, salah seorang tadinya.

Jadi isu ini janganlah dijadikan sebagai satu subjek pertikaian agama. Ini amat mustahak. Saya juga berseru kepada rakan-rakan umat Islam kerana setelah saya berbincang dengan ramai tokoh-tokoh agama di dalam dan di luar negara termasuk yang bekerja di Universiti Islam Antarabangsa isu ini sepatutnya tidak sama sekali dapat dijadikan isu yang menimbulkan ketakutan persoalan murtad dan sebagainya.

Jadi isu yang penting dalam rang undang-undang 164 ini ialah persoalan keadilan untuk semua bangsa dan kaum yang berlainan agama. Ini serasi dengan ayat al-Quran, ayat 4, Surah An-Nisa'... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Apabila kamu melakukan hukuman ke atas manusia, lakukanlah seadil-adilnya. Keadilan wajib berlaku kepada ibu dan bapa yang berlainan agama tanpa menafikan hak dan kebajikan kanak-kanak untuk masa hadapan mereka. Tidak kira *parent* itu sudah masuk Islam dia wajib menjaga kebajikan anak di bawah 18 tahun. Selepas 18 tahun, anak punya kebebasan.

Kita wajib menjadikan hak anak-anak di bawah 18 tahun itu terjamin demi masa hadapan tanpa diganggu gugat disebabkan konflik antara undang-undang sivil dengan undang-undang syariah yang telah berjalan sejak 50 tahun yang lalu. Kita buat kajian sejak di akhir pentadbiran Tun Abdul Razak Hussein dalam zaman Tun Hussein Onn menjadi agak hangat dan memuncak hinggalah ke era Dato' Seri Najib Tun Razak. Meskipun tidak dinafikan usaha-usaha ke arahnya sudah pun dibuat dengan serius.

Kanak-kanak di bawah 18 tahun hendaklah dijamin mendapat kasih sayang. Saya tekankan persoalan psikologi, persoalan *al-hubb*, dengan izin, kasih sayang. Kedua-dua ibu bapa walaupun bertukar agama, mesti dikekalkan dan ada *provision* dalam agama Islam walaupun bertukar agama ayah dan ibu hendaklah dijaga sampai ajal mereka berakhir.

Mereka berhak tinggal bersama ibu dan ayah yang berlainan agama mengikut Jadual yang ditentukan oleh kedua-dua ibu bapa. Ikut giliran dan mereka juga berhak untuk mendapatkan penziarahan daripada kedua-dua ibu bapa. Jangan tidak dibenarkan apabila masuk sahaja Islam, macam kes Ridhuan, bawa lari anak. Kemudian orang Islam menasihatkan pula, nasihat yang bukan Islamik bawa lari anak itu dipersetujui. Mana boleh. Tidak boleh.

Ini adalah satu yang bertentangan dengan syariat Islam, akhlak Islam. Jadi kanak-kanak tersebut berhak untuk mendapat peruntukan pelajaran yang secukupnya. Jangan ada diskriminasi, berhak untuk mendapat perkhidmatan kesihatan dan sebagainya. Pokoknya keadilan ini hendaklah berlaku dalam satu keadaan yang saya sebut sebagai satu keadaan yang *fair play*, dengan izin, kedua-dua pihak.

Kita alu-alukan Rang Undang-undang 164 yang telah dapat menyelesaikan satu isu besar iaitu kebenaran sub klausa 52 yang membenarkan penceraian antara suami dan isteri yang menukar agama untuk bercerai. Ini saya fikir satu kemajuan yang besar dan satu *breakthrough*, dengan izin, ke arah pembaikan yang seterusnya. Saya tidak nafikan bahawa masih ada ruang-ruang yang perlu diperbaiki dalam Rang Undang-undang 164 tetapi pada kali ini sekurang-kurangnya walaupun ada tadi ditimbulkan persoalan ditarik balik klausa 88A itu, saya yakin bahawa saya ada cadangan di akhir ucapan saya yang ringkas ini.

Sekarang saya masuk kepada cadangan. Cadangan saya ialah setelah saya bermesyuarat dengan beberapa orang pimpinan Mahkamah Syariah di Malaysia, rakan-rakan saya, satu forum untuk menjadikan satu wahana bagi menyelesaikan konflik yang telah berlaku hendaklah diadakan dan forum ini jangan *binding* kepada legal. Forum ini adalah satu forum yang diperkasakan tetapi bersifat mendamaikan kedua pihak dalam satu proses *consultation*, perundingan, satu proses yang menekankan psikologi, satu proses yang serius yang kalau dalam istilah syarak seperti Majlis As-Sulh iaitulah mesti ada hakam, pendamai di kedua pihak.

Seterusnya, saya juga ingin mencadangkan supaya dan ini diambil pandangan beberapa orang peguam yang terkenal dalam isu ini bahawa sebuah jawatankuasa penyelidikan setelah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja Melayu untuk mengkaji seluruh aspek subjek pertikaian dalam konteks perlembagaan, undang-undang sivil dan undang-undang syarak.

Ini saya fikir sudah pun berjalan sejak daripada Profesor Emeritus Tan Sri Ahmad Ibrahim yang duduk dalam Jawatankuasa Teknikal Syariah dalam dekad 1990-an di bawah arahan Badan Perundangan Islam pada waktu itu yang dipengerusikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri yang berada dalam penjara sekarang. Sudah berjalan.

Akan tetapi entah bagaimana, seperti mana yang juga disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah tadi apa yang telah berlaku di dalam Jabatan Peguam Negara kita pun tidak tahu kenapa berlaku satu proses yang lembap untuk mendamaikan di antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Saya hendak menegaskan juga kepada rakan-rakan yang beragama Islam, jangan melihat pula dalam undang-undang sivil ini segala-galanya dalam undang-undang sivil ini *non-syarie*, dengan izin. Semuanya tidak *Islamic*, tidak betul juga.

■1230

Ada perkara-perkara yang sivil yang bertentangan nyata dengan undang-undang syariah tetapi ada perkara-perkara dalam undang-undang sivil dalam negara kita yang Islam bersamaan dengannya, yang Islam tidak tolak. Ini saya rasa perlu kerana konflik ini dimain dengan emosi, dimain dengan elemen politik, maka akhirnya yang jadi mangsa adalah kanak-kanak. Kita hendak pastikan kanak-kanak- dan kita hendak harmonikan kehidupan rakyat seperti mana yang kita dengar ucapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi, untuk mengharmonikan kaum, salah satu isunya dalam negara kita ialah isu agama.

Rang undang-undang 164 wajib untuk diselesaikan walaupun mengambil sedikit masa lagi tetapi ada komitmen, *there is political will*, dengan izin, daripada pemerintah. Saya nampak ada *political will* itu dan rakyat mahu untuk membantu supaya pendamaian konflik antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah ini dapat dikurangkan atau diminimumkan.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan dan menyeru kepada rakan-rakan ahli-ahli ilmu dalam bidang perundangan Islam bahawa pandangan ilmu fikah Islam adalah luas, tidak hanya tertentu kepada tiga mazhab sahaja dalam konteks mengikut pandangan bapa tetapi ada juga pandangan minoriti seperti pandangan Maliki dan Sufyan at-Tsauri yang tidak menyatakan muktamad mengikut agama bapa sahaja.

Pokoknya, dalam konteks Malaysia, kita menerima pandangan yang berbeza tetapi dengan adab berbeza pandangan dan jangan pula sesama kita cepat, apabila orang ini mengambil pandangan yang minoriti, dituduh orang ini kafir, dituduh orang ini mewakili golongan liberal. Dia tidak tahu bagaimana keilmuan fikah syariah Islam yang begitu luas sekali yang boleh serasi. Saya hendak mencadangkan supaya fikah etnik di Malaysia dapat digubal- *fiqh mu'ayasyah*, dengan izin, seperti yang dibicarakan dalam akhbar *Sinar* oleh Timbalan Menteri, saudara saya, Yang Berhormat Dato' Asyraf Dusuki dalam sirinya baru-baru ini iaitu disebut, *fiqh mu'ayasyah*, fikah kehidupan bersama, fikah *coexisting*.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed, silakan.

12.32 tgh.

Puan Hajah Khairiah binti Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Pertamanya, berkaitan dengan perbahasan Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017, suka saya tekankan perbahasaan berkait dengan seksyen 88A yang telah pun digugurkan adalah suatu perbahasaan yang saya kira tidak lagi relevan. Saya terus kepada perbahasaan saya.

Pertama, berkait dengan bidang kuasa mahkamah yang dinyatakan secara jelas melalui pindaan seksyen 3. Seksyen 3(3) dipinda bagi memberikan bidang kuasa eksklusif kepada mahkamah sivil berkenaan dengan pembubaran perkahwinan dan semua perkara yang berbangkit daripadanya jika salah seorang daripada pasangan memeluk agama Islam iaitu dengan kata lain, mahkamah sivil telah diberikan kuasa bagi mendengar kes-kes yang di bawah bidang kuasa mahkamah syariah iaitu aspek pembubaran perkahwinan dan semua perkara berbangkit daripadanya bagi seorang mualaf yakni seorang yang baru memeluk agama Islam.

Antara tujuan utama pindaan seksyen 3(3) pastinya adalah bagi membolehkan seseorang yang telah jelas memeluk agama Islam dan bergelar seorang Muslim untuk dibicarakan dalam mahkamah sivil sebagai satu pihak yang sah dan ini sama sekali telah melanggar hak beliau, seorang yang beragama Islam, untuk dibicarakan segala hal ehwal diri dan keluarganya di mahkamah syariah.

Pindaan seksyen 3 ini sebenarnya telah merampas bidang kuasa mahkamah syariah dan pihak-pihak berkuasa agama negeri terhadap mualaf dan anak-anaknya yang beragama Islam. Hal ini kerana seksyen ini memberikan hak dan sebagaimana yang disebut, bidang kuasa eksklusif kepada mahkamah sivil untuk mendengar dan memutuskan pertikaian berhubung perkahwinan, penceraian, pembahagian harta, hak jagaan anak dan lain-lain yang melibatkan seorang mualaf dalam perkahwinan sivilnya.

Ini memberikan ruang terlalu luas kepada mahkamah sivil membuat satu keputusan yang berkemungkinan bertentangan dengan undang-undang substantif hukum syarak dan *fiqh* Islam ke atas kepentingan seorang mualaf dari segi dirinya, tanggungjawabnya, hartanya dan anak-anaknya yang telah menjadi Muslim.

Saya tadi begitu tertarik dengan apa yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty tentang *fiqh mu'ayasyah* itu tadi dan saya kira tentang *fiqh mu'ayasyah* ini seharusnya dijadikan antara faktor pertimbangan dalam mengadili kes-kes berkait dengan isu mualaf di dalam suatu platform yang lebih sesuai dan bukannya melalui platform mahkamah sivil.

Bidang kuasa eksklusif ini juga telah mengganggu gugat bidang kuasa negeri iaitu melalui Senarai II, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan berhubung undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam.

Seterusnya, perbahasan saya yang kedua iaitu berkait dengan pindaan seksyen 51 berkenaan hak pembubaran perkahwinan. Seksyen 51(1) dipinda bagi memberikan hak *locus standi* dan klausa tindakan kepada seseorang mualaf untuk memfailkan petisyen pembubaran perkahwinan terhadap pasangannya yang bukan Islam di mahkamah sivil.

Saya ingin merujuk kepada seksyen 46(2), Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] yang mana ia memperuntukkan bahawa seorang mualaf hendaklah merujuk kepada mahkamah syariah bagi perkahwinan mereka yang mana akta ini telah turut diluluskan di dalam Dewan yang mulai ini. Peruntukan kuasa pembubaran perkahwinan seorang mualaf oleh mahkamah syariah ini juga terdapat di enakmen-enakmen keluarga Islam negeri-negeri. Jadi, perkara ini sebenarnya telah pun ada peruntukannya di mahkamah-mahkamah syariah. Cuma, bagaimana kita mengguna pakai peruntukan ini untuk diharmonikan dengan *Law Reform Act* ini?

Melalui kedua-dua seksyen ini, justeru telah berlaku pertindanan bidang kuasa antara mahkamah syariah dan sivil. Dari dahulu sehingga kini, isu ini telah menimbulkan konflik dan polemik. Pindaan yang dibahaskan ini bukan menyelesaikan konflik dan polemik ini bahkan menimbulkan konflik yang lebih besar dan berlarutan.

Bagaimana pula dengan pindaan seksyen 51 ini boleh menjawab persoalan penting yang telah dimaktubkan dan dirungkaikan di dalam Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 121(1A) yang secara jelas menghalang mahkamah sivil daripada mencampuri perkara yang di bawah bidang kuasa mahkamah syariah? Ini telah pun jelas semenjak Profesor Ahmad Ibrahim lagi, ia telah pun dirungkaikan. Jadi sekiranya ditimbulkan kembali, persoalan ini tidak akan dapat diselesaikan.

Pindaan seksyen 51 memberi hak seorang Muslim untuk memfailkan pembubaran pernikahan sivilnya tetapi hak pembubaran itu tidak akan menyelesaikan pertikaian dan pertindanan hak seorang mualaf dan tanggungannya. Ini adalah kerana persoalan bidang kuasa masih tidak dapat dirungkaikan. Hakikatnya, pindaan seksyen 51 ini bukan menyelesaikan isu-isu mualaf tetapi menimbulkan lebih banyak persoalan.

Seterusnya berkait seksyen baharu 51A. Seksyen baharu 51A menyatakan bahawa sekiranya seseorang mualaf meninggal dunia sebelum sempat perkahwinan sivilnya dibubarkan, maka pembahagian harta pusaka mualaf tersebut adalah tertakluk kepada pembahagian oleh mahkamah sivil kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

■1240

Saya mengatakan bahawa seksyen baru 51A ini telah membolehkan Mahkamah Sivil membuat keputusan melangkau dan bercanggah hukum syarak mengenai harta mualaf yang meninggal sebelum pembubaran sempat di selesaikan. Malahan, persoalan faraid dan hak-hak baitulmal negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa Sultan secara terang-terangan telah dipinggirkan.

Saya terus kepada pendirian dan cadangan. Maka, saya di sini menegaskan dan menyatakan pendirian untuk menolak dan menggesa kerajaan menarik balik Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017, di atas sebab-sebab yang dikemukakan. Saya di sini mencadangkan agar apabila perintah Mahkamah Syariah telah didaftarkan di Pejabat Pendaftar Besar Perkahwinan Sivil, perkahwinan tersebut terubur dalam tempoh tertentu dengan prosedur tertentu.

Perintah pembubaran perkahwinan sivil seorang mualaf yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah hendaklah diterima sebagai bukti konklusif oleh Pejabat Pendaftar Besar Perkahwinan Sivil dan ia menjadi satu syarat untuk membubarkan perkahwinan sivil secara *ex parte* melalui permohonan pendaftar perkahwinan sivil dan perkahwinan terubur dalam tempoh tertentu dan prosedur tertentu.

Dalam hal ini, dengan kaedah ini, seorang mualaf tidak dijadikan satu pihak dalam prosiding di mahkamah tetapi boleh hadir sebagai seorang saksi untuk mengesahkan perintah Mahkamah Syariah. Dalam keadaan ini, kerajaan perlu menubuhkan suatu jawatankuasa khas dari mereka yang berkelayakan dan berintegriti dari segi undang-undang sivil dan syariah supaya dapat meneliti, menghalusi, meminda undang-undang yang sedia ada sama ada yang terdapat di dalam enakmen undang-undang keluarga yang berkaitan di negeri-negeri dan akta-akta untuk menubuhkan badan mediasi dan tribunal yang boleh membuat suatu perintah yang mengikat dan diiktiraf oleh kedua-dua pihak yang bertelingkah.

Justeru dengan penubuhan badan mediasi dan tribunal, maka persoalan bidang kuasa dan pertindanan undang-undang dapat dilestarikan tanpa mengganggu gugat sistem federalisme dan sistem dualisme undang-undang yang semestinya dan seharusnya berjalan dengan harmoni di Malaysia. Saya mencadangkan agar jawatankuasa khas ini diberi tempoh tiga tahun untuk mengukuhkan cadangan penubuhan badan mediasi dan tribunal. Hasil cadangan ini akan diusul kepada Majlis Raja-raja untuk diperkenankan dan selanjutnya turut dikuasakan di negeri-negeri.

Dengan demikian, saya sekali lagi menyatakan pendirian menolak rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad ada? Tiada. Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal. Silakan.

12.43 tgh.

Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal: Salam sejahtera, salam perpaduan sehatii sejiwa... [*Berucap dalam bahasa Tamil*] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang saya rasa penting dan perlu dibahaskan di Dewan yang mulia ini. Memandangkan terdapat ramai Ahli yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini, saya akan terus ke isu yang ingin saya utarakan.

Isu pertama adalah mengenai isu pemisahan di antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah bagi menamatkan satu perkahwinan di antara pasangan yang beragama Islam dan bukan agama Islam telah mendapat satu penyelesaian yang baru. Di bawah pindaan ini, pasangan yang ingin bercerai boleh mengemukakan petisyen penceraian mereka di Mahkamah Sivil. Tambahan, hak yang sama diberikan juga kepada pasangan yang beragama Islam ini amat jelas dalam seksyen 3(3) serta seksyen 51(1).

Selain itu, pindaan ini juga telah membolehkan hak yang sama diperoleh oleh kedua-dua pasangan sama ada Islam dan bukan Islam ke atas isu berkaitan dengan perkahwinan anak yang masih berumur di bawah 21 tahun. Persoalan adalah bagaimana jika terdapat salah seorang ibu bapa yang tidak dapat dikesan atau telah berhijrah ke luar negara dan bukannya meninggal dunia? Bagaimana persetujuan mengenai perkahwinan dapat di tentukan? Dalam situasi kedua, sekarang seorang remaja yang berumur 19 tahun ingin berkahwin tetapi kedua-dua ibu bapa kandung dan ibu bapa angkatnya telah meninggal dunia, bagaimana persetujuan diperoleh oleh remaja tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan satu lagi perkara yang dilihat sedikit kabur dalam pindaan ini. Adakah dengan melalui pindaan ini, pasangan bukan Islam boleh menuntut bersama hak penjagaan anak mereka. Jika ya, apakah yang boleh dilakukan oleh pasangan bukan Islam untuk memastikan pasangan yang telah memeluk agama Islam tidak menukar agama anak mereka dahulu dan kemudian mengemukakan petisyen penceraian. Jika tidak, apakah jalan penyelesaian yang boleh dicadangkan oleh kerajaan bagi memastikan tidak seorang individu yang mengambil kesempatan dalam urusan prosiding ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang seterusnya yang saya ingin membangkitkan adalah mengenai hak untuk mendapatkan nafkah daripada pasangan yang telah memeluk agama Islam. Ini telah memberikan satu hak jaminan kepada pasangan yang bukan Islam. Ini adalah untuk memastikan agar selepas penceraian perkahwinan terutamanya pasangan yang Islam, tidak hanya melepaskan tanggungjawab mereka begitu sahaja. Terdapat ramai wanita golongan ibu didapati dalam keadaan susah dan tidak terdaya untuk menanggung beban bagi membesarkan anak seorang diri setelah penceraian dan terpaksa tanggung keluarga dengan usaha sendiri.

Seterusnya, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini, terdapat isu penukaran agama kanak-kanak secara *unilateral*, dengan izin. Pengeluaran seksyen 88A yang telah pun dicadangkan dalam versi rang undang-undang tahun 2016 amat mengecewakan banyak pihak. Penambahan seksyen baru 88A sepatutnya menjadi perbincangan yang positif yang dapat menyelesaikan isu pertukaran agama golongan bawah umur secara unilateral.

Saya ingin ambil kesempatan untuk menanyakan kerajaan, adakah kita akan mewujudkan satu mekanisme yang lebih komprehensif bagi menentukan atau menyelesaikan isu ini supaya pihak mangsa seperti contoh Indira Gandhi tidak berulang di mana sehingga sekarang, persoalan masih tertanggung serta menjadi halangan dalam menjalani sisa hidup dengan sempurna dan selesa. Janganlah kita sebagai negara yang penuh bertoleransi, adil dan saksama ini dijadikan sebagai batu penghalang bagi pembangunan dan kehidupan seseorang warganegara untuk menjalani kehidupan yang sempurna. Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

■1250

Saya ingin mencadangkan agar kita dapat merujuk kembali dan mengaplikasikan apa yang dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan di mana hak bagi seseorang yang di bawah umur 18 tahun ini hanya boleh membuat keputusan bagi memilih agama selepas beliau mencapai umur 18 tahun. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata saya ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada mantan Presiden MIC G. Palanivel, Presiden MIC Kebangsaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua yang dihormati. Saya dilantik serta bantuan dan sokongan yang telah diberikan kepada saya sepanjang tempoh perkhidmatan saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini, selama 6 tahun iaitu dua penggal, tempoh saya akan tamat pada 24 Ogos ini.

Terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negara yang mulia ini atas segala bantuan dan sokongan yang diberikan kepada saya. Pengalaman saya di Dewan yang mulia ini akan sentiasa terpahat sehingga ke akhir hayat. Saya akan sentiasa mendoakan agar negara dan rakyat kita sentiasa dirahmati oleh Tuhan yang Maha Berkuasa. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar.

12.52 tgh.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang membahaskan rang undang-undang ini kerana rang undang-undang ini akan memberikan banyak kesan dalam masyarakat majmuk di negara Malaysia. Kesan positif ialah undang-undang ini akan memberi hak kepada suami ataupun isteri yang telah masuk Islam untuk mengemukakan petisyen penceraian untuk membubarkan perkahwinan sivilnya. Ini satu tindakan yang bijak dan baik.

Sebelum pindaan ini, undang-undang yang sedia ada tidak mengizinkan suami ataupun isteri yang masuk Islam menuntut penceraian di Mahkamah Sivil di bawah Akta 164. Pindaan yang dicadangkan akan memberi hak kepada suami ataupun isteri masuk Islam menuntut penceraian melalui prosiding sivil. Ini bagi saya merupakan suatu langkah positif dan dengan penyelesaian masalah ini, pertindihan antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dapat diselesaikan. Kalau inilah masalah pokok yang kita hadapi baguslah, kita telah berjaya mengatasi masalah ini.

Akan tetapi Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, bagi saya isu yang penting ialah agama anak-anak pasangan yang telah bercerai, setelah salah satu daripada mereka telah memeluk agama Islam, inilah masalahnya. Agama manalah yang harus diterima oleh anak-anak itu khususnya mereka di bawah umur. Isu inilah yang sedang menimbulkan banyak masalah.

Masalah yang menonjol ialah apakah nasib kanak-kanak yang tertarik antara si bapa atau si ibu yang memeluk agama Islam. Dengan si bapa atau si isteri yang masih berpegang kepada agama asalnya. Apakah kedudukan kanak-kanak ini dan macam mana kita hendak mencari jalan untuk mengatasi masalah ini? Inilah masalah yang sedang menghantui masyarakat majmuk di negara ini dan sudah ada beberapa kes yang masih tidak menyelesaikan masalah ini.

Itu sebabnya Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa pada tahun 2019, suatu *clause* 88A telah dicadangkan dan saya haraplah saya diberikan izin untuk membaca *clause* itu dalam bahasa Inggeris supaya kita tahu isi kandungan *clause* itu. Boleh saya dapat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya telah membuat petua bahawa 88A ini tidak ada dalam pindaan akta pada hari ini. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak juga bercakap pasal 88A. Saya hendak cakap secara akhir lah, selepas ini saya tidak mahu Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tentang 88A kerana ia tidak ada dalam pindaan. Kalau Yang Berhormat ini biarlah Yang Berhormat yang terakhir.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Saya boleh tetapi saya hendak tunjuk apa isi kandungan ini maka kita boleh membuat satu peninjauan...

Tuan Yang di-Pertua: 88A ini Yang Berhormat tidak ada dalam pindaan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Okey, bagus kalau begitulah. Tuan Yang di-Pertua, dengan pengeluaran 88A daripada pembaharuan ini macam manakah kita hendak menyelesaikan masalah penukaran agama ini yang dilakukan secara *unilateral*, dengan izin. Selalunya dalam kes macam ini, sesiapa yang masuk Islam dia akan pergi ke Mahkamah Syariah dan apabila dia pergi ke Mahkamah Syariah, maka dengan sendirinya Mahkamah Syariah membuat keputusan bahawa dia berhak ke atas anak-anaknya dan anak-anak itu terus menjadi orang Islam. Ini menafikan pembelaan dan hak kepada ibu yang bukan Islam kerana selalunya dia tidak hadir ke Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kalau kita merujuk kepada Imam Syafie, Imam Hambali, Imam Ahmad, mereka ini menyatakan jika mana-mana ibu bapa yang salah seorang daripada mereka memeluk agama Islam maka anak itu mengikut agama Islam. Ini bermakna jika bapanya Islam maka Islam lah dia. Kalau emaknya Islam, Islam lah dia. Mungkin Majlis Fatwa Kebangsaan yang menetapkan pada 25 Jun 2009 bahawa status anak itu mesti mengikut agama bapa ataupun ibu jika salah satu daripada mereka memeluk agama Islam.

Maka, adakah ini satu pendekatan sahaja yang kita harus gunakan? Ada juga pandangan yang lain. Misalnya Imam Ath-Thawri berpendapat status agama anak itu adalah di atas pilihan anak sendiri setelah dia akil baligh. Ini bererti dia boleh berfikir, maka kita biarkan anak itu yang memilih. Pendapat ini sehaluan dengan seksyen yang telah dikeluarkan. Oleh sebab Malaysia merupakan sebuah negara yang kosmopolitan, maka eloklah kita bertindak secara progresif dalam hal ini. Jika isu *unilateral conversion* ini tidak selesai maka masalah ini akan berlarutan dan akan menghantui hubungan kaum di negara ini.

Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, mungkin hanya di Negeri Sembilan kita lihat ada kewajipan apabila seorang menukar agama dan memeluk agama Islam, saudara baru ini perlu membuat satu *statutory declaration* tentang hal ini. Di samping itu dia perlu menjelaskan bahawa semua masalah-masalah berkaitan dengan perkahwinan dia telah diselesaikan di Mahkamah Sivil. Dengan cara begini, maka *unilateral conversion of under age children*, dengan izin, dapat ditangani.

Oleh sebab *Islamic jurisdiction* merupakan *state matter* maka jika setiap negeri dapat menyelesaikan peraturannya seperti apa yang didapati di Negeri Sembilan eloklah begitu kerana Parlimen tidak berupaya untuk bertindak secara positif dalam hal *unilateral conversion* ini, maka saya berpendapat kita terpaksa menolak isu ini kepada setiap negeri untuk bertindak dalam hal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, jam sudah pukul 1, tengah hari, Dewan akan bersambung balik pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Sambung perbahasan. Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan.

2.32 ptg.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tarik nafas Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]*

Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, kerana memberi peluang untuk saya berucap pada petang ini.

Saya sebenarnya agak sedikit susah hati. Perbahasan pagi ini saya rasa ramai yang *confuse* dan menyebabkan saya *skip my lunch*. Ini sakit perut ini. Lepas perbahasan baru saya makan. Sebab ini satu isu yang cukup serius. Pada saya, macam inilah Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat dan membincangkan apa-apa isu yang disarankan oleh pihak kerajaan, kita mesti melihat dari isu pertamanya, niat. Apa niat utama kerajaan membawa Rang Undang-undang 164 ini. Niatnya seperti yang kita sedia maklum, kalau Yang Berhormat masih ingat dua tahun lepas kita telah pun meminda Rang Undang-undang Akta Hasutan.

Di mana di Malaysia pada hari ini kita telah mengambil kira klausa agama. Kalau dahulu Akta Hasutan, kita menekankan kepada bangsa. Akan tetapi, agama telah dimasukkan kerana kita menganggap isu agama ini boleh menjadi satu isu yang cukup bahaya. Isu yang boleh digunakan, dimanipulasikan yang cukup provokatif dan pihak kerajaan tidak akan sama sekali membenarkan isu ini dipolemikkan, yang menyebabkan kita bergaduh.

Negara kita negara Malaysia. Kita *multiracial, multireligious*, majmuk, *cosmopolitan country*. Kalau kita tidak memahami hakikat ini, ya kita berbincang isu-isu yang berdasarkan kepada sentimen emosi, berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu sahaja tanpa melihat kepada perspektif yang menyeluruh, saya rasa kita akan tersasar.

Kita *Alhamdulillah*, Malaysia telah berjaya ditadbirkan di bawah pemimpin-pemimpin kita begitu baik. Walaupun saya kata tadi kita berbilang kaum. Kita menjadi sebuah negara yang bukan sahaja maju tetapi *stable* dan harmonis yang juga dicemburui oleh banyak negara-negara luar.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan perbincangan pagi tadi tidak menitikberatkan beberapa perkara. Saya memikirkan isu ini 164 dibuat di dalam suasana *win-win* untuk semua yang terlibat, tidak kira apa kaum, tidak kira apa agama-164 ini dibuat yang pertama berteraskan juga kepada konsep keadilan. Bukan sahaja keadilan kepada orang Islam, tetapi bukan Islam.

Maksud saya keadilan sini, kalau suami isteri yang bercerai, suami isteri yang telah bercerai, suami atau isteri itu masuk agama Islam dan berkahwin dengan seorang wanita Islam, si suami tidak boleh pergi ke *Civil Court* dan melalui proses penceraian dan isteri pertama tadi masih dianggap sebagai isteri. Di mana isteri yang pertama mempunyai hak sepenuhnya terutama dari segi harta.

Akan tetapi, apa pula dengan hak anak-anak isteri yang kedua tadi. Ya, salah, salah si suami, betullah tetapi itu bukan salah dia, dia hendak berkahwin. Saya tanya sahabat saya tadi masih dianggap sebagai isteri. Macam mana hendak menyelesaikan masalah ini? "*Senang sahaja Ibrahim, jangan dibenarkan orang lelaki berkahwin*", maka selesai masalah [Ketawa]

Maksudnya Yang Berhormat, dalam mana-mana situasi sekalipun, dalam masyarakat, masalah tetap ada. Akan tetapi macam mana kita hendak *manage the problem*. Tidak sampai hingga kita menimbulkan suasana yang tidak tenteram, yang menyebabkan mungkin masalah-masalah yang saya katakan tadi hingga kita meminda Akta Hasutan dua tahun yang lepas iaitu keadilan yang pertama kepada suami isteri iaitu dalam kes ini, apabila akta ini diluluskan, isteri diceraikan maka isteri boleh berkahwin dan meneruskan kehidupan seperti biasa. Suami juga boleh mengambil tindakan. Kalau dahulu suami hanya pergi kepada *Syariah Court*, tidak pergi kepada sivil. Suami juga boleh mengambil keputusan untuk bercerai, *win-win*. Si isteri pun sah bercerai, si suami pun sah bercerai. So, kedua-dua manfaat kepada saya.

Kedua, untuk anak-anak. Saya tegaskan sekali lagi. Bayangkan kalau si suami tadi mempunyai anak-anak lima, enam orang dengan isteri yang baru. Matinya si suami apakah kita tidak berlaku zalim terhadap anak-anak dengan isteri baru. Tidak mendapat sedikit harta daripada arwah bapanya.

Maka, konsep keadilan- akan tetapi Yang Berhormat konsep keadilan ini juga mesti juga berteraskan kepada beberapa prinsip. Yang pertama Yang Berhormat mesti faham bahawa negara ini agama rasminya adalah agama Islam. Itu konsep keadilan, mestilah berdasarkan kepada Perlembagaan Negara. Semua negara di dunia, saya tidak mahu sebut apa nama negara itu, tetap menekan kepada Perlembagaan. Sudah pasti tidak semua rakyat yang berbilang agama di negara itu setuju, mesti ada salah faham, tidak terima beberapa isu.

Akan tetap, matlamatnya tadi keputusan telah dibuat. Kita kena terima dengan hati yang terbuka. Memikirkan dari segi *long term* implikasi. Apakah akan berlaku jika sekiranya tindakan ini tidak dibuat iaitu dengan 164 saya merasakan *win-win* untuk menyelesaikan masalah. Itu yang pihak kerajaan memikirkan untuk penyelesaian masalah yang selama ini timbul di kalangan pasangan suami isteri yang telah bercerai dan berkahwin lain dan masuk agama Islam.

Yang Berhormat, sensitiviti kaum. Ini penting. Saya masih kalau Yang Berhormat ingat kes Natrah di *Singapore*. Isu agama dan ia telah mengorbankan banyak nyawa.

■1440

Kita- *alhamdulillah*, kerajaan kita cukup cepat. Kalau kita merasakan isu-isu tertentu boleh merumitkan suasana, boleh menimbulkan suasana ketegangan agama kita cepat mengambil tindakan. Inilah satu-satu langkah yang kerajaan buat. Sewajarnya saya rasa kita patut mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan. Macam saya katakan pagi tadi, tidak semudah itu untuk mentadbir kerajaan negara kita ini. Kerajaan Malaysia ini walaupun negara kita kecil tetapi berbilang kaum dan perangai setiap kaum itu agak berlainan. Masing-masing hendak mempertahankan kononnya hak mereka tanpa mereka memikirkan Perlembagaan negara dan asas, *foundation* negara yang berdasarkan kepada Rukun Negara ini.

Saya hendak katakan tadi, kita kena pastikan iaitu saya secara umumnya saya cukup menyokong walaupun saya mendengar pagi tadi, saya cukup menyokong rang undang-undang ini mestilah diluluskan. Cuma harapan saya setelah diluluskan, sudah pasti pihak kerajaan akan memperhalus iaitu kalau ada isu-isu yang timbul akan diperhalus kembali untuk kita pastikan mendapat keputusan yang diterima oleh semua pihak. Walaupun saya tegaskan apa-apa keputusan sekali pun, kalau kita tidak mempunyai satu sikap yang terbuka dan berjiwa besar kita akan sentiasa berbalah. Negara kita negara majmuk, tuan-tuan fikirkan matlamat dan niat. Saya katakan tadi rang undang-undang ini untuk mengharmonikan keputusan Mahkamah Sivil dan keputusan Mahkamah Syariah.

Di dalam kes ini kalau sekiranya ada keputusan-keputusan yang dibuat yang bertembung sudah pasti dengan rang undang-undang ini kita dapat menyelesaikan, sekurang-kurangnya meringankan masalah. Ini satu pindaan pada saya yang cukup relevan, cukup penting.

Kalau kita lihat di sini juga, ingin saya katakan bahawa pindaan ini iaitu kita lihat dari segi pindaan seksyen 3, mengatakan Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa eksklusif, ini banyak yang tidak perasan ya bahawa Mahkamah Sivil mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap kes penceraian dan remedinya di antara *Muslim* dan *non-Muslim*. Untuk pengetahuan sebelum ini, hanya Mahkamah Syariah sahaja yang ada hak eksklusif. Maknanya selepas pindaan, Mahkamah Sivil boleh membicarakan soal *hadanah* dan harta mualaf iaitu orang Islam. Itu satu tindakan pada saya yang cukup adil, yang pihak kerajaan cukup berani mengambil keputusan itu. Saya pun tidak faham kalau ada di kalangan kita sama ada orang Islam ataupun bukan Islam yang menolak dan memandang remeh tentang pindaan rang undang-undang ini.

Kedua, implikasinya. Hakim Mahkamah Sivil boleh menggunakan kuasanya untuk menjatuhkan hukuman terhadap *Muslim* tanpa berdasarkan undang-undang syariah Islam dan hal penjagaan anak, pembahagian harta dan pusaka. Tuan-tuan, saya minta ditegur kalau saya silap tetapi saya membaca dan saya teliti perkara-perkara ini. Saya buka perbincangan ini di Parlimen.

Saya rasa perkara ini mungkin kita tidak perasan. Pada saya satu tindakan yang cukup adil untuk menyelesaikan masalah Malaysia yang saya katakan majmuk ini. *It's not that simple*. Saya rasa kalau kita pun menjadi Menteri ataupun *Prime Minister*, saya rasa memang sakit kepala. Buat ini tidak kena, buat itu tidak kena, semua tidak kena. Kita hendak yang kita hendak sahaja, kita tidak fikirkan tentang keseluruhan matlamat negara secara keseluruhannya.

Contoh dalam hal nafkah. Hakim Mahkamah Sivil boleh sahaja minta lelaki yang masuk Islam menanggung nafkah isterinya yang bukan Islam sepanjang hidup. Ini sekali lagi kalau saya silap, ini bacaan saya. Setahu saya kalau dalam Islam pun selama ini. *Correct me if I am wrong*. Tuan Yang di-Pertua, dalam Islam pun apabila bini kita itu sudah kita ceraikan dan dia kahwin lain, kita *stoplah* bagi nafkah. Akan tetapi dalam kes ini, saya baca itu hari dikatakan sepanjang hidup, apa adil lagi kita hendak. Oleh sebab tidak ada peruntukan dalam Akta 164, *limit* yang dibenarkan.

Keempat, contoh dalam hal harta pusaka. Kalau *Muslim* yang mati belum sempat daftar penceraian di Mahkamah Sivil, maka hakim akan bahagikan harta si mati ikut undang-undang sivil. Yang Berhormat, saya rasa ini satu *solution* yang cukup baik, yang cukup tepat. Saya tidak nampak kenapa kita masih ragu-ragu. Saya bercakap di luar tadi, saya jadi *confuse* kenapa sebab Yang Berhormat *confuse*. Oleh sebab saya jadi *confuse*, sebenarnya saya tidak *confuse*.

Akan tetapi apabila semua jadi *confuse*, saya pun turut *confuse*. Akan tetapi hari ini selepas saya tidak ambil *lunch*, saya fikir betul-betul, saya rasa jangan *confuse*. Kita kena sokong, perkara ini penting untuk negara kita. Maka Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menegaskan lagi buka minda kita, terima usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat *confuse* kah atau tidak *confuse*?

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Saya tidak *confuse* lagi sudah. Tadi mula-mula apabila dengar banyak orang *confuse*, saya *confuse*.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Akan tetapi *alhamdulillah*, saya *istiqamah*. Saya berkata *syukur*, *alhamdulillah* saya *misses my lunch*. Saya 'duk' fikir sekejap di *office* tadi. Duduk punya duduk, saya kata, 'depa' ini *confuses*lah. Akan tetapi *alhamdulillah*, saya masih tidak *confuse*. Saya mengatakan kita tetap menyokong dan meneruskan. Cuma kalau ada sedikit-sedikit masalah, saya mengharapkan pihak kerajaan dan pihak kementerian perhalusi, ini negara Malaysia. Sekian, dengan itu saya menyokong pindaan Rang Undang-undang 164. Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

2.47 ptg.

Dato' Jaspal Singh: Terima kasih saya mengucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976. Selamat petang dan salam 1Malaysia saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Saya telah mendengar perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat dan tertarik sekali dengan perbahasan yang telah diadakan tadi terutamanya baru-baru ini daripada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah tentang *confusion*. Bulan ini bulan Ogos, sikit hari lagi kita hendak merdeka. Kemerdekaan kita bukan satu, dua hari tetapi selepas 60 tahun. Apabila kita menoleh ke belakang sedikit dan mengkaji ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada masa itu, semasa kemerdekaan Tunku Abdul Rahman putera daripada negeri Kedah. Dia berkata, "*Di langit Timur lahirnya satu bintang. Bintang yang baru sebuah negara lahir dan memberi komitmen kepada semua mengenai beberapa perkara seperti dalam Perlembagaan, seperti equality, perasaan sama antara satu sama lain.*"

Di bawah Artikel 8 dalam Perlembagaan *freedom of speech, assembly and association*. Artikel 10, dalam Perlembagaan Malaysia, *freedom of religion*, dengan izin, Artikel 11, dalam Perlembagaan, *Federal Constitution*, Malaysia. Jadi saya dengar tadi apa yang diceritakan, dibahas oleh Yang Berhormat Prof. Sim pentingnya *spirit* kita ini sama-sama berjuang untuk kemerdekaan, *spirit* keadilan yang diberitahu oleh banyak Ahli Yang Berhormat, *spirit* menghormati antara satu sama lain tidak mengira agama penting kita kekalkan dan kita memperkasakan.

Hari ini kita berbahas tentang Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017.

■1450

Kita sudah sampai ke satu *traffic light* ini untuk pendapat saya, memang ada beberapa isu mengenai akta ini dan kita hendak cari satu jalan hendak selesaikan. Sebelum saya masuk ini dalam isu yang bagaimana kita hendak memperbaharui ataupun memperkasakan undang-undang ini. Kita lihatlah pada tahun 2009, seorang bernama K. Patmanathan dia telah memeluk agama Islam. Memang *that is right, there is no problem with that*, dengan izin. Akan tetapi dia telah pergi ke Mahkamah Syariah dan tanpa anak-anak menukar agama mereka dan telah mendapat *custody*, dengan izin, kepada tiga-tiga anak. Pada masa itu seorang bernama Prasana Diksa, 11 tahun sahaja, bayi itu 11 bulan umurnya. Dia masih ambil susu daripada ibunya. Seorang kakak dia Tevi berumur 12 tahun masa itu dan Karan Dinish berumur 11 tahun.

Selepas itu ibunya, isteri dia Indira Gandhi telah pergi ke Mahkamah Sivil. Mula-mula Mahkamah Syariah telah mendengar, selepas itu ibu pula pergi ke Mahkamah Sivil. Mahkamah Sivil telah memberi *custody* ketiga-tiga anak itu kepada ibu dia. Akan tetapi sehingga hari ini seorang daripada anak yang bayi itu 11 bulan sekarang saya rasa sudah lepas sembilan tahun sudah, mungkin 10 tahun, tidak dapat dijumpai. Encik K. Patmanathan telah mengambil dia sebab dia pun berpendapat dia mempunyai *custody*. Memang tidak salah daripada undang-undang, Mahkamah Syariah telah beri *custody* dan dia telah mengambil anak ini.

Jika kita lihat kebajikan, *let's study*, kita jangan lihat Mahkamah Syariah kah, Mahkamah Sivil tetapi nombor satu adik-beradik ini telah berpecah. Sampai hari ini Tevi dan Karan tidak pernah jumpa, tidak tahu mana adik dia, yang dahulu itu 11 bulan, sekarang sudah sembilan tahun, budak itu bernama Prasana Diksa. Mana dia? Apa rupa dia? Dia pun tidak tahu. Jadi *there is*, sudah tentu kita semua ini setuju tentang kebajikan kanak-kanak, kita mesti mahu mencari satu jalan menyelesaikan perkara ini.

Kedua, mengenai kes Deepa ini yang telah pun pergi ke banyak-banyak mahkamah. Sekali lagi, sama ada suami dia kelakuan suami dia semasa perkahwinan ini macam-macam kita dengar cerita dia. Akan tetapi di sini pun suami dia telah memasukkan, telah memeluk Islam dan kedua-dua anak mereka telah pun dimasukkan, telah pun bertukar ke agama Islam tanpa pengetahuan ibu dia. Saya setuju bahawa Perlembagaan itu memang ada provinsi dia.

Akan tetapi bila kita lihat daripada kebajikan dan keadilan sama ada proses ini betul tidak. Jadi saya rasa memanglah tepat masanya sekarang kita di Dewan ini semua mencari jalan bagaimana kita boleh membuat satu pembaharuan untuk mendapat satu *solution* yang boleh diterima oleh semua parti. Konsep hari ini bila kita berbahas ini adalah untuk mencari jalan keadilan.

Saya suka tadi Yang Berhormat Senator Dr. Mohd Nor memberitahu kita mesti mencari keadilan. Islam ini memang idea dia adalah memberi keadilan kepada semua parti. Perdana Menteri pun bila saya mendengar tadi daripada Menteri telah beritahu bahawa Mahkamah Sivil perlu selesaikan perkara ini sebelum memberi komitmen, sebelum apa-apa yang lain dilakukan di Mahkamah Syariah. Jadi hari ini saya berpendapat bahawa ada banyak kebaikan dengan pemindaan rang undang-undang ini iaitu nombor satu memberi kuasa eksklusif pembubaran ataupun *dissolution of marriage* kepada Mahkamah Sivil.

Saya hendak tanya kepada Menteri, bagi Menteri penjelasan sedikit, apakah erti "*exclusive right*"? Adakah itu bererti semua benda-benda mengenai perkahwinan *the dissolution of marriage* ini, pembubaran perkahwinan ini hanya boleh dilakukan di Mahkamah Sivil? Apa-apa resolusi dia seperti *custody, asset distribution*, dengan izin, dan sama ada *religion* pun akan ditentukan oleh Mahkamah Sivil.

Kedua, saya rasa ada beberapa isu yang masih ada dia punya *loophole* yang boleh, yang banyak orang rasa khawatir terutamanya orang-orang bukan Islam. Kalau Mahkamah Sivil diberi *exclusivity* untuk membuat keputusan mengenai pembubaran perkahwinan bolehkah seorang itu yang memeluk Islam sebelum pembubaran kahwin di Mahkamah Sivil pergi ke Mahkamah Syariah dan menukar agama anak dia ke Islam. Ini sebab agama untuk pendapat saya, sebelum *custody* penjagaan kanak-kanak diputuskan oleh Mahkamah Sivil, Mahkamah Sivil akan *decide* akan buat keputusan siapakah yang lebih baik menjaga anak-anak ini dari segi kebajikan anak-anak ini. Bolehkah seorang itu mengambil, pergi ke Mahkamah Syariah menukar agama? Ini akan menjadi satu masalah.

Katakan suami itu dia hendak memeluk Islam dan isteri itu tak nak, pergi ke mahkamah sivil dan mahkamah sivil buat keputusan. Bahawa mereka dan ketiga-tiga anak dan Mahkamah Sivil membuat keputusan untuk kebajikan kanak-kanak, untuk kebaikan masa depan kanak-kanak, penjagaan itu diberikan kepada isteri dia tetapi suami itu telah sebelum itu pergi menukar agama mereka ke Islam. Saya rasa selepas itu mesti kita sedikit *lacuna* di sini macam mana hendak *handle situation* ini. Akan tetapi kalau Mahkamah berpendapat katakan isteri itu dia punya karakter tidak bagus, *mentally not sound* macam itu dan dia berasa penjagaan itu lebih baik dengan suami dia. Selepas itu mengikut *Federal Constitution* dengan kuasa itu dia hendak menukar ke agama itu, saya rasa itu kita boleh terima.

Jadi yang ini *this grey area* ini itulah sebab bukan kita sahaja-sahaja hendak buat isu kita hendak 88A masuk itu, kita mahu satu penjelasan *crystal clear*. Tuan Yang di-Pertua, kita hendak satu *crystal clear* ini bahawa Mahkamah Sivil ini mempunyai *exclusive right*, membuat semua keputusan. Selepas keputusan penjagaan dibuat...

Tuan Ramli bin Shariff: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya pada rakan saya ini. Cadangan ataupun cadangan pindaan kepada seksyen 3 ini iaitu soal memasukkan perkataan "kuasa eksklusif". Apa pendapat Yang Berhormat sama ada ini melibatkan soal substantif ataupun *procedural* di dalam cadangan pindaan ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1500

Dato' Jaspal Singh: Yang Berhormat yang bertanya soalan ini dia seorang *lawyer*. Saya seorang jurutera. Saya faham prosedur sahaja sedikit [*Ketawa*] Akan tetapi saya hanya membahaskan apakah kekhuatiran orang-orang agama minoriti ini seperti-kita hendak satu penjelasan tentang, kita hendak rang undang-undang ini *resolve*, selesaikan semua masalah yang kita tengok ini dalam tiga tahun, empat tahun ini yang tidak ada, tidak boleh *solve* ini, *dead end*.

Jadi memang saya rasa, kita mengalu-alukan pindaan ini di mana Mahkamah Sivil diberi *exclusivity*-nya. Akan tetapi itulah saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ini tentang pertukaran agama ini, bolehkah ia dibuat sebelum Mahkamah Sivil membuat keputusan mengenai siapakah yang berhak menjaga anak-anak. Penjagaan ini bukan dari segi agama mana tetapi dari segi kebaikan kebajikan kanak-kanak. Itu yang paling penting.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memberi jawapan ataupun kalau tidak, saya bercadang melihat bagaimana kalau bukan hari ini pada masa hadapan boleh menghaluskan lagi, *refine* rang undang-undang ini supaya benda-benda seperti ini yang telah berlaku dapat dielakkan dan semua orang berasa rang undang-undang ini dapat memenuhi kehendak semua dengan secara keadilan kepada semua kaum. Itu sahaja perbahasan saya pada hari ini.

Saya hendak mengucapkan banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tempoh saya pun sudah hendak tamat sudah seperti Yang Berhormat Puan S. Bagiam. Tempoh saya akan tamat pada bulan November. Tidak dapatlah saya hendak bahas nanti tentang bajet. Mungkin hari ini saya berdiri di depan semua kali terakhir saya berbahas di Dewan yang mulia ini.

Saya hendak mengucapkan banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Presiden MIC Datuk Seri Dr. S. Subramaniam kerana telah memberi peluang kepada saya berada di Dewan yang mulia ini. Saya hendak mengucapkan juga banyak terima kasih. Semua ini sudah kawan-kawan rapat sekali. *I had really enjoyed very interesting time with all of you.* Terima kasih di atas persahabatan yang rapat dengan saya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih...
[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan bersara, contohilah Tan Sri Rahim yang di belakang kerana sudi bersama kita untuk melihat rang undang-undang... [Tepuk] Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad hendak bahas, hendak bahas? Okey, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Azizah.

3.03 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih saya ucapkan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bagi meminda Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas inisiatif menggubal pindaan pada akta ini sebagai satu penambahan dari *exit solution* yang dilakukan untuk menyelesaikan isu-isu perkahwinan dan perceraian yang berlaku kepada pasangan bukan beragama Islam bila mana salah seorang menjadi mualaf atau memasuki Islam.

Ketetapan perundangan sebelum ini telah menunjukkan bahawa isu-isu yang telah berbangkit dalam perebutan harta, kewajipan bekas suami menanggung kos sara hidup anak-anak. Hasil perkongsian hidup semasa perkahwinan sebelum Islam, seseorang yang membuat petisyen perceraian di bawah Akta 164 menjadi sulit dan sukar dimuktamadkan. Ini menjadi polemik dan isu berbangkit yang mesti kerajaan runkaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri jika sekiranya pihak mualaf mengalami hilang upaya kekal, contohnya keupayaan akal selepas berlaku pernikahan dengan orang Muslim dan pembubaran perkahwinan terdahulu belum dilaksanakan, apakah pihak isteri baru mempunyai hak di bawah peruntukan pindaan ini? Untuk membuat tuntutan bagi memperoleh harta, wang simpanan dan menanggung sama liabiliti hutang suami mualaf itu.

Soalan kedua saya, bagaimanakah perancangan kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan pasangan-pasangan yang belum mendaftarkan perkahwinan mereka di bawah Akta 164 ini dibuat kerana terdapat banyak kes pasangan yang berkahwin pada tahun sebelum 1976, belum lagi mendaftar perkahwinan mereka. Ini kerana saya mendapat aduan daripada pihak berkepentingan terdapat juga kes-kes poligami di mana ada di kalangan pasangan bukan Islam berkahwin secara adat dan tidak berdaftar manakala suaminya pula berkahwin lagi satu tahun selepas 1980 dan mendaftarkan perkahwinan dengan JPN yang selepas ini dianggap sebagai perkahwinan ketiga. Pada tahun 2017 ini beliau memeluk Islam dan berkahwin dengan orang Islam.

Soalan saya, bagaimanakah kerajaan menangani kes kahwin pasangan ini? Adakah kerajaan mempunyai satu kaedah penyelesaian untuk memberikan manfaat Islam isteri pertama yang dikahwini tanpa mendaftar sebelum 1976 dan memperoleh anak-anak hasil perkahwinan pertama. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan rang undang-undang ini dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datin Rahimah.

3.07 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam negaraku Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri di atas usaha dan komitmen kerajaan untuk memperbaharui pindaan akta ini bagi membantu golongan muafak memuktamadkan pertikaian dan isu berbangkit dari perkahwinan terdahulu. Apa yang paling penting, tidak ada satu pun implikasi pindaan ini menjejaskan umat Islam dan apa-apa pindaan akan bercanggah dengan Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan huraian dan ketetapan yang dibuat oleh akta ini sebelum pindaan, tidak memberikan kelayakan kepada seseorang muafak yang masih mempunyai ikatan perkahwinan dengan pasangan yang tidak ikut sama memeluk Islam untuk membuat petisyen pembubaran perkahwinan terdahulu mengikut Akta 164. Justeru terdapat banyak isu berbangkit yang menyentuh mengenai pertamanya, urusan pembahagian harta perkongsian dan isu berbangkit ke atas harta perkongsian suami isteri terdahulu.

Keduanya, hak isteri dan anak untuk mendapatkan bayaran tanggungan keperluan harian dan persekolahan atau untuk menampung liabiliti hutang jika sekiranya suami muafak telah putus hubungan kerana masuk Islam.

Ketiga...

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, untuk mohon mencelah.

■1510

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak tanya pendapat Yang Berhormat, bagaimana pula kedudukan sekiranya kita memperhaluskan lagi dengan kedudukan sebelum perkahwinan itu dengan *prenuptial agreement*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua? Adakah perlu kita perhaluskan? Sebab, di negara kita Malaysia ini, kita tidak mengiktiraf soal *prenups agreement*, dengan izin, tetapi adakah ia suatu *moving forward*, dengan izin, untuk kita iktirafkan soal *prenup arrangement*? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Thank you.*

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan Yang Berhormat hendak tanya saya itu samalah dengan Yang Berhormat Dato' Jaspal tadi. Yang Berhormat *lawyer*, saya hanya cikgu besar sahaja. Jadi susah juga saya hendak jawab. Jadi, saya rasa saya mintalah keizinan Yang Berhormat masukkan pertanyaan itu dalam ucapan saya. Biar Yang Berhormat Menteri menjawab. Boleh, Yang Berhormat? Boleh.

Okey, yang ketiga, hak ke atas apa-apa kepentingan seperti usaha niaga dan kepentingan kontrak ataupun liabiliti yang *dicommitted* bersama isteri atau suami yang tidak Islam agar keharmonian dan keadilan hukum Islam wujud walaupun salah seorang isteri atau suami memeluk agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya urusan perkahwinan pemeluk Islam salah seorang suami atau isteri dalam sesuatu keluarga dan proses pembubaran keluarga mengikut Akta 164 ini merupakan satu perkara yang rumit. Setiap kes yang berlaku dan isu yang berbangkit tidak sama dan amat subjektif melewati garis masa sesebuah perkahwinan berlaku dan perolehan harta, tanggungan, liabiliti hutang dan komitmen perniagaan dan keuntungan *goodwill* hasil dari urusan niaga yang telah mereka usahakan sebelum ini.

Justeru, pindaan yang dibuat ini, kerajaan akan dapat memberikan keadilan kepada golongan muafak dari segi hak di bawah peruntukan Perkara 8 Perlembagaan Malaysia untuk memberi ruang akses perundangan agar masalah dan kerumitan isu yang berbangkit diselesaikan melalui prosiding Mahkamah Sivil. Perlu diingat bahawa sasaran kerajaan meminda akta ini adalah untuk memastikan keadilan diperolehi oleh golongan muafak memuktamadkan isu berbangkit sebelum pindaan akta ini diluluskan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, berdasarkan seksyen 51A, bagaimanakah kerajaan memastikan apabila berlakunya perceraian, satu nilai standard sumbangan wang bulanan ke atas bekas isteri dan anak-anak yang mesti dipatuhi dan ditaksirkan sesuai dengan keadaan semasa dan nilai semasa kos sara hidup kini?

Keduanya, apakah ada satu agensi atau entiti yang kerajaan perakukan di bawah peruntukan siri perundangan negara yang boleh menaksir semua takat sumbangan wang, harta, kerja dan hak kepentingan agar sebarang prosiding dalam pembicaraan tuntutan diadili secara saksama dan memberi keadilan benar berdasarkan nilai semasa wang pelaburan, harta dan saham atau sekuriti yang dipegang kongsi oleh pasangan yang membubarkan perkahwinan ini apabila kes masuk Islam seseorang berlaku?

Ketiga, apakah kes-kes yang telah dirujuk di mahkamah sebelum pindaan ini dibuat layak dan sah untuk disemak semula atau dibicarakan semula untuk memuktamadkan kes-kes yang tidak selesai sebelum ini?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pindaan akta ini adalah untuk perkahwinan pihak berkepentingan bukan Islam, saya memohon kerjasama dan perhatian semua pihak agar tidak mensensasikan pindaan akta ini untuk polemik politik dan berita sensasi untuk mengutuk kerajaan. Sudah semestinya pindaan ini akan memastikan keadilan kepada mualaf dan kita serahkan kes-kes ini kepada kebijaksanaan pihak mahkamah untuk menentukan keputusan bagi setiap petisyen tuntutan kerana saya percaya setiap tuntutan adalah berbeza perspektif kes, garis masa dan keadaan yang subjektif.

Justeru, saya menyokong penuh pindaan Akta 164 ini. Semoga ia menjadi teras dan keadilan wajar kepada golongan yang baru memeluk Islam. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Rahimah. Tak ada ya? Okey, Yang Berhormat Datuk Mustapa.

3.15 ptg.

Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Dewan kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan perkahwinan dan penceraian.

Saya tidak berhasrat untuk bercakap berkaitan dengan apa yang telah dibentangkan oleh rakan-rakan saya. Cuma, saya hendak memberitahu kepada semua bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah satu niat yang baik iaitu membantu mualaf dan menjaga kepentingan-kepentingan mualaf yang sebelum ini ianya tidak dilakukan. Ianya juga dilihat sebagai satu perkara yang memberi kebaikan kepada mualaf untuk lebih bersama dengan agamanya apabila memeluk Islam.

Cuma, saya hendak bangkitkan satu perkara yang saya kesal, Tuan Yang di-Pertua. Perkara yang baik ini ada sahaja orang yang cuba memburukkan. Perkara ini telah pun *divirakan* oleh pihak-pihak yang berkepentingan dengan menakutkan dan cuba memburukkan bahawa ini adalah satu rang undang-undang yang tidak memberi kebaikan kepada orang Islam. Saya hendak melahirkan kekecewaan ini kerana saya sendiri terima *viral* yang kononnya Akta 164 ini satu-satunya akta yang tidak baik dan mereka mempengaruhi golongan-golongan tertentu untuk menentang kerajaan. Jadi saya minta dalam Dewan ini supaya perkara-perkara yang baik yang dilakukan oleh kerajaan janganlah kita memutarbelitkan untuk kepentingan politik setengah-setengah pihak.

Saya tahu ada perjumpaan tertutup di sebuah hotel baru-baru ini membincangkan perkara-perkara yang kita bincang hari ini kononnya kerajaan tidak membawa Raja-Raja di dalam isu ini. Saya mintalah Menteri kalau boleh jelaskan supaya mereka ini memahami dan mereka faham bukanlah kerajaan hendak ketepikan institusi Raja dan jangan cuba hendak laga-lagakan antara kerajaan dengan institusi Raja.

Satu perkara yang saya hendak bentangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga minta kepada Menteri kalau boleh tegur-tegurlah para agamawan ini supaya mereka tidak membuat apa-apa fatwa di dalam perbalahan mereka di dalam media sosial. Ini kerana banyak perkara-perkara seperti ini berlaku dan mengelirukan rakyat. Saya mohon kepada pihak Menteri supaya mereka ini juga ditegur. Walaupun mereka mempunyai ilmu agama yang bagus tapi kalau boleh mengelirukan rakyat, saya minta mereka ini ditegur dan berbincanglah di dalam tempat yang tertutup supaya tidak dibawa di dalam media sosial kerana ia boleh mengelirukan rakyat dan membuat perkara-perkara yang negatif kepada kerajaan.

Akhir sekali, saya juga minta kepada Yang Berhormat Menteri, saya hendak tahu berapa banyak kes seperti ini berlaku? Kekerapannya dan jumlahnya. Saya hendak tahu untuk kajian yang saya boleh buat dalam membentuk perkara ini supaya dia dapat dilihat dengan lebih jelas lagi. Jadi itu sahajalah. Sekian, terima kasih. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

■1520

3.20 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) (Pindaan) 2017 iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim; Yang Berhormat Senator Tuan Chandra; Yang Berhormat Dr. Mohd Nor; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah; Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam; Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin; Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah; Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah; Yang Berhormat Senator Datin Rahimah; dan Yang Berhormat Datuk Mustapa Kamal.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Senator Tuan Chandra telah menimbulkan isu berkenaan dengan fasal 88A yang telah dikeluarkan. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sebab telah menerangkan kedudukan kerajaan dalam perkara ini. Sebenarnya tidak bererti bila satu rang undang-undang itu diletak di atas meja Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama, tidak wajib atau tidak boleh dibenarkan pindaan diwujudkan, boleh sama ada pindaan dilakukan dengan penarikan ataupun semasa dalam jawatankuasa.

Dalam perkara ini, kementerian yang bertanggungjawab ialah Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat Senator, sebenarnya Menteri yang bertanggungjawab ini ialah Menteri Dalam Negeri, saya hanya menjawab bagi pihak. Sebenarnya yang berlaku dalam proses ini ialah telah ditarik balik dan kemudian dimasukkan rang undang-undang yang baru untuk bacaan kali pertama dan kedua dengan fasal 88A dikeluarkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua telah terangkan tentang isu perlembagaan, pencanggahan dalam Perlembagaan dan ini diikuti oleh empat kes Mahkamah Persekutuan yang memberi sokongan kepada keputusan tersebut. Jadi sebenarnya Yang Berhormat Senator, kerajaan boleh menarik balik kesemua rang undang-undang itu. Kerajaan boleh menarik balik disebabkan oleh fasal 88A ini boleh dipertikaikan sebagai tidak berperlembagaan, mungkin kerajaan boleh menarik balik, dalam premis mengatakan kerajaan tidak bersedia. Akan tetapi memandangkan fasal 88 hanya sebahagian daripada pindaan dan pindaan di dalam rang undang-undang ini menekankan pelbagai perkara selain daripada *conversion of the child*, terutama sekali dari segi pembubaran perkahwinan dalam 51A dan sebagainya.

Jadi, kerajaan mengambil keputusan dasar supaya dilaksanakan pindaan untuk berlaku adil kepada mereka yang bukan beragama Islam di dalam akta 164. Itu sebabnya kerajaan menjalankan pindaan ini diteruskan dengan menarik balik 88A. Ini tidak bermakna bahawa kerajaan tidak bersedia dan 88A hilang dalam perbincangan atau perbahasaan, tidak. Seperti kata saya dalam Dewan Rakyat bahawa kerajaan bersetuju untuk mengkaji lebih mendalam fasal 88A yang mewujudkan isu *conversion of the child* yang mana kita tahu sama ada fasal ini itu dilihat melengkap atau mencukupi atau tidak, tetapi isu anak-anak yang menjadi mangsa di dalam perbalahan keluarga dalam proses penceraian, menjadi mangsa.

Jadi perkara ini tidak dapat diselesaikan dengan hanya satu fasal sahaja. Jadi banyak lagi perkara yang perlu dikaji, dilihat. Ini kerana kalau kita tengok Perlembagaan Malaysia, bila kita bercakap seperti yang Tuan Yang di-Pertua dalam perkataan "*parent*"-*parent* itu wujud *parent*. Jadi versi bahasa Inggeris adalah versi yang rasmi. Akan tetapi di bawah fasal-fasal lain dalam Perlembagaan, diletakkan perkataan "*parents*" dan tidak hanya pada *parent*. Bermakna Perlembagaan itu berbeza-beza dalam fasal-fasal tertentu.

Jadi perkara ini perlu kita membuat kajian menyeluruh dan ini tidak bermakna kerajaan- Pejabat Peguam Negara silap, tidak. Ini hanyalah proses dasar yang mana kerajaan bersetuju bahawa kita akan mengkaji semula 88A dalam keadaan setelah banyak perbincangan demi perbincangan dilakukan, bukan sahaja dengan NGO, tetapi badan-badan, agensi-agensi kerajaan yang terlibat secara langsung ataupun tidak secara langsung dalam perkara-perkara isu *conversion of the child*. Itu sebenarnya jawapan rasmi daripada kerajaan.

Yang Berhormat...

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: *On this point* sahaja serta juga keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Penarikan balik- saya akui memang kuasa kerajaan sama ada hendak meluluskan, hendak *amend*, hendak tarik balik dan sebagainya. Sebenarnya dalam perbincangan saya, saya fokus bukannya kepada penarikan balik *per se*, tetapi alasan yang diberi untuk penarikan balik iaitu *control win the Constitution*.

Saya akui selepas itu Tuan Yang di-Pertua telah memberitahu bahawa banyak keputusan yang telah dibuat di mahkamah dan sebagainya terutama sekali kalau tidak salah, *Federal Court decision* dalam Subashini punya kes- keputusan. Kalau tidak salah *Justice Nik Hashim* dalam- akan tetapi isu yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adalah berkenaan *contribution*. Kalau boleh, saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada seksyen 5(1), *Guardianship of Infants Act* pada tahun 1961 punya akta, seksyen 51.

Seksyen 51 secara spesifik- *that mean what I'm trying to say*, seksyen 51 ada, *Constitution* ada *and* dalam seksyen 51 itu dia *specifically* merujuk kepada *a provision known as equality of parental rights, equality of parental rights* secara khusus. Walaupun kalau saya terima *argument* kerajaan- 12(4) *is singular*. Walaupun *singular*, walaupun saya terima *argument* itu, tetapi *for all purposes of determine* kalau I baca, *just one part* of seksyen 51, walaupun seksyen 51, dia sebenarnya rujuk banyak kepada *custody*.

Akan tetapi seksyen 51 juga merujuk kepada- *in relation to upbringing of the child*, termasuk agama. Dalam seksyen 51, *an equality of parent rights*, ayat yang digunakan dalam 51 ialah "...*a mother...*", *of course* banyak lagi dia cakap ialah- dia cakap, "*a mother shall have the same rights and authority as the law allowed for the father*". So, itu pendirian saya *why I argue and say that* 12(4) itu *doesn't*- pada saya walaupun *it's* mungkin tafsiran kerajaan itu *singular*, dan bukan. Akan tetapi, *even if that being the cases* dia tidak menghalang akan- satu lagi Tuan Yang di-Pertua, sebelum Menteri boleh jawab.

Kalau kita hendak, *we can also* masuk dalam *the same Law Reform Act* ini *without amending the Constitution*. Kalau niat ini, fasal niat. Kalau betul-betul kita hendak, *we can also amend Law Reform Act and say, for purposes of this act, "parents" shall mean this, this, this*, kalau hendaklah. *It can be done, I'm not saying it can't be done*.

Tuan Yang di-Pertua: Itu cadangan Yang Berhormat?

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Itu cadangan saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat tentang cadangan tersebut. Seperti yang saya katakan tadi bahawa fasal 88A yang mana ditarik balik oleh kerajaan mengambil kira pelbagai keputusan Mahkamah Agung dalam perkara ini. Selain daripada mana yang disebut oleh Tuan Yang di-Pertua, kita juga tengok bahawa ada kes yang boleh dilihat sebagai kes-kes yang boleh diberi pentakrifan yang hanya kepada definisi "*parent*" sahaja. Itu sebabnya, atas sebab nasihat Jabatan Peguam Negara perlulah dibuat pindaan kepada Perlembagaan kalau kita hendak wujudkan fasal 88A, itu sahaja. Itu sahaja yang diberikan sebagai penerangannya.

Yang Berhormat Profesor Dr. Sim bertanya, apa hasil Jawatankuasa Kabinet ditubuhkan pada tahun 2009? Sebenarnya Kabinet telah bersetuju dengan pindaan kepada seksyen 51, Akta 164 dan peruntukan *relief* sampingan berkaitan dengannya tanpa melibatkan isu agama anak. Maknanya Yang Berhormat Senator, daripada tahun 2009, perbincangan ini sentiasa dibawa ke tengah disebabkan kewujudan apa yang disebut sebagai konflik disebabkan oleh kebolehan sesuatu pasangan dalam perkahwinan yang didaftar bawah Akta 164 memasuki agama Islam.

Itu sebabnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan ucapan beliau dalam Hari Wanita, mengatakan sebagai tiga prinsip yang saya sebut tadi, perlu wujudnya keadilan kepada keluarga tersebut untuk diselesaikan isu perkahwinan mereka. Pindaan kepada seksyen 51 ini yang disebutkan sebagai pasangan yang memeluk agama Islam adalah supaya membolehkan pasangan yang memeluk agama Islam pergi ke Mahkamah Sivil untuk menamatkan perkahwinan mereka sama ada isteri ataupun suami, dan *reliefs* berkaitan itu dilibatkan sekali.

■1530

Kalau tidak wujudnya situasi yang paling ekstrem ya Yang Berhormat Senator, yang mana individu itu ada dua keluarga. Satu pihak yang daftar bawah Akta 164, lagi satu pihak yang didaftarkan di bawah perkahwinan Islam. Jadi dia ada dua keluarga dan wujud pula percanggahan bila berlakunya, kalau orang tidak tahu itu tidak apa, kalau orang tahu isu berkenaan dengan bila yang memeluk agama Islam ini mempunyai dua keluarga, satunya dia meninggal dunia, orang tidak tahu tiba-tiba orang tahu. Kemudian isu harta, kemudian isu anak, jadi pelbagai isu yang perlu dipertikaikan.

Jadi dalam perkara ini, pindaan ini mencadangkan supaya diberikan kebolehan untuk pergi ke Mahkamah Sivil supaya ditamatkan perkahwinan tersebut, dan semua *relief* yang berkaitan itu diselesaikan. Itu sebabnya saya sebut dalam Dewan Rakyat ya Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tentang *it takes a real* contohnya, *it takes a real man to- to be responsible*. Sudah kahwin, hendak masuk Islam, itu hak dia hendak masuk Islam. Itu peluang pada dia, dia hendak masuk Islam tidak ada masalah. Akan tetapi keluarga dia yang dia telah mempunyai keluarga, berkahwin, berdaftar bawah Akta 164 akan gantung lebih daripada gantung tidak bertali Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak selesaikan perkahwinan tersebut dan tidak digugurkan perkahwinan tersebut di bawah pendaftaran Akta 164, perkahwinan itu masih wujud.

Walaupun ikut hukum syarak yang saya sebut dalam Dewan Rakyat, dia masuk Islam, perkahwinannya secara hukum syarak *automatically dissolved*. Memang perkahwinannya *dissolve* sebab dia sudah masuk Islam tetapi *relief* dalam perkahwinan tersebut, pendaftaran perkahwinan tersebut, harta sepencarian perkahwinan tersebut, hadanah harta perkahwinan tersebut, *custody* perkahwinan tersebut masih wujud dan masih terapung-apung di awan yang biru ataupun tidak biru dalam perkara ini. Itu sebabnya posisi kerajaan pada hari ini, kita beri dia peluang untuk memilih sebagai orang Islam pergi ke Mahkamah Sivil untuk menyelesaikan perkahwinan yang dia telah menjadi suami atau isteri semasa dia belum memeluk agama Islam.

Saya sebut dalam Dewan Rakyat Tuan Yang di-Pertua, Islam adalah agama yang adil. Islam tidak akan menggalakkan mana-mana individu untuk lari daripada tanggungjawab hanya dengan memeluk Islam supaya dia tidak bertanggungjawab pada keluarga sebelum, tidak mahu membayar nafkah, tidak mahu membayar hadanah, tidak mahu memberi harta sepencarian. Islam tidak menggalakkan *a cowardly act*, Tuan Yang di-Pertua. Jadi seksyen 51 yang diwujudkan dalam pindaan ini memberikan interpretasi yang lebih positif supaya individu ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkahwinan beliau sebelum beliau masuk Islam. Jadi tidak ada isu tentang- yang kita baca baru-baru ini ya risalah-risalah daripada beberapa individu, seolah-olah pindaan ini mempersoalkan agama Islam, seolah-olah pindaan ini menyetepikan hak orang Islam.

Tidak, pindaan ini merujuk kepada Akta 164 iaitu akta undang-undang yang wujud atas perkahwinan dan perceraian sivil, itu saja. Jadi pindaan ini menyentuh kepada perkahwinan, perceraian sivil. Dia tidak langsung menekan kepada perceraian dan pernikahan dalam Islam, tidak langsung memegang- hanya individu yang memeluk agama Islam boleh *reverse*, patah balik kepada permohonan ini di bawah seksyen 51 supaya dia boleh *dissolve the marriage* dalam keadaan yang lebih proaktif dan positif dan memberikan keadilan sepatutnya kepada keluarga.

Ada juga kes yang *reverse*, kadang orang kata orang lelaki yang masuk Islam, tiba-tiba katakan orang perempuan itu yang masuk Islam. Dia masuk Islam dia tersekat sebab bila dia masuk Islam, kalau dia tidak bubar, saya tidak tahulah kadang-kadang orang kata boleh kita perbincangkan dan perbahaskan kemungkinan dia boleh dituduh atas tuntutan mempunyai dua suami, sebab pendaftaran perkahwinan bawah Akta 164 itu masih wujud- *the registration of the marriage still exists*.

Walaupun dia masuk Islam, dia kahwin dengan orang Islam, dia nikah dengan orang Islam *but the registration of the marriage*- silap-silap Tuan Yang di-Pertua, dalam mana-mana kes kita belum ada lagi, tetapi mungkin boleh dibuatkan tuduhan bawah perkahwinan yang- dalam, orang bukan Islam dia tidak boleh kahwin lebih daripada satu terutama sekali orang perempuan. Akan tetapi dalam kes orang Islam, dia masuk Islam, dia boleh kahwin lebih daripada satu sebab Islam membenarkan dia berpoligami.

Jadi dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sentuhan kepada percanggahan dan pelanggaran kepada undang-undang syariah, hanya kepada kewujudan pendaftaran di bawah Akta 164.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bertanya tentang, bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menyelesaikan isu *unilateral conversion* ya. Jadi kementerian ataupun agensi berkaitan akan bincang perkara ini dengan lebih mendalam sebelum membuat sebarang keputusan berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat juga tanya tentang bagaimana isu agama anak diselesaikan dalam hal perkara yang berkaitan dengan pasangan yang menukar agama? Jawapannya isu agama anak akan diselesaikan mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada dan berdasarkan keputusan-keputusan kes yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan.

Yang Berhormat Senator Puan S. Bagiam pula tanya tentang, apakah dengan pindaan ini pihak *non-Muslim* mempunyai hak untuk menuntut hak jagaan, *custody* dan nafkah daripada pasangan yang memeluk agama Islam? Jawapannya pindaan kepada subseksyen 3(3), Akta 164 memberikan hak kepada *non-Muslim party* untuk membuat permohonan berhubung dengan *relief* sampingan. Permohonan boleh dibuat kepada Mahkamah Sivil oleh salah satu pasangan mengenai apa-apa *relief* sampingan berbangkit daripada pembubaran perkahwinan termasuklah hak penjagaan dan nafkah.

Yang Berhormat juga tanya tentang, apakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan mekanisme yang lebih komprehensif untuk menyelesaikan isu ini seperti kes Indira Gandhi? Jawapannya, kementerian yang berkaitan akan berbincang perkara ini dengan lebih mendalam sebelum membuat sebarang keputusan berkenaan dengan perkara ini.

Yang Berhormat Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty bertanya, mengapakah Jabatan Peguam Negara mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan isu ini iaitu suatu proses yang lembap untuk mendamaikan Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah? Jawapannya, Jabatan Peguam Negara telah menerima arahan daripada Jemaah Menteri pada 4 Januari 2006- Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan pindaan kepada Akta 164, Akta 505, dan Akta 303 pada 5 Mei 2009. Jemaah Menteri telah mengarahkan cadangan pindaan dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja sebelum dibentangkan ke Parlimen.

Pada 29 Jun 2009, Majlis Raja-Raja telah menangguhkan keputusannya dan mengarahkan supaya perkara ini dirujuk pada Majlis Agama Islam Negeri terlebih dahulu. Kesemua negeri telah dirujuk bermula Julai 2009. Setakat ini, lapan negeri telah bersetuju dengan cadangan pindaan yang dikemukakan dan negeri-negeri lain masih di dalam rundingan.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah tanya tentang pindaan kepada subseksyen 51(1), Akta 164 bercanggah dengan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Jawapannya Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [~~Akta 164~~] merupakan undang-undang Persekutuan yang digubal bagi memperuntukkan berkenaan dengan perkahwinan monogami dan pengupacaraan dan pendaftaran perkahwinan itu. Meminda dan menyatukan undang-undang berhubung dengan perceraian dan membuat peruntukan berkenaan dengan perkara-perkara bersampingan dengannya.

Oleh itu cadangan pindaan kepada Akta 164 tersebut tidak perlu dirujuk pada Majlis Raja-Raja sebelum- cadangan pindaan tersebut juga tidak bertentangan dengan fasal (1A), Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana fasal (1A), Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan bagi tujuan mengelakkan campur tangan Mahkamah Sivil dalam perkara yang terletak di dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dalam hal ini fasal (1A) Perkara 121 memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.

Saya juga mendengar dengan teliti perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang mana bila memperbahaskan tentang perkara 121(1A). Kalau kita tengok subseksyen 46(2) [~~Akta 303~~]- ini adalah Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984- saya rujuk. Maaf, Akta 303- saya rujuk ya sebagai contoh. Akta 303, subseksyen 46(2) memperuntukkan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengesahkan pembubaran perkahwinan bukan Islam dari segi hukum syarak. Namun demikian, kuasa tersebut tidak termasuk kuasa untuk membuat perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau perintah pembubaran perkahwinan yang didaftarkan di bawah Akta 164.

Takat kuasa Mahkamah Syariah untuk membuat perintah di bawah subseksyen 46(2), Enakmen 11, Tahun 2003 telah dibincangkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Subashini.

Dalam kes ini Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa dengan izin, *“The question is whether section 46(2), of the Family Law Act expressly provides otherwise. In my opinion, it does not. It does not enable a Syariah Court to bring about a dissolution of a non-Muslim marriage where a party to it has converted to Islam. It is obvious from the very wording of the section that it is predicated on the supposition that in Islamic Law, the conversion of a party to Islam is by itself may or does operate to dissolve the marriage. The section prevents that supposition from having a legal effect unless and until it is confirmed by the Syariah Court. What the Syariah Court does under the section is merely to confirm that the conversion has operated to dissolve the marriage.*

In its confirmation of the consequence of the marriage according to the Islamic Law of the court of one of the parties, the Syariah Court does not do anything under section 46(2) to bring about dissolution of the marriage. It is merely confirmed that a dissolution has taken place by reason of conversion.”

■1540

I agree with what the wife said in section 46(2) does not confirm jurisdiction on the Syariah Court to dissolve a non-Muslim marriage in relation to that section, therefore clause (1A) or Article 121(1A) does not apply to deprive High Court of jurisdiction under section 51 of the Law Reform Act.

Maknanya *it's very clear* Tuan Yang di-Pertua bahawa dalam perkara ini, apabila bercakap tentang seksyen 51, ia tidak bercanggah langsung dengan Perlembagaan Persekutuan. Jadi fasal 121(1A) memberikan perpisahan tetapi ia menerangkan bahawa interpretasi kepada perpisahan tersebut. Jadi ada juga kes yang berkaitan dalam perkara ini.

Jadi saya pergi seterusnya kepada Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh. Saya pun amat sedih Dato' Jaspal Singh akan- bukan pencen tetapi meninggalkan Dewan *Senate*. Akan tetapi tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh kalau ada rezeki Dewan Rakyat, manalah kita tahu kan, pilihan raya. Manusia merancang, Allah tentukan. Akan tetapi saya dengar ucapan beliau, saya pun turut sedihlah seolah-olah kita tidak akan bertemu langsung. Akan tetapi kita sentiasa bertemu selagi Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh dalam Kerajaan Barisan Nasional ataupun menyokong Barisan Nasional... [*Tepuk*] Takut beliau masuk Parti Harapan, DAP, Keadilan, kita tidak jumpalah.

Jadi Yang Berhormat tanya, bolehkah pihak yang masuk Islam bawa anak ke Mahkamah Syariah untuk diislamkan? Jadi jawapannya di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang sedia ada, pihak yang masuk Islam boleh mengislamkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Ini selaras dengan Perlembagaan 12(4), Perlembagaan Persekutuan, Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dengan tafsiran *“parent”* di dalam kes Subashini dan Deepak.

Jadi sekarang ini, seperti mana yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua sebagai mantan peguam, satu keluarga pun mencukupi sama ada itu membawa kepada kekecohan yang lebih atau pun tidak, itu sebabnya fasal 88A perlu dikaji dengan sebegitu mendalamnya.

Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah binti Mohamed pula tanya tentang subseksyen 3(3) Akta 164 yang telah merampas bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap mualaf yang beragama Islam. Jawapannya peruntukan subseksyen 3(3) Akta 164 tidak merampas bidang kuasa Mahkamah Syariah terhadap mualaf kerana pindaan ini hanya memberi peluang kepada mualaf itu membubarkan perkahwinan sivilnya kerana sebelum ini peruntukan sedia ada tidak terpakai kepada orang yang memeluk agama Islam. Selain itu, memandangkan perkahwinan sebelum mualaf itu memeluk Islam dibuat di bawah Akta 164, maka pembubarannya juga hendaklah dibuat di bawah Akta 164. Maka tidak timbul isu bidang kuasa Mahkamah Syariah dirampas.

Yang Berhormat juga bertanya tentang seksyen 51, Akta 164 bercanggah dengan subseksyen 46(2) Undang-undang Keluarga Islam dan menimbulkan konflik antara undang-undang Islam dan Undang-undang Syariah. Jadi saya pun sudah berikan jawapan tadi.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad tanya tentang *prenuptial agreement*. Saya rasa setakat ini saya bukanlah Menteri bertanggungjawab dalam *prenuptial agreement* tetapi setakat ini kerajaan, saya kena memberi jawapan bertulis kepada soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, adakah pihak isteri yang beragama Islam mempunyai hak untuk membuat tuntutan mengenai harta dan perlu menanggung liabiliti hutang suami yang mualaf? Harta mualaf yang terpakai di bawah Akta 164 hanyalah hartanya sebelum beliau memeluk Islam. Harta yang diperolehi selepas mualaf memeluk Islam, tidak termasuk dalam harta yang boleh dituntut oleh isteri.

Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh tanya tentang *exclusive jurisdiction*. Jawapannya bahawa peruntukan selepas pindaan akan menyatakan bahawa, "*This act shall not apply to a Muslim or to any person who is married under the Islamic law and no marriage of one of the parties which profess the religion of Islam shall be solemnized or registered on this act. But nothing herein shall be construed to prevent a court from having exclusive jurisdiction over the dissolution of the marriage and all the matters incidental thereto including.*" Kesannya ialah apabila dibubarkan di bawah seksyen 51(1), Akta 164, *relief* sampingan yang lain seperti nafkah, hak penjagaan, pembahagian aset perkahwinan hendaklah diselesaikan di Mahkamah Sivil.

Yang Berhormat juga bertanya tentang kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah sebelum kuat kuasanya pindaan ini. Adakah ia boleh disemak semula oleh mahkamah? Jawapannya rang undang-undang ini adalah bersifat ke hadapan seperti rang undang-undang yang lain.

Akhir sekali Yang Berhormat tanya tentang agensi yang boleh mentafsir harta sepencarian dan pengagihan dibuat secara adil. Semua penyelesaian harta sepencarian hendaklah dibuat oleh Mahkamah Sivil sahaja.

Jadi kesimpulannya Yang Berhormat, saya hendak membuat kesimpulan di sini menyatakan bahawa apabila kita bercakap tentang fasal 88, kita tidak boleh lupa tentang dua perkara Tuan Yang di-Pertua- *between 'custody' and 'conversion'*. Oleh sebab kalau kita rujuk kepada seksyen 89 di bawah Akta 164, ia menyatakan bahawa mahkamah boleh menentukan bila adanya perkahwinan, perceraian, mahkamah menentukan *order-order relief* seterusnya.

Jadi ini menyatakan bahawa, banyak berlaku kes di mana apabila *custody* anak itu mengikut undang-undang *custody* tetapi agama anak itu mungkin agama Islam ataupun *vice versa*. Jadi maknanya, apa yang berlaku sekarang ini, situasi kita, mahkamah adalah penentu terakhir kepada *relief* yang akan diberikan kepada keluarga tersebut. Jadi dalam perkara ini, pindaan ini yang dibawa dalam fasal-fasal ini hanya merujuk kepada Akta 164 supaya membuka pintu, supaya mereka yang bukan Islam, yang memeluk agama Islam, *converted*, Muslim, mualaf diberi peluang untuk menyelesaikan perkahwinan dan semua *relief-relief* sampingan daripada keputusan tersebut. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas memperbaharui Rang Undang-undang Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 2017. Kami di pihak kerajaan mengambil maklum akan segala isu, cadangan dan saranan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sebarang isu yang tidak sempat saya bentangkan di dalam ucapan penggulungan ini, akan saya jawab secara bertulis.

Sekian, terima kasih. *Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 8 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, [disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong)] dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENILAI, PENTAKSIR DAN EJEN HARTA TANAH (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Menteri

3.49 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berucap dalam bahasa Arab]*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang.

■1550

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017 digubal bertujuan supaya semua profesion berkaitan industri perkhidmatan harta tanah di Malaysia dapat dikawal selia dengan lebih berkesan dan efektif agar perkhidmatan berkualiti dan bermutu tinggi dapat diberikan bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh industri harta tanah masa ini dan juga masa hadapan. Ia juga bertujuan memperkemas kerangka kawal selia supaya lebih efisien dan efektif bagi memenuhi keperluan semasa rakyat.

Profesion yang dikawal selia ini akan meningkatkan keyakinan pelabur terhadap amalan perkhidmatan harta tanah di Malaysia, di mana mereka yang bertanggungjawab sepenuhnya ke atas amalan ini dapat dilaksanakan. Rasional pindaan ini dilakukan adalah dengan mengambil kira peningkatan aduan yang diterima daripada orang awam mengenai penyelewengan dan salah laku yang dilakukan dalam amalan pengurusan harta dengan mewujudkan pendaftaran, pengurus harta di dalam akta yang dicadangkan ini, kawal selia secara menyeluruh dapat dilaksanakan oleh Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia.

Akta yang dicadangkan ini saling melengkapi dengan Akta Pengurusan Strata 2015, yang dikenali Akta 757 bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan komuniti strata serta tidak menyekat mana-mana pihak yang ingin menjalankan amalan pengurusan harta di bawah Akta 757.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini akan memberi faedah, manfaat kepada negara dalam empat aspek utama:

- (i) meningkatkan kepercayaan dan keyakinan orang awam, pelabur tempatan dan pelabur asing terhadap profesion harta tanah dengan memastikan perkhidmatan penilaian, perejean dan pengurusan harta mempunyai kerangka yang lebih kemas dan efektif;

- (ii) perkhidmatan pengurusan harta dapat ditingkatkan dengan melaksanakan perkhidmatan berdasarkan kod, etika dan standard amalan secara berintegriti dan telus;
- (iii) memastikan supaya kes-kes salah laku oleh pengurus harta yang menjalankan amalan pengurusan harta tanah yang tidak jujur dan tidak bertanggungjawab dibendung dengan mewujudkan sistem penguatkuasaan yang teratur bagi membolehkan tindakan wajar dapat dilaksanakan dengan berkesan ke atas mereka yang melakukan kesalahan; dan
- (iv) dengan penawaran tanah yang terhad, pembangunan masa kini lebih tertumpu kepada pembangunan bertingkat. Oleh itu, kepentingan dan kesejahteraan komuniti strata lebih terjamin dan terlindung haknya selaras dengan pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat akta yang dicadangkan ini adalah untuk mencapai lima objektif utama seperti berikut:

- (i) menyelaraskan peruntukan sedia ada berkaitan dengan amalan pengurusan harta untuk menangani cabaran pada masa kini dan hadapan;
- (ii) liberalisasi amalan pengurusan harta dengan membuka pendaftaran kepada semua pengamal pengurusan harta yang tidak berdaftar dan ia akan memberi manfaat kepada semua pihak iaitu pemilik, pelabur dan rakyat umumnya;
- (iii) mengawal selia semua pengurus harta untuk memastikan keseragaman dan profesionalisme amalan pengurusan harta;
- (iv) selaras dengan dasar ekonomi terbuka melalui Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT), ianya membuka peluang kepada warga asing untuk mendaftar di Malaysia bagi menyumbang kepakaran dan perkongsian teknologi dalam perkhidmatan harta tanah; dan
- (v) peruntukan baru turut dimasukkan bagi memberi kuasa kepada pegawai polis untuk menyiasat aduan yang melibatkan pengamal perkhidmatan harta yang haram.

Tuan Yang di-Pertua, akta yang dicadangkan ini mengandungi 34 fasal untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 atau Akta 242. Peruntukan dalam akta yang dicadangkan ini diringkaskan seperti berikut.

Fasal 1 bertujuan meminda tajuk akta ringkas bagi memasukkan tarikh berkuat kuasa pindaan yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda tajuk panjang akta dengan memasukkan perkataan “pengurus harta” di tajuknya. Fasal ini juga bertujuan mendaftarkan pengurus harta serta perkara yang berkaitan.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 1 dengan menamakan tajuk ringkas Akta 242 iaitu Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen 2 dengan memasukkan dua takrif baru iaitu “pengurus harta percubaan” dan “pengurus harta berdaftar”. Fasal ini juga meminda takrif-takrif yang sedia ada untuk merangkumi amalan pengurusan harta, takrif amalan perejean harta tanah telah diperluaskan dengan memasukkan *tenancy administration*, dengan izin.

Fasal 5 bertujuan meminda tajuk Bahagian III akta dengan memasukkan perkataan “pengurus harta”.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 9 dengan menggantikan nama lembaga dengan nama “Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta” bagi menggambarkan pendaftaran pengurus harta. Selaras dengan pindaan ini, keahlian lembaga ditambah dengan memasukkan tiga pengurus harta berdaftar yang dilantik oleh Yang di-Pertua. Bagi memudahkan urusan pentadbiran lembaga, Jadual Pertama akan diletakkan di bawah kuasa Menteri yang mana pindaan ke atas Jadual Pertama dibuat melalui pemberitahuan dalam warta.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 10 untuk menambah fungsi Lembaga di mana Lembaga diberikan kuasa untuk memegang secara amanah wang dalam pertikaian di antara seorang berdaftar dengan kliennya.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 12(1) dengan memasukkan perkataan “dan pengurus harta” selepas perkataan “ejen harta tanah”.

Fasal 9 bertujuan meminda seksyen 14(1)(a) dengan menggantikan nama daftar penilai, pentaksir dan ejen harta tanah kepada daftar penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus harta. Selain itu menambahkan tiga bahagian daftar kepada empat bahagian dengan memasukkan daftar untuk pengurus harta berdaftar dan firmanya.

Fasal 10 bertujuan meminda seksyen 15(1) dengan menggantikan nama “Pendaftar Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah” kepada “Pendaftar Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta”.

Fasal 11 bertujuan meminda seksyen 15A dengan memasukkan perkataan “pengurus harta berdaftar” selepas perkataan “ejen harta tanah berdaftar”. Fasal ini turut membuat pindaan di mana permohonan kuasa untuk menjalankan amalan sebagai pengurus harta berdaftar boleh dimohon di bawah seksyen 22I.

Fasal 12 bertujuan meminda seksyen 16(1A) dengan memasukkan perkataan “pengurus harta” subseksyen 5 dan subseksyen 7 dipinda dengan memasukkan perkataan “pengurus harta berdaftar” dan “pengurus harta percubaan” pada subseksyen (7B). Fasal ini juga menggantikan nama “daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan” dengan nama “daftar percubaan” pada subseksyen (7B).

Fasal 13 bertujuan meminda seksyen 17(1)(e) dengan menggantikan perkataan “penilai atau perejenan harta tanah” dengan “perejenan harta tanah atau pengurus harta”. Fasal ini juga meminda subseksyen 17(1A) dengan memasukkan perkataan “atau pengurusan harta” selepas perkataan “perejenan harta tanah”.

Fasal 14 bertujuan meminda seksyen 17A(1) dengan menggantikan perkataan “daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “daftar percubaan”.

Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 18 dengan memotong subseksyen 6 untuk membenarkan orang yang bukan warganegara dan mempunyai kelayakan berdaftar dengan lembaga sebagai penilai berdaftar ataupun penilai percubaan.

Fasal 16 bertujuan meminda seksyen 19(a) dengan memasukkan penilaian pokok dan tanaman sebagai amalan penilaian. Subseksyen ‘C’ dikeluarkan dari seksyen 19 dan diletakkan dalam seksyen 22(2)(j).

Fasal 17 bertujuan meminda seksyen 21(1) untuk melarang seorang penilai atau pentaksir berdaftar dari menjalankan amalan pengurusan harta jika mereka tidak didaftar sebagai pengurus harta di bawah seksyen 22F.

■1600

Fasal 18 bertujuan meminda seksyen 22A(1)(f) dengan menggantikan perkataan “perejenan harta tanah” dengan “pengurusan harta”. Fasal ini juga meminda subseksyen (1A) dengan memasukkan perkataan “atau pengurusan harta” selepas perkataan “penilaian”.

Fasal 19 bertujuan meminda seksyen 22B(1A) dengan menomborkan semula (1A) kepada (1B). Fasal ini juga memasukkan subseksyen (1A) yang menyatakan seseorang itu telah menjalankan amalan perejenan harta tanah sekiranya beliau bertindak sebagai ejen untuk menerima komisen, fi, upah dan sebagainya.

Fasal 20 bertujuan meminda seksyen 22C dengan memasukkan perkataan “perunding perejenan harta tanah” selepas perkataan “broker rumah”. Fasal ini juga memasukkan subseksyen (2)(d) dengan membenarkan seorang perunding membantu seorang ejen harta tanah dalam amalannya. Definisi perunding dijelaskan dalam subseksyen (2A) iaitu seorang yang diambil bekerja oleh ejen harta tanah berdaftar untuk membantunya dalam amalan perejenan harta tanah.

Fasal 21 bertujuan meminda seksyen 22D dengan memotong subseksyen (5) untuk membenarkan orang yang bukan warganegara dan mempunyai kelayakan berdaftar dengan lembaga sebagai ejen harta tanah berdaftar ataupun ejen harta tanah percubaan.

Fasal 22 bertujuan meminda seksyen 22E(1) dengan menggantikan perkataan “daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan” dengan perkataan “daftar percubaan”.

Fasal 23 bertujuan memasukkan bahagian baru iaitu bahagian VB berkaitan pengurus harta tanah. Seksyen 22F dan 22G memperuntukkan syarat-syarat pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan. Manakala seksyen 22H memperuntukkan kelayakan untuk pendaftaran pengurus harta dan pengurus harta percubaan. Seksyen 22I menjelaskan amalan pengurusan harta dan seksyen 22J meletakkan sekatan-sekatan ke atas amalan pengurusan harta.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 24 bertujuan meminda seksyen 23 dengan memasukkan perkataan “pengurus harta” dan “pengurusan harta” di seluruh seksyen. Pindaan ini juga dibuat untuk menomborkan semula (1A) kepada (1B). Fasal ini juga memasukkan subseksyen (1A) yang menyatakan ketuanpunyaan tunggal, perkongsian atau pertubuhan perbadanan perlu membuat permohonan untuk menjalankan amalan penilaian pentaksiran, perejenan dan pengurusan harta.

Fasal 25 bertujuan meminda seksyen 24 untuk memasukkan “pengurus harta” dan “pengurusan harta” kepada seluruh subseksyen. Fasal ini juga memasukkan subseksyen baru (1)(j) yang memperuntukkan bahawa ianya merupakan satu kesalahan jika seorang berdaftar menjual, memindahkan atau penyewa kecilkan kuasanya kepada orang lain. Selain itu dua perintah baru dimasukkan di bawah subperenggan (h)(vii) dan (viii) iaitu memberi amaran atau menolak pertuduhan.

Fasal 26 bertujuan meminda seksyen 25 dengan menggantikan nama “daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan” kepada “daftar percubaan”. Selain itu, pindaan dibuat dengan memasukkan perkataan “pengurus harta berdaftar” dan “pengurus harta percubaan”.

Fasal 27 bertujuan meminda seksyen 26 dengan menggantikan nama “daftar penilai percubaan/ejen harta tanah percubaan” kepada “daftar percubaan”.

Fasal 28 bertujuan meminda seksyen 30(1)(b) dengan menggantikan nama “Daftar Penilai Percubaan/Ejen Harta Tanah Percubaan” kepada “Daftar Percubaan”. Pindaan pada seksyen 30(1)(e), (h) dan 30(2) menggantikan perkataan “pentaksir atau ejen harta tanah”, dengan perkataan “pentaksir ejen harta tanah atau pengurus harta”. Pindaan ini juga dibuat dengan memotong perenggan (g).

Fasal 29 bertujuan meminda seksyen 30A dengan bernombor semula seksyen 30A sebagai seksyen 30B. Fasal ini juga memberi kuasa kepada seorang majistret mengeluarkan waran kepada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor untuk memasuki dan menggeledah premis serta menahan sesiapa pun yang berada dalam premis.

Fasal 30 bertujuan bernombor memasukkan seksyen 30A sebelum seksyen 30B yang telah dinomborkan semula yang memberi kuasa kepada pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bagi menyiasat perlakuan yang bertentangan dengan akta ini.

Fasal 31 bertujuan meminda seksyen 30B akta dengan menomborkan semula seksyen 30B sebagai seksyen 30C.

Fasal 32 bertujuan meminda seksyen 30C akta dengan menomborkan semula seksyen 30C sebagai seksyen 30D.

Fasal 33 bertujuan meminda seksyen 31A dengan memberi perlindungan terhadap tindakan guaman, pendakwaan dan prosiding dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga, Ahli Lembaga, Jawatankuasa dan Ahli Jawatankuasa yang dilantik Lembaga serta mana-mana orang atau pegawai yang diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak Lembaga yang melakukan tugas dengan niat baik.

Fasal 34 memperkatakan peruntukan kecualian. Pindaan-pindaan lain yang tidak diperkatakan dengan khusus dalam huraian ini merupakan pindaan kecil atau berbangkit.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata akta yang dicadangkan ini akan dapat mengatasi beberapa masalah penipuan, penyelewengan dan tindakan tidak beretika yang sedang dihadapi dalam industri harta tanah di Malaysia kerana tiada kawal seliaan. Ia juga menjelaskan skop tugas seorang penilai, pentaksir ejen harta tanah, dan pengurus harta.

Akta yang dicadangkan ini akan melindungi hak dan kepentingan rakyat dengan adanya kawal selia yang lebih efektif dan berkesan. Ia juga akan meningkatkan kredibiliti Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah Malaysia sebagai badan profesional yang mengawal penilai, pentaksir ejen harta tanah dan pengurus harta.

Pindaan yang dicadangkan ini juga menjamin hanya penilai, pentaksir dan ejen harta tanah dan pengurus harta yang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan supaya keyakinan pelabur dan rakyat terhadap industri harta tanah di Malaysia dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Haji Harun. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat. Ya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah, silakan Yang Berhormat.

4.08 ptg.

Puan Hajah Azizah binti Haji Harun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan pindaan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017. Melalui pindaan akta ini, Akta 242 akan menjadi Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah 1981.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan akta ini kerana keprihatinan kerajaan dalam memastikan sektor pengurusan harta seperti pengurus harta berserta dan kemudahan harta yang melibatkan pengurus harta profesional dan pemilik harta, penyewa dan kontraktor yang dilantik bagi menyelenggarakan harta terjamin.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Melalui pendekatan pindaan akta ini, Lembaga Penilaian Pentaksiran, Ejen Harta dan Pengurus Harta akan dikawal dengan peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta 242 ini. Kami harapkan pengurus harta yang mengurus apa-apa harta tanah sama ada yang dikawal oleh Kanun Tanah Negara atau pihak berkuasa tanah atau PTG atau pihak berkuasa tempatan bagi pengurusan strata akan lebih profesional dalam mengurus, menyelia dan menyelenggarakan urusan selenggara harta berstrata yang melibatkan semua kemudahan petak-petak strata dan kepentingan pihak berkepentingan hartanah strata.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 33 di mana seksyen 31A baru dimasukkan dengan meminda Akta 242 ini dengan perlindungan terhadap prosiding guaman dan prosiding undang-undang merupakan satu ketetapan yang amat sukar untuk kita terima. Ini kerana walaupun pindaan ini untuk melindungi lembaga dan ahli-ahlinya daripada sebarang tindakan undang-undang, apakah kerajaan sedar tindak-tanduk kritikal yang mungkin berlaku dalam lembaga atau jawatankuasa yang diwujudkan akan menjejaskan kepentingan awam dalam sektor hartanah?

Perlu diingat bahawa spekulasi dan tata maklum kritikal oleh ejen hartanah telah menyebabkan situasi harga rumah ketika ini mahal dan menjejaskan pasaran harta negara. Kalau kita mengamati semula sektor pasaran hartanah berlaku pakatan di belakang tabir, *booking* jualan rumah oleh pemaju dan ejen hartanah yang menjalankan perniagaan spekulasi harta tanah.

Oleh itu, dengan mengenakan perlindungan terhadap apa-apa tindakan guaman, bermakna rakyat atau pihak berkepentingan tidak mempunyai akses ke atas legenda yang baik jika berlaku sesuatu tindakan oleh lembaga yang menyebabkan keadaan diskriminasi terhadap pengguna, manipulasi dan eksploitasi pasaran harta tanah yang juga integriti kawalan oleh pihak berkuasa di atas apa-apa salah laku dan penyelewengan yang mungkin timbul pada masa akan datang.

Kerajaan perlu diingat dengan pindaan ini akan bertambah keahlian profesional yang akan didaftarkan untuk menjadi penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan pengurus bangunan. Oleh sebab dalam Akta Pengurusan Harta Strata 2013 dan Peraturan-peraturan Pengurus Strata mempunyai kerangka Tribunal Tuntutan Pengurusan Strata, saya mohon penjelasan perincian lanjut mengenai rasional dan risiko pihak-pihak berkepentingan mengenai fasal 33 ini yang melindungi lembaga dan ahli-ahli lembaga atau jawatankuasa yang diwujudkan daripada sebarang prosedur undang-undang di mahkamah.

Kita mahukan jawapan apakah dengan memasukkan seksyen 31A dalam pindaan akta ini tidak bercanggah dengan Perkara 8(1) Perlembagaan Malaysia mengenai artikel sama rata semua orang atau pihak berkepentingan dalam pengurusan harta. Saya juga mohon kerajaan agar memastikan pengurusan harta yang didaftarkan mempunyai kod tata amal terbaik dan tidak menjejaskan pihak awam apabila lembaga menguatkuasakan apa-apa ketetapan profesional selaras dengan pindaan akta ini yang boleh menjejaskan sektor hartanah negara dan membebankan kewangan rakyat serta menjadikan penyelenggaraan isu yang keselamatan penggunaan harta strata.

Kita tidak mahu melalui pindaan ini bakal menambah satu lagi eksport dan krisis pengurusan tanpa penyelesaian sektor hartanah negara yang memberi kesan yang tidak baik kepada rakyat. Akhir kata saya mohon menyokong pindaan ini dan mengharapkan agar permintaan saya untuk perincian isu yang dikemukakan dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sesiapa hendak cakap boleh beri nama kepada saya dan sekarang nombor dua saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat.

4.15 ptg.

Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk ikut serta membahaskan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti kesemua antara kita ini yang hadir, yang berada di sini terlibat dengan pegangan hartanah. Sudah tentu kesemua sekali antara kita ini terlibat sama ada kita peminjam untuk mendapat hartanah ataupun kita pemaju perumahan ataupun kita berminat dengan pemasaran hartanah. Saya mengalu-alukan kedatangan Tan Sri Abdul Rahim Abdul Rahman, seorang penilai terulung di negara kita ini, yang berada di sana, bekas Senator kita... [*Tepuk*] Dia telah menjalankan praktis ini saya kira 50 tahun yang lalu. Dia telah menyambut jubli perak pada bulan yang lepas. Tahniah Tan Sri!

Sangat sesuai sudah pada masa ini, bertepatan masanya untuk kerajaan mengemukakan satu rang undang-undang-undang yang *long overdue* setelah terdapat pelbagai masalah undang-undang, terdapat penipuan, terdapat kes-kes mahkamah yang banyak akibat pertikaian hal hartanah. Jadi sangat sesuai dan saya kira pindaan ini sangat komprehensif.

Saya melihat bahawasanya kerajaan sangat prihatin kepada rakyat dan juga kepada pengamal profesional ini. Setakat ini saya dimaklumkan bahawa jumlah pengamal industri hartanah ini berjumlah 3,784 orang. ini telah dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Kewangan dalam sidang Dewan yang lalu. Saya juga ingin mengetahui apabila kita meluluskan atau kerajaan ataupun Dewan meluluskan akta ini, berapakah jangkakan orang-orang yang mempunyai kepentingan dalam industri ini dapat didaftarkan ataupun akan berdaftar? Ini akan memberi gambaran betapa ramainya mereka yang belum berdaftar.

Saya dimaklumkan tadi semasa berbincang dengan dua, tiga orang pegawai tinggi daripada jabatan kerajaan yang berkait dengan hartanah, mereka mengatakan secara rambangnya, apabila terdapat 100 orang yang berdaftar, terdapat lebih kurang 400 yang tidak berdaftar.

Adakah ini benar dan saya kira, Timbalan Menteri atau Menteri kita dapat menjawab soalan ini. Gambaran ini memberikan penjelasan kepada kita bahawasanya kita perlu menyokong akta ini kerana ia sangat komprehensif dan menjaga, mengawal selia dan juga memastikan kepentingan rakyat dan negara terjaga.

Saya suka menarik perhatian kepada fasal 6 iaitu kaedah-kaedah pendaftaran di mana kerajaan sangat bermurah hati memberi peluang kepada mereka yang telah pun menceburkan diri dalam industri untuk mendaftar dan diberi masa moratorium. Jangka masanya saya difahamkan lebih kurang 12 bulan. Betulkan saya jika ia salah. Saya pun tidak baca satu persatu fasal-fasal dalam akta ini, dalam pindaan ini.

Kedua, yang tertarik, yang menarik kita ialah fasal 7 di mana kerajaan telah pun menggariskan unsur-unsur nilai etika yang tinggi iaitu mereka yang menjalankan praktis yang luar daripada kehendak kita, menjalankan praktis yang salah akan diambil tindakan yang sewajarnya.

Apa yang juga menarik ialah ada satu klausa yang membenarkan penilai percubaan. Ini pertama kali saya dengar dalam profesion berkait dengan hartanah ini, mewujudkan satu klausa di mana membenarkan mereka yang berminat tetapi belum boleh jadi, mencapai tahap kelayakan yang selayaknya dibenarkan untuk mempraktis sebagai penilai percubaan. Cuma soalan saya, Yang Berhormat Menteri, apakah kelayakan untuk membolehkan seseorang itu menjadi penilai percubaan ataupun untuk mendaftar sebagai penilai percubaan?

■1620

Saya juga tertarik dengan fasal 16 iaitu pertama kali saya mendengar kita boleh menilai, penilai boleh menilai pokok-pokok tanaman. Sebab, sering kali terdapat pertikaian dari segi penilaian, seorang pemegang ataupun pekebun kecil- contohnya kelapa sawit, apabila ingin membuat pinjaman dengan bank- Agro Bank misalnya, seorang penilai menilai satu nilai, seorang lagi menilai satu nilai dan tidak ada satu badan yang mengiktiraf penilaian pokok. Jadi, saya mengalu-alukan *clause* ini kerana ia memberi satu penilaian yang komprehensif kepada nilai harta kita.

Seterusnya, fasal 21 berkenaan dengan liberalisasi. Selalunya kita ini teruja, *we are very excited* apabila kita mendengar kita ini ahli WTO, lepas itu kita juga menyokong GATT, tetapi kita lupa bahawasanya *our own turf has been taken up by other people*, dengan izin. Padang ragut kita ini dimakan oleh orang lain.

Saya bersetuju kita membuka kepada profesional luar negara, profesional asing yang kita mengiktiraf kelayakan mereka masuk untuk praktis. Kerajaan telah meletakkan di sini, saya difahamkan, mereka hanya boleh pegang 40 peratus sahaja daripada saham syarikat itu dan selebihnya akan dipegang oleh *local players* ataupun warganegara dan mereka perlu lulus dalam ujian apa yang dipanggil TPC ataupun *professional certificate*, tempoh di mana mereka perlu menduduki peperiksaan dan lulus peperiksaan itu baru mereka dibenarkan untuk menjalankan praktis di sini.

Tetapi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kita adakan kuota. Jikalau kita boleh adakan peratus pemegang saham, kita juga boleh mengenakan peratus untuk warga asing menjalankan praktis di tempat kita. Kita tidak boleh membenarkan sewenang-wenangnya, buka *flood gate*, buka pintu air dan terus berlumba-lumba masuk. Kita kena ingat bahawasanya mereka ini lebih berpengalaman, mereka ini mempunyai dana yang lebih daripada kita dan mereka ini ramai dan tempat mereka sudah pun tepu, maka mereka datang ke tempat kita untuk mencari peluang kerana mereka lihat *our grass is greener than their own*.

Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan kuota. Kalau kita ada seratus firma-firma tempatan, kita hanya bagi mereka 30 peratus sahaja dan kita tidak boleh membenarkan mereka mengatasi kita di sini. Saya bimbang. Syarikat-syarikat mereka ini syarikat gergasi. Pada permulaannya mereka bolehlah menjalankan praktis dengan menjadi *partner* kepada *local profesional*, tetapi akhirnya dia jadi macam Belanda minta tanah. Akhir sekali kita tersisih dan mereka akan mengawal ataupun mereka *take over our own firm*. Itu peringatan saya supaya kita tidak terlalu *excited* dan teruja dengan kemasukan mereka ini.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan juga mengenai beberapa masalah yang rakyat hadapi akibat daripada percanggahan kaedah penilaian di antara penilai kerajaan dan penilaian swasta. Kes yang kita jumpa terutama sekali berkaitan dengan pengambilan tanah oleh kerajaan untuk menjalankan ataupun membuat projek awam, contohnya jalan raya.

Apabila kerajaan mengambil tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, kita ada kuasa, kerajaan ada kuasa untuk mengambil dan dalam akta itu, tiada sesiapa pun boleh menghalang pengambilan tanah oleh kerajaan untuk tujuan pembangunan awam. Kita setuju. Akan tetapi kita boleh pertikaikan, kerajaan benarkan kita pertikaikan soal pampasan yang dibayar.

Saya ingin mencadangkan ataupun saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah kita ada satu kaedah di mana tidak berlaku percanggahan yang ketara ataupun yang luas? Sebagai contoh, satu pembinaan jalan raya tidak dapat dijalankan kerana tuan tidak setuju dengan pampasan yang dibayar kepada rumahnya. Jalan itu luas. Pampasan itu bagi pihak kerajaan dilihat sebagai adil tetapi tuan tanah tidak setuju, tuan rumah tidak setuju, maka diminta penilai swasta untuk menilai semula dan kita tidak mendapat keputusan untuk membayar dan akhirnya perkara itu pergi ke mahkamah. Apabila pergi ke mahkamah, kosnya tinggi. Kerajaan terpaksa membayar kos, selain daripada kos mahkamah, mungkin terpaksa membayar kos lebihan ataupun kos perbezaan. Itu sering berlaku.

Jadi kita harap di masa akan datang untuk melancarkan perjalanan projek awam ini, untuk nak pastikan orang yang diambil harta itu mendapat keadilan, saya rasa kerajaan perlu adakan kaedah terbaik ataupun *benchmark* penilaian supaya keadilan dapat diberikan kepada orang yang memegang hartanah itu dan juga pihak kerajaan.

Seterusnya, saya juga ingin membangkitkan di sini soal etika sekali lagi. Saya nak ulang balik soal etika. Ini kerana terdapat kes-kes di mana penilai telah menaikkan ataupun membuat penilaian yang tinggi yang tidak munasabah yang akhirnya ada orang yang menjadi mangsa. Akibat daripada tidak berintegriti, tidak menjalankan praktis yang profesional, menaikkan penilaian dan memberi alasan pelbagai, ada orang terpaksa disiasat oleh SPRM dan akhirnya akibat daripada perbuatan ataupun salah laku ataupun "ketidakprofesional"nya penilai itu, mereka telah disabitkan di mahkamah dan telah menjadi mangsa kepada *standard of valuation*. Ini semua saya harap dapat dilihat dan dikawal oleh kerajaan supaya integriti dan juga standard penilaian kita sentiasa dikawal.

Akhirnya, saya ingin memberitahu bahawasanya negara kita, di bandar-bandar, tidak lagi mempunyai tanah untuk kita membina rumah-rumah di atas tanah seperti yang kita nikmati 10 atau 15 tahun yang lalu iaitu *landed property*. Sekarang kesemuanya, di bandar-bandar, ialah pembinaan hak milik strata. Jadi, akta ini ada kaitan juga dengan Akta Hakmilik Strata. Sehingga kini, terdapat lebih kurang 15,000 unit-unit strata dalam negara kita- satu angka yang sangat tinggi, dan ia tidak berhenti di situ. Ia terus dibina dan saya rasa ia akan melebar luas bukan setakat di bandar-bandar besar tetapi juga di bandar-bandar kecil. Di Kelantan sendiri, Kota Bharu, saya menganggap Kota Bharu tidaklah satu bandar yang dinamik tetapi sekarang oleh sebab kekangan dan tekanan tanah, maka dibangunkan hak milik strata.

Jadi, persoalan saya ialah banyak di antara pengurus-pengurus strata ini tidak berdaftar dan mereka ini juga ada dari orang luar. Maksud saya, mereka dari luar negara kita. Jadi, sebab itu saya rasa elok sangat kementerian- saya tidak tahu kementerian mana yang mempunyai kuasa, supaya dengan segera membuat siasatan dan juga mengambil tindakan.

■1630

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, kaedah untuk kita memastikan pelaksanaan undang-undang ini berjalan dengan baik. Ini sama ada kita hendak membuat *spot check* ataupun kita ada satu unit pemantauan, itu saya rasa elok Menteri menjelaskan kepada kita di Dewan ini. Itulah sahaja perbincangan saya untuk akta ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Datuk Rabiyyah binti Ali. Silakan.

4.30 ptg.

Datuk Rabiyyah binti Ali: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017.

Saya juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana membentangkan rang undang-undang ini yang bakal memanfaatkan individu ataupun orang perseorangan yang didaftarkan dalam peruntukan akta ini agar urusan niaga mengenai harta tanah, pengurusan harta tanah dan juga perkembangan mampan sektor harta tanah di Malaysia akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini, kerajaan meminda tajuk akta menjadi Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 dan memasukkan tatacara dan tata kelola profesion pengurus harta dan mengurus dan menyelia harta yang di bawah kawalan hak milik Kanun Tanah Negara, hak milik strata dan tatacara dan amalan yang termaktub di bawah Akta Pengurusan Strata 2013. Melalui ketetapan dan peruntukan akta yang dipinda ini, kerajaan akan meletakkan hak dan kawal selia profesion personel dan juga orang-orang yang akan didaftarkan sebagai pengurus harta kepada Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta apabila akta ini diluluskan pindaan 2017.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai pindaan akta ini, sejauh manakah dengan pindaan akta ini kerajaan dapat mengawal harga sewaan atau pasaran harta tanah mampu untuk disewa oleh rakyat tempatan? Hal ini kerana kita bimbang dengan pindaan akta ini, ia dijadikan alasan dan eksploitasi pihak-pihak tertentu untuk menekan pasaran yang akhirnya membebankan pengguna. Bagaimanakah kerajaan mengawal Lembaga, ahli-ahli jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan agar tidak ada kata dan juga perkataan sulit di antara pemaju dan ejen harta tanah serta pengurus harta dalam menentukan harga pasaran sekunder harta tanah dan juga kebolehan pasaran, perumahan sekunder dan tidak dieksploitasi harganya yang menyebabkan harga rumah tidak dapat dikawal.

Bagaimanakah kerajaan menjadikan akta ini kekal relevan dalam menangani keupayaan perbadanan pengurusan atau *management corporation* harta strata dan menjadikan sebuah identiti pengurusan harta yang profesional dan juga berintegriti dengan harapan perbadanan pengurusan ini lebih peka dan cekap dalam memastikan isu-isu selenggaraan lif dan juga kemudahan bersama di harta strata ditangani dengan baik? Bagaimana pula kerajaan memastikan mereka yang didaftarkan ini mempunyai kelayakan minimum yang diperlukan untuk mengurus harta dengan baik? Apakah perlu kerajaan memastikan sebelum didaftar seorang itu sebagai pengurus harta yang dibawa ke akta ini, syarat minimum pengetahuan perundangan, kompetensi dan penyelenggaraan dan juga pematuhan-pematuhan statutori bagi selenggaraan bangunan per-serata dipenuhi?

Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, hampir 90 peratus harta tanah di Lembah Klang dan Semenanjung Malaysia akan mempunyai pengurusan harta berdaftar. Dengan pindaan akta ini, personel-personel yang akan mendaftar akan memanfaatkan sektor harta tanah dalam negara. Soalan terakhir saya, apakah jaminan yang boleh diberikan kerajaan tentang kawalan kerajaan terhadap isu-isu tunggakan bayaran penyelenggaraan dan pemilik petak strata ditangani dengan cekap dan tiada tunggakan? Bagaimanakah kerajaan dapat memberi jaminan pengurus-pengurus harta dapat memainkan peranan dengan penuh integriti dalam memastikan *self-governance* dalam harta bersama? Aksesori dan juga petak bersama diurus dengan cekap oleh pengurus harta tanpa ada penyelewengan, eksploitasi dan manipulasi oleh pengurus harta perbadanan pengurusan sesebuah harta strata.

Akhir kata, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Semoga dengan lulusnya akta ini, harga rumah tidak lagi melambung dan golongan belia dan muda tidak lagi menghadapi masalah menyewa dengan kadar yang mahal. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi sesiapa yang mahu bercakap? Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab. Silakan.

4.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya hendak ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Haji Harun, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat dan juga Senator Datuk Rabyiah binti Ali yang turut membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2017.

Izinkan saya untuk memberi sedikit sebanyak penjelasan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekiranya tidak dapat saya jelaskan dengan memuaskan, *insya-Allah* saya akan cuba untuk buat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali berkaitan dengan fasal 33 yang dibangkitkan oleh Senator Puan Hajah Azizah iaitu katanya kenapa ahli-ahli Lembaga ini tidak boleh disaman di bawah fasal 33 ini. Sebenarnya Yang Berhormat, perlindungan ini diberikan kepada ahli-ahli Lembaga, pegawainya supaya mereka ini tidak merasa takut untuk hendak membuat kerja, teragak-agak untuk menjalankan tanggungjawab untuk kawal selia ini. Ada di kalangan mereka ini yang diugut dan sebagainya. Jadi, kita tidak mahu supaya mereka ini terikat sampai takut hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan kerja dengan licin dan lancar.

Kemudian, soalan yang dibangkitkan pula oleh Yang Berhormat juga berkaitan dengan spekulasi takut dengan adanya akta ini akan menaikkan harga dan sebagainya. Ini kita tidak bolehlah bagi jaminan sebab dia dinamik, dia mengikut suasana dan keadaan. Akan tetapi kita yakin yang penting akta ini adalah untuk memberi perlindungan terutama sekali kepada pengguna ataupun pemilik harta tanah, terutama sekali yang duduk bertingkat-tingkat ini supaya mereka ini dapat ada *avenue* untuk membuat *complaint* ataupun membuat *complaint* kepada pihak Lembaga ini supaya diambil tindakan terhadap mana-mana pemain sama ada penilai, pentaksir, ejen harta tanah dan yang lebih penting pengurus harta itu yang mungkin tidak menjalankan tugas mereka. Mungkin ada hal-hal berkaitan dengan penyelewengan dan sebagainya.

Jadi, akta ini akan memberi *avenue* ataupun ruang kepada rakyat atau pemilik atau orang yang berkepentingan untuk membuat teguran dan sebagainya. Jadi kita tidak mahulah- sebelum ini oleh sebab mereka tidak berdaftar dengan Lembaga terutama sekali yang berkaitan dengan pihak yang mengurus harta ini, jadi tindakan tidak boleh diambil. Inilah tujuan sebenar yang kita hendak bagi supaya *avenue* kepada rakyat ini dapat kita bantu menyelesaikan masalah mereka.

Hal-hal yang berkaitan dengan apa yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat, Kelantan.

■1640

Pertama sekali, berkaitan dengan bilangan orang-orang yang terlibat dalam akta ini setelah dilaksanakan. Buat masa ini kita ada seramai 1,110 orang penilai berdaftar yang sudah pun berdaftar.

Kemudian, ramai lagi yang tidak daftar terutama sekali yang melibatkan mengurus harta ini. Jadi antaranya peluang-peluang yang kita boleh buka adalah graduan pengurusan harta berjumlah 8 ribu orang. Kemudian ada juruukur bangunan 1,400 orang, pengurus tidak berdaftar seramai 5 ribu orang, kemudian bakal graduan ini macam ada institusi pengajian tinggi seperti UiTM, UTM apa semua ini yang memang setiap tahun menghasilkan tidak kurang daripada 400 orang graduan-graduan yang terlibat, maka bilangan yang ada potensi untuk kita daftarkan adalah seramai 14,820 orang.

Kelayakan yang diperlukan ini untuk menjadi seorang *property manager* atau pengurus harta dalam masa edah, *window period* setahun ini, mereka yang katalah lulusan pengurusan harta tanah, pengurusan harta benda, pengurusan fasiliti, juruukur bangunan, juruukur bahan, juruukur tanah, pengurusan bangunan, arkitek dan setaraf dengannya, termasuk dalam kejuruteraan dan agen harta tanah berdaftar kalau yang berijazah perlu ada pengalaman kerja dua tahun, kalau yang diploma pengalaman kerja tiga tahun. Lain-lain bidang seperti perakaunan, perundangan dan lain-lain yang teringin hendak mendaftar mahu menjadi pengurus harta ini boleh dengan syarat ada pengalaman kerja empat tahun dan untuk diploma pengalaman kerja lima tahun.

Akan tetapi bagi yang SPM, SPM ke atas, mereka ini banyak pengalaman bekerja daripada awal tetapi sekarang ini tidak berdaftar, mereka perlu mengemukakan bukti maka mereka telah pun terlibat dalam kerja ini, pengurusan harta ini lebih daripada lapan tahun boleh kita daftarkan. Tempoh pemutihan ataupun *window period* ini adalah 12 bulan. Syarat-syarat yang diperlukan mestilah warganegara Malaysia, berintegriti, kompeten dalam pengurusan kewangan dan pengurusan penyenggaraan bangunan. Kompetensi inilah yang kita ada. Ada *professional competency test* ini yang perlu mereka untuk membuktikan mereka ini kompeten. Kemudian pengalaman-pengalaman yang saya sebutkan tadi dan juga sijil-sijil ataupun diploma atau ijazah yang telah pun mereka, ada mesti bawa.

Kemudian, untuk bukan warganegara pun juga sama iaitu yang berkaitan dengan liberalisasi ini, kalau ada pengamal-pengamal luar yang mempunyai kepakaran ataupun pengalaman dan kelulusan yang diterima pakai mereka juga perlu berdaftar dan sekurang-kurangnya melaksanakan amalan di sini sekurang-kurangnya dua tahun. Sama juga kalau kita ada graduan-graduan baru yang perlu hendak mendaftar ini, mereka juga perlu buat latihan industri dan sebagainya. Jadi kepada mereka-mereka terutama orang luar ini perlu sekurang-kurangnya berdaftar dengan syarikat yang telah pun bekerja di sini ataupun berdaftar sekurang-kurangnya dua tahun kemudian barulah diambil kira sebagai ada pengalaman yang cukup untuk negara kita dan perlu melalui juga kompetensi *test* yang saya sebutkan tadi.

Kemudian berkaitan dengan liberalisasi ini, kita kena sedar lah bahawa seiring dengan suasana dunia hari ini yang kita ini menjadi ahli kepada pelbagai pertubuhan sama ada WTO, GATT, *ASEAN Economic Community* (AEC) apa semua ini, yang ini kita tidak dapat elak sebab sekarang dunia ini tanpa sempadan. Jadi apabila kita masuk dalam perjanjian ini bukan hanya sekadar hendak buka ruang kepada orang luar masuk ke Malaysia malahan *reciprocal* kita juga *Malaysian* boleh pergi mencari makan untuk berniaga di negara-negara yang kita ada perjanjian tersebut. Akan tetapi di peringkat kita ini, kita pastikan dari segi ekuiti pun tidak boleh lebih daripada 49 peratus, kemudian ekuiti ini juga saya difahamkan dia 49 peratus untuk *foreign*, 51 peratus untuk tempatan.

Kemudian kelayakan-kelayakan *foreigners* ini tadi, yang saya sebut tadi dia kena, kompetensi apa semua ini, kecekapan, kemudian dia perlu faham undang-undang berkaitan dengan harta tanah Malaysia dan sebagainya. Jadi ini adalah syarat-syarat yang perlu mereka ikuti dan kita juga kena sedar hari ini negara kita pun maju ke depan. Kita mempunyai bangunan-bangunan yang canggih, terlalu *advance* dengan contoh Menara 118 semua ini, dengan benda-benda yang baru ini sudah tentulah kita perlu untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman dengan pemain-pemain industri daripada luar negara juga. Cuma kita kena pastikan kita tidak menggadai bagi sampai 70-80 peratus sebab kita ada syarat maksimumnya 49 peratus.

Kemudian satu lagi Yang Berhormat Datuk Haji Sr. Hanafi bin Haji Mamat telah pun membangkitkan berkaitan dengan penilaian yang dibuat sebagai contoh disebut berkaitan dengan penilaian yang beza ketara antara penilai Jabatan Penilaian Pengurusan Hartanah Malaysia (JPPHM) ini dengan penilai swasta. Kemudian ada orang yang mungkin menjadi mangsa, kemudian mungkin ada juga orang yang telah pun macam hendak dikata ditipu tidak ditipu tetapi mungkin mendapat kesilapan daripada penilaian yang dibuat yang ada beza. Kita kena ingat penilaian dipengaruhi oleh pelbagai faktor antaranya kenapa tujuan penilaian dibuat itu untuk tanah tersebut atau harta tanah itu kepentingan yang ada kemudian dari segi pegangan yang ada. Pegangan ini sama ada syarat-syarat tanah pegangan bebas ataupun milik bumiputera Melayu dan sebagai lah itu.

Kemudian yang lebih penting adalah perancangan masa depan. Sesetengah orang ini dia dapat maklumat-maklumat kononnya kawasan-kawasan tertentu itu akan dibangunkan lah dengan satu infrastruktur yang hebat-hebat apa semua ini jadi dia mungkin spekulasi itu dok sebut-sebut itu juga boleh mempengaruhi. Akan tetapi kita kena ingat penilai akan mengambil kira faktor-faktor ini semua dalam membuat keputusan penilaian jika terdapat perbezaan maklumat berkaitan dengan perkara di atas. Pada lazimnya akan menjadikan penilaian itu berbeza dan akan diputuskan oleh penilai kerajaan ataupun penilai swasta. Jadi kadang-kadang mungkin penilai swasta ada maklumat lain penilai kerajaan tidak dapat maklumat tertentu jadi mungkin menjadikan nilai itu berbeza.

Walau bagaimanapun, Lembaga telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah seperti ini dengan mengeluarkan *Malaysian Valuation Standards* (MVS) untuk dipatuhi oleh semua pihak. Jadi kita tidak mahu kalau ada perbezaan yang amat ketara itu menjadikan ketidakadilan kepada orang ramai. Jadi apakah asas ataupun nilai yang diguna pakai untuk menghasilkan nilai untuk cukai dan juga pampasan pengambilan tanah? Ia berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi yang untuk memastikan bahawa yang penting kita tidak akan menzalimi mana-mana pihak. Akan tetapi kalau tuan tanah itu tidak puas hati dia ada *recost* untuk pergi bawa perkara ini sampai lah ke peringkat mahkamah.

Kemudian ada tadi Yang Berhormat juga menyatakan tentang kaedah pelaksanaan undang-undang, bagaimana kita hendak tengok supaya apabila rang undang-undang diluluskan kita akan dapat melaksanakan dengan baik di masa depan.

Jadi kita tahu bahawa pelbagai cara lah, kita ada di peringkat negeri, di peringkat pusat, Lembaga ini dia ada wakil dia di peringkat negeri iaitu Pengarah Penilaian JPPH di peringkat negeri ini yang akan dapat juga mendengar kompelin ataupun aduan daripada mana-mana pihak di negeri masing-masing ia di angkat kepada Lembaga.

Kemudian kadang-kadang kita dapat isu-isu yang contoh cara untuk kita dengar aduan-aduan yang dibuat bagaimana Lembaga ini hendak atasi ataupun hendak menangani dia adalah *Complaints Management Centre* (CMC) nya kemudian dia bawa kepada *Complaints Investigation Community* (CIC), kemudian CIC ini akan membuat siasatan terperinci. Kemudian akan membuat mesyuarat dan kesimpulan sama ada, ada *prima facie* ke atas aduan yang dibuat kemudian bolehlah mereka bawa kepada *Special Board Meeting* untuk keputusan, kemudian SBM ini akan membuat keputusan untuk dipanjangkan ataupun tidak.

Kemudian akan dibawa ke Lembaga Disiplin. Di pihak Lembaga ini, kemudian akan adalah mengikut seksyen 24 sama ada keputusannya untuk membatalkan pendaftaran pengamal dari daftar ataupun menggantung kemudian dengan ada denda, teguran dan sebagainya. Ini semua adalah tatacara yang telah pun disediakan oleh pihak Lembaga yang memang diikuti dan kita harapkan dengan adanya rang undang-undang yang kita perkemaskan ini akan menjadikan ia lebih kemas di masa yang akan datang. Seterusnya jaminan kerajaan, ini daripada Yang Berhormat Datuk Rabiayah. Jaminan kerajaan tentang tunggakan caj penyelenggaraan ini. Tunggakan caj ini boleh dikutip di bawah Akta Pengurusan Strata.

■1650

Ini sebenarnya Yang Berhormat, kita ada dua tajuk. Satu, kita bincang Akta 242 tetapi dalam tajuk soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat ini berkaitan dengan Akta 757 iaitu Akta Pengurusan Strata 2013. Jadi JMB di bawah seksyen 24, *Joint Management Board* (JMB) ini boleh mendapatkan tunggakan caj penyelenggaraan. Pemaju ataupun JMB boleh mendapatkan caj penyelenggaraan daripada pembeli, pemunya petak. Jika gagal bayar, mereka boleh failkan ke mahkamah atau Tribunal Pengurusan Harta.

Kemudian, seksyen 35, penahanan harta alih. Pemaju ataupun JMB boleh menjalankan penahanan harta alih bagi mana-mana pembeli ataupun pemilik yang gagal bayar caj penyelenggaraan. Contohnya, kes-kes MC Vista di Kajang dan sebagainya. Ini semua adalah perkara-perkara yang ada *avenue*-nya melalui Akta 757.

Yang Berhormat juga berkaitan dengan hendak mengelak daripada spekulasi. Jadi seperti yang saya sebutkan tadi, kita harapkan dengan adanya akta ini akan memperkemaskan lagi pengurusannya. Akhir sekali yang penting, rakyat ada ruang untuk membuat aduan dan sebagainya supaya mereka ini tidaklah menjadi mangsa kepada keadaan.

Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan. Sekiranya kalau Yang Berhormat perlu penjelasan selanjutnya, saya boleh beri secara bertulis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017 untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam memastikan pengawalseliaan Lembaga Pemantauan Audit, dengan izin, *The Audit Oversight Board* atau panggilan lazimnya, AOB terhadap profesion pengauditan kekal berkesan, pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah mengkaji dan menyemak peruntukan-peruntukan sedia ada berkaitan dengan AOB di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017 digubal untuk meminda peruntukan-peruntukan dalam akta yang berkaitan dengan Lembaga Pemantauan Audit dengan tujuan untuk memastikan keberkesanan AOB secara berterusan semasa menjalankan fungsi-fungsi yang ditugaskan kepadanya di bawah akta.

Sebagai latar belakang, penyata kewangan secara lazimnya merupakan maklumat yang amat penting kepada para pelabur yang ingin membuat pelaburan di dalam sesebuah syarikat atau mana-mana institusi yang menyediakan peluang pelaburan. Ini kerana ia dapat memberikan maklumat yang relevan dan mencukupi untuk membantu mereka membuat pertimbangan dan penilaian yang sewajarnya mengenai pelaburan mereka.

Penyata kewangan juga dapat memberikan penzahiran kepada para pelabur mengenai kedudukan dan prestasi kewangan terhadap sesebuah syarikat tersenarai kumpulan-kumpulan kewangan seperti Unit Tabung Amanah, Skim Persaraan Swasta dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah amat penting bagi memastikan orang-orang dan institusi-institusi yang menyediakan laporan atau penyata kewangan merupakan orang-orang atau entiti-entiti yang layak dan patut, dengan izin, *fit and proper*, mempunyai tahap *ethical* yang tinggi serta memenuhi skala keperluan piawaian yang ditetapkan.

Untuk mencapai tujuan ini, Lembaga Pemantauan Audit telah ditubuhkan oleh pihak SC pada tahun 2010. Fungsi AOB adalah untuk mengawal selia juruaudit entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual serta menjalankan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubungan dengan maklumat kewangan entiti berkepentingan awam dan kumpulan wang jadual bagi aktiviti-aktiviti di dalam pasaran modal. Ia juga ditugaskan untuk menggalakkan dan membangunkan kerangka kerja pemantauan Audit yang berkesan dan teguh di Malaysia dan secara langsung menggalakkan keyakinan terhadap kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017 bercadang untuk yang pertama, untuk membuat pindaan terhadap komposisi anggota AOB dengan mengklasifikasikan semula jawatan Pengerusi Lembaga Pemantauan Audit (AOB) daripada sebuah jawatan eksekutif kepada jawatan bukan eksekutif.

■1700

Bersamaan ini juga rang undang-undang bercadang untuk memperkenalkan jawatan baru pegawai eksekutif yang akan bertanggungjawab untuk pengurusan dan pentadbiran harian AOB.

Kedua, membuat pindaan berbangkit berhubung dengan cadangan yang disebutkan sebentar tadi termasuklah membuat peruntukan berkenaan dengan kriteria kelayakan sekatan dan tempoh pelantikan anggota AOB.

Ketiga, menjelaskan peruntukan untuk pembayaran fi pendaftaran secara tahunan selama tempoh juruaudit kekal berdaftar dengan AOB. Rang undang-undang juga bercadang untuk memperkenalkan satu fi bayaran lewat sekiranya juruaudit berdaftar lewat membuat bayaran fi tahunan kepada AOB.

Keempat, menyelaraskan peruntukan di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 yang memberi kuasa kepada pihak suruhanjaya untuk membuat peraturan-peraturan dengan peruntukan kuasa yang sama seperti yang terkandung di dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 10 fasal yang mencadangkan untuk meminda peruntukan-peruntukan di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 31A, Akta 498 untuk memasukkan takrif baru iaitu "pegawai eksekutif" dan "pengerusi bukan eksekutif" ke dalam Akta 498 dan untuk memotong takrif "pengerusi eksekutif".

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 31B, Akta 498 untuk meluaskan skop Lembaga Pemantauan Audit berhubung dengan pemantauan ke atas mana-mana orang yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan untuk:

- (i) suatu entiti bukan berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual;
- (ii) suatu entiti bukan berkepentingan awam yang memohon kelulusan untuk menjadi syarikat awam tersenarai atau;
- (iii) suatu perbadanan disenaraikan di bursa saham; atau
- (iv) kumpulan wang tidak berjadual yang memohon kelulusan untuk menjadi kumpulan wang berjadual.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 31C, Akta 498 untuk menggantikan peruntukan sedia ada berhubung dengan komposisi Lembaga Pemantauan Audit dan larangan yang dikenakan ke atas pengerusi bukan eksekutif dan pegawai eksekutif.

Fasal 4 juga bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru 31C(6A) ke dalam Akta 498 bagi memperuntukkan bahawa tiada seorang pun anggota Lembaga Pemantauan Audit boleh menjadi juruaudit syarikat yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 2016 atau diambil bekerja oleh firma yang menyediakan perkhidmatan untuk entiti berkepentingan awam atau kumpulan wang jadual atau mana-mana gabungannya. Pindaan ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa pengurusan hari ke hari Lembaga Pemantauan Audit adalah tanggungjawab pegawai eksekutif.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 31EA, Akta 498 akibat daripada memasukan takrif "pengerusi bukan eksekutif".

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 31H, Akta 498 untuk memperjelaskan Kumpulan Wang Lembaga Pemantauan Audit berhubung dengan fi dan bayaran lain.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 31O, Akta 498 untuk memasukkan subseksyen baru 31O(4A) dan (4B) ke dalam Akta 498. Subseksyen baru 4A memperuntukkan bahawa seseorang juruaudit yang berdaftar atau yang diiktiraf oleh Lembaga Pemantauan Audit hendaklah membayar apa-apa fi yang ditetapkan secara tahunan. Sementara itu, subseksyen baru 4B memperuntukkan bahawa suruhanjaya boleh mengenakan fi lewat bayar terhadap mana-mana juruaudit berdaftar atau yang diiktiraf jika dia tidak membayar fi itu dalam masa yang ditetapkan.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 31Q, Akta 498 untuk menjelaskan bahawa pendaftaran seseorang juru audit boleh dibatalkan atau digantung atau pengiktirafan boleh ditarik balik atau digantung sekiranya terdapat kegagalan untuk membayar apa-apa fi atau bayaran yang dikenakan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 159, Akta 498 untuk menghuraikan kuasa suruhanjaya untuk membuat peraturan-peraturan berhubung dengan borang fi dan pengecualian.

Fasal 10 bertujuan untuk mengadakan peruntukan peralihan berhubung dengan tempoh jawatan anggota bukan eksekutif sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ya, sila pertama sekali nama iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Ada dia? Ada sesiapa lagi hendak- rang undang-undang, di sini, nama yang ditulis Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, ada?... Tiada? Tiada ya?

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: Boleh saya mohon untuk berbahas?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

5.09 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas kebenaran untuk saya membahaskan rang undang-undang bagi meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2017.

Tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri kerana pindaan yang dibuat dalam rang undang-undang ini akan menambah baik kerangka kawalan perundangan aktiviti pasaran modal dan perkhidmatan serta menjadi pengawal selia mereka-mereka yang dilesenkan untuk menjalankan urus niaga pasaran modal seperti bon, saham, sukuk dan unit amanah di Malaysia yang mana pada tahun 2016 pasaran modal ini berkembang sehingga RM2.84 trilion walaupun kita menghadapi kesuraman ekonomi global.

■1710

Justeru, melalui pindaan Akta Suruhanjaya Sekuriti ini, saya yakin dan percaya momentum pertumbuhan pasaran modal pada tahun ini akan mengalami pertumbuhan paling ketara bersesuaian dengan keseriusan Suruhanjaya Sekuriti dalam memastikan laporan-laporan tahunan syarikat-syarikat PLC mematuhi ketetapan dan perundangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia demi kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh tentang pindaan fasal 4 yang meminda seksyen 31C dan memasukan sub seksyen baru 31C(6A) yang mana tindakan kerajaan membuat pindaan fasal ini dalam akta ini agar isu-isu integriti juruaudit dapat memberikan gambaran sebenar keseriusan kerajaan menangani pertikaian eksploitasi dan integriti pasaran.

Melalui pindaan yang bakal di buat ini saya ingin bertanya beberapa persoalan berhubung dengan falsafah dan fungsi yang lebih efektif yang boleh dimaikan oleh Suruhanjaya Sekuriti dalam memastikan, pertama, dalam isu prinsip jalinan kerjasama yang terbaik dan responsif di antara Jabatan Jenayah Komersial PDRM dan *Financial Intelligence and Enforcement Department of Bank Negara Malaysia* bagi menyelaras atau memastikan kawalan dan sekatan terhadap gejala pelaburan pasaran modal haram atau pasaran modal yakni dalam berbentuk skim ponzi yang mana masih berlaku dalam negara dan mengakibatkan kerugian pelaburan yang tinggi di kalangan rakyat.

Kedua, bagaimanakah Suruhanjaya Sekuriti memastikan pematuhan dan prestasi pelaburan yang dibuat oleh institusi yang menawarkan skim PRS iaitu *Private Retirement Scheme* (PRS) yang mempunyai prestasi lebih baik atau setara dengan prestasi imbuhan KWSP dan memastikan skim-skim yang ditawarkan dan janji pulangan dipatuhi dan penzahiran risiko pelaburan dalam perspektif pelaburan tidak menganiaya pelabur yang bergantung harap dengan imbuhan baik skim PRS ini.

Ketiga yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon penjelasan bagaimanakah perancangan dan keutamaan oleh SC dalam memacu falsafah penguatkuasaan agar kelulusan-kelulusan IPO yang dimohon oleh syarikat-syarikat yang bakal disenaraikan benar-benar mempunyai prospek perolehan pendapatan yang stabil dan memastikan pulangan pelaburan yang baik serta tidak merugikan pelabur dalam meniti kesuraman ekonomi global kini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan akta ini dan semoga segala tetapan dalam pindaan ini bakal memanfaatkan komuniti pelabur ekonomi negara dan rakyat Malaysia. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada yang lain-lain hendak bercakap lagi tentang ini membahar? Kalau tidak ada, minta Yang Berhormat Menteri jawab.

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin kerana sudi mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Pindaan) 2017. Mengenai falsafah dan fungsi SC dalam jenayah komersial dan juga prestasi PRS memang saya tidak ada maklumat. *Secretary* saya akan jawab secara bertulis. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Terima kasih dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri (Datuk Nur Jazlan bin Mohamed) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENCEGAHAN JENAYAH (PINDAAN) 2017

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.18ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297] merupakan suatu akta yang digubal untuk mengadakan pencegahan jenayah yang lebih berkesan di Malaysia dan bagi mengawal penjenayah, anggota kongsi gelap, pengganas dan mana-mana orang yang tidak diingini serta apa-apa perkara yang bersampingan dengannya.

Akta ini telah pun melalui beberapa proses pindaan yang mana pindaan terkini yang dibuat adalah menerusi Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 [Akta A1459] yang berkuat kuasa pada 2 April 2014 dan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2015 [Akta A1484] yang berkuat kuasa pada 1 September 2015. Di dalam pindaan sebelum ini terdapat beberapa elemen penting yang telah diperkenalkan iaitu;

- (i) mengadakan peruntukan berkenaan pemakaian dan tatacara pemasangan peranti pengawasan elektronik iaitu EMD, dengan izin *Electronic Monitoring Device* ke atas orang yang direman dalam jagaan yang dilepaskan sementara menunggu *inquiry*;
- (ii) penubuhan Lembaga Pencegahan Jenayah yang mengambil alih kuasa eksekutif Menteri Dalam Negeri; dan
- (iii) peruntukan berkenaan Perintah tahanan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod sejak Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014, [Akta A1459] dikuatkuasakan pada 1 April 2014 sehingga 15 Julai 2017 seramai 3,473 orang telah pun ditangkap oleh pihak polis dengan 753 orang daripadanya telah dikenakan perintah tahanan, 1,768 orang dikenakan perintah pengawasan polis dan 577 orang telah dibebaskan dan baki 375 orang masih lagi dalam kajian Lembaga Pencegahan Jenayah.

Di sini jelas bahawa Lembaga yang dilantik telah menjalankan tugas mereka dengan telus, dengan meneliti fail kes yang diterima oleh mereka dan bukannya secara sesuka hati mengeluarkan perintah tahanan mahupun perintah pengawasan polis. Melalui pengenalan EMD pula, seramai 1,615 orang telah dipakaikan dengan peranti berkenaan.

Walaupun pemakaian peranti pengawasan elektronik ini bertujuan untuk memantau pergerakan dan mendisiplinkan mereka, namun masih terdapat pelanggaran syarat di mana seramai 109 orang telah melakukan kesalahan langgar syarat pemakaian EMD berkenaan. Antara kesalahan-kesalahan yang dilakukan adalah:

- (i) tidak mengecas bateri peranti pengawasan elektronik;
- (ii) lari bersama peranti pengawasan elektronik;
- (iii) merosakkan peranti pengawasan elektronik berkenaan;
- (iv) menanggalkan peranti pengawasan elektronik dengan apa cara sekali pun; dan
- (v) menghilangkan peranti pengawasan elektronik yang telah dirosakkan atau ditanggalkan.

Setelah tiga tahun penubuhan Lembaga Pencegahan Jenayah iaitu sejak ia diperkenalkan melalui pindaan pada tahun 2014, banyak pengalaman yang telah dihadapi oleh Lembaga dalam menjalankan tugas seharian mereka. Sehubungan itu, Lembaga sendiri telah mengemukakan cadangan pindaan kepada kementerian bagi menambah baik akta yang sedia ada. Berdasarkan cadangan daripada lembaga berkenaan, kementerian telah membuat beberapa siri perbincangan yang turut melibatkan agensi di bawah kementerian serta Jabatan Peguam Negara.

Hasil daripada siri-siri perbincangan tersebut, yang menghasilkan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 ini, ia mengandungi 16 fasal sebagaimana yang dicadangkan di dalam Dewan yang mulia ini di mana ia akan mempercepatkan lagi proses pembuatan keputusan oleh pihak lembaga. Peruntukan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017. Elemen-elemen utama dalam rang undang-undang ini memperuntukkan seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 4A ke dalam Akta 297 bagi mengehendaki pengemukaan laporan lengkap penyiasatan orang yang ditahan di bawah subseksyen 3(1). Laporan lengkap itu hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Inkuiri dan Lembaga dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Menteri dalam peraturan-peraturan.

Fasal 3 bertujuan untuk memotong seksyen 6, Akta 297. Dengan pemotongan seksyen 6, seseorang yang di reman di bawah seksyen 4 dibawa ke hadapan Pegawai Inkuiri hanya bagi maksud penyiasatan di bawah seksyen 9.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 7A, Akta 297. Subfasal 4(a) dan (b), bertujuan untuk meminda subseksyen 7A(2), dan (5) Akta 297 bagi memperjelaskan bahawa terma dan syarat bagi peranti pengawasan elektronik yang perlu diterangkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen merujuk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Akta 297.

Subfasal 4(c) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 7A(7), Akta 297 bagi memasukkan sebagai satu kesalahan perbuatan merosakkan dan menghilangkan peranti pengawasan elektronik dan apa-apa peranti lain yang digunakan berhubung dengan pengendalian peranti pengawasan elektronik itu. Pindaan ini juga memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengenakan tempoh pemenjaraan ke atas seseorang yang gagal membayar kerugian atau kehilangan peranti pengawasan elektronik atau apa-apa peranti lain yang digunakan berhubung dengan pengendalian peranti pengawasan elektronik itu.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 7B, Akta 297 bagi membolehkan anggota Lembaga dilantik semula bagi apa-apa tempoh. Sebelum pindaan, anggota Lembaga hanya boleh dilantik semula hanya sekali bagi tempoh tiga tahun.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 9, Akta 297 yang berbangkit daripada pemotongan seksyen 6, Akta 297.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 10, Akta 297. Subfasal 7(a) bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1), dan (2) Akta 297 bagi meniadakan kehendak bagi serahan dapatan oleh Pegawai Inkuiri kepada orang yang merupakan subjek suatu siasatan.

Ketiadaan kehendak ini selaras dengan peruntukan undang-undang pencegahan yang lain seperti Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316], dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 [Akta 769].

Subfasal 7(b), bertujuan untuk memotong subseksyen 10(3) dan (4), Akta 297 yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baharu 10A ke dalam Akta 297.

Fasal 8 bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 10A ke dalam Akta 297 yang memperkatakan peruntukan baharu berhubung dengan keputusan Lembaga. Pada masa ini, seksyen 11, Akta 297 memperuntukkan bahawa Lembaga boleh mengkaji semula dapatan seseorang Pegawai Inkuiri atau mengkaji semula keputusan Lembaga bahawa terdapat alasan munasabah untuk mempercayai bahawa orang yang merupakan subjek suatu siasatan ialah anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan.

Melalui seksyen 10A yang dicadangkan ini, Lembaga mempunyai kuasa untuk mempertimbangkan dan memutuskan semula dapatan oleh Pegawai Inkuiri. Ketiadaan peruntukan kajian semula juga akan mengakibatkan ketiadaan peranan pegawai undang-undang dalam menasihati Lembaga apabila permohonan bagi kajian semula dibuat di bawah seksyen 11, Akta 297.

Fasal 9 bertujuan untuk memotong seksyen 11, Akta 297 yang telah digantikan dengan kemasukan seksyen 10A baharu dalam fasal 8.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 12, Akta 297 yang berbangkit daripada pindaan seksyen 10 dan pemotongan seksyen 11. Melalui pindaan ini Pendaftar hanya akan mendaftarkan nama seseorang dalam Daftar, selepas Lembaga telah memutuskan bahawa orang itu adalah anggota mana-mana kategori yang boleh didaftarkan.

Fasal 11 bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 15A, Akta 297 sedia ada sebagai seksyen 15B dan untuk memasukkan seksyen 15A baharu sebelum seksyen 15B yang dinomborkan semula itu.

Seksyen 15A memperuntukkan tatacara khas yang berhubung dengan peranti pengawasan elektronik melalui perintah Lembaga yang dibuat di bawah perenggan 15(2)(f).

Polis hendaklah menerangkan terma dan syarat peranti pengawasan elektronik kepada orang yang didaftarkan sebagaimana yang ditetapkan dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat yang baharu.

Mana-mana orang yang mengganggu, merosakkan, memusnahkan atau menghilangkan peranti pengawasan elektronik dan apa-apa peranti lain yang digunakan berhubung dengan pengendalian peranti pengawasan elektronik melakukan kesalahan dan mahkamah boleh mengenakan tempoh pemenjaraan ke atas seseorang yang gagal membayar kerugian atau kehilangan peranti pengawasan elektronik dan apa-apa peranti lain yang digunakan berhubung dengan pengendalian peranti pengawasan elektronik.

Fasal 12 bertujuan untuk meminda seksyen 19A, Akta 297.

Subfasal 12(a), bertujuan untuk meminda subseksyen 19A(1), Akta 297 yang berbangkit daripada pemotongan seksyen 11.

Subfasal 12(b), bertujuan untuk memotong subseksyen 19A(2), Akta 297 kerana peruntukan mengenai kajian semula oleh Mahkamah Tinggi telah dijelaskan dalam perenggan baharu 15A(2)(ba).

Perenggan 15A(2)(ba), memperuntukkan bahawa kajian semula kehakiman termasuk prosiding yang dimulakan melalui writ *habeas corpus*, dengan izin.

■1730

Fasal 13 bertujuan untuk meminda subperenggan 19B(a)(i), Akta 297 bagi memperuntukkan bahawa perintah tahanan yang dibuat di bawah subseksyen 19A(3) terhadap seseorang tidak menjadi tidak sah atau tidak berkuat kuasa atas alasan bahawa sebaik selepas pembuatan perintah tahanan tersebut, orang itu ditahan di suatu tempat lain selain tempat yang dinyatakan dalam perintah tahanan tersebut.

Fasal 14 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 19H ke dalam Akta 297 untuk memberikan kuasa nyata kepada Lembaga untuk membatalkan perintah pengawasan, perintah tahanan, penggantungan perintah tahanan atau arahan bagi pelanjutan perintah itu.

Fasal 15 bertujuan untuk meminda perenggan 21(3)(a), Akta 297 yang berbangkit daripada pemotongan subseksyen 10(3) dalam subfasal 7(b), kemasukan seksyen baharu 10A dalam fasal 8 dan pemotongan seksyen 11 dalam fasal 9 yang dengannya seseorang yang direman tidak lagi dilepaskan di bawah seksyen 10 atau 11 tetapi di bawah seksyen baharu 10A.

Fasal 16 bertujuan untuk memasukkan Jadual Keempat baharu ke dalam Akta 297 yang berbangkit daripada kemasukan seksyen baharu 15A.

Jadual Keempat yang baharu mengandungi borang yang perlu ditandatangani oleh orang yang diperintahkan oleh Lembaga untuk dipasang dengan suatu peranti pengawasan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya dapati ramai hendak membahas ini. Tahniahlah, bagus. Hampir 10 orang yang hendak bercakap. Saya mulakan dengan seorang tokoh veteran kita iaitu yang bernama Yang Berhormat Senator Tan Sri Nallakaruppan. Dipersilakan.

5.33 ptg.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya yang mula.

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Apa?

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak usah kacaulah. Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 yang sangat baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ramai dalam Dewan ini sedia maklum bahawa saya sendiri juga pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA). Bila Dato' Seri- bukan Dato' Seri- Mahathir Mohamad. Bila dia jadi Perdana Menteri 22 tahun, dia guna ISA ini, semua salah guna. Dia bukan guna ISA untuk kebaikan. Anwar Ibrahim mahu bertanding lawan sama dia, dia tahan Anwar Ibrahim guna ISA. Dulu dia sudah tahan, taruh dia di penjara, sekarang dia pergi cium sama dia. Dia ini Mahathir tidak ada *principle*. Dia tidak ada *principle* punya orang. Kalau dia ada *principle*, sekarang umur dia 92 tahun, dia boleh jaga negara kita dan jaga rakyat, dia boleh *advice to the Prime Minister if he is a good man*, dengan izin. *He is not thinking of the country*. Dia bukan ingat rakyat kita, dia bukan ingat negara kita. Dia pergi seluruh negara kita dan lain-lain negeri pun, dia akan rosakkan negara kita.

Bila saya kena tangkap, bukan saya bikin apa-apa salah. Dia guna ISA untuk tangkap sama saya pasal saya kawan dengan Anwar Ibrahim. Anwar Ibrahim, dia pun sama Mahathir banyak baik. Dia sudah cakap, Mahathir sudah cakap, ini yang...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Boleh saya mencelah. Tuan Yang di-Pertua di sini?

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sahabat saya Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla. Dulu Tan Sri ada kawan baik sama Datuk Seri Anwar. Saya mahu tanya, sekarang pun ada baik lagi kah?... [*Dewan ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dulu kawan, sekarang pun dia kawan sama saya, bukan tidak ada kawan. Politik tidak ada tetap kawanlah. Akan tetapi, dia sudah bikin sedikit salah, dia minta saya maafkan sama dia, saya sudah maaf sama Anwar, sekarang sudah kawan balik. So, tidak ada salah. Kawan balik tidak ada salah. Sekarang kawan. *You* tanya soalan pada saya, kawan kah tidak ada kawan, sekarang kawan. Saya ada pergi tengok dia di mahkamah. Saya ada cakap sama dia.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Minta laluan sedikit, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya mahu tanya Yang Berhormat Senator Tan Sri Nalla. Dulu tidak ada kawan, sekarang sudah kawan balik. Apakah sudah kawan balik dengan Datuk Seri Anwar itu kerana Datuk Seri Anwar sudah tarik balik itu saman RM100 juta? Betulkah itu macam?

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Batu, dia tanya RM100 juta dia saman sama saya. Bukan RM100 juta. Dua kes dia taruh. Satu RM60 juta, lagi satu RM100 juta.

Timbalan Yang di-Pertua: Banyak ya.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dua-dua pun dia sudah tarik balik.

Seorang Ahli: Sebab itu baik.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bukan itu baik. Dia bila sampai mahkamah dia tengok saya, dia minta saya punya peguam, "*Saya mahu tengok Tan Sri Nalla*". Mula-mula saya tidak mahu tengok. Pasal apa? Pasal dia sudah bawa saya pergi mahkamah, buat apa saya mahu tengok? Belakang, saya punya peguam, dia cakap "*Tidak apa, pergi tengok*". Saya masuk dalam bilik, dia salam sama saya, dia panggil saya duduk, saya duduk. Dia cakap, "*Ini kes saya withdraw, saya tarik balik*". Bila kawan sudah minta maaf, tarik balik, macam mana saya tidak mahu ingat kawan? Saya bukan serupa Mahathir, tidak ada *principle* punya orang. Saya ada *principle*. So, itu juga saya juga sudah tarik balik. Bukan apa-apa. Terima kasih, Datuk Batu.

Timbalan Yang di-Pertua: Budi baiklah. Budi baik dia.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Bila saya mahu cakap, Tuan Yang di-Pertua, kiri kanan dia orang kacau, macam mana saya mahu cakap?... [*Dewan ketawa*]

Seorang Ahli: Saya mari sekarang.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Ha! Tengok. Dulu Mahathir Mohamad- Mahathir Mohamad sekarang lain-lain nama ada lah tapi saya tidak mahu cakaplah. Sekarang Tun Mahathir sudah lupa.

Dulu dia kata, "Melayu mudah lupa", tapi sekarang dia pun sudah lupa. Dia sekarang mahu balik. Sudah 22 tahun dia duduk Perdana Menteri, dia tidak ada cukup, dia mahu balik lagi. Dia mahu jadi Perdana Menteri lagi kah, apa dia mahu kasi dia punya anak kah, itu belum tahu. Tetapi, banyak orang di dalam negara kita, dia orang cakap dulu dia pakai ISA, sekarang punya Perdana Menteri tidak ada, ini semua dia tidak ada pakai. Betul-betul dia tolong untuk rakyat dan negara kita.

Tengok baru-baru ini sukan kita pergi *opening*, saya ingat Tuan Yang di-Pertua pun ada sana. Berapa baik, berapa cekap dia orang bikin. Ini stadium penuh. Ini untuk siapa? Ini bukan untuk Najib punya rumah, bukan untuk dia punya anak, tidak ada. Ini untuk negara kita. Lain-lain negara tengok semalam TV, orang telefon saya tanya. "Wah! Very nice. Your country has done very well".

■1740

Orang India dia telefon. Ada di sana keluar... [Disampuk] Apa? Boleh diam tidak, saya sedang bercakap.

Seorang Ahli: ...Mahu bercakap bahasa Inggeris minta izin.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sudah minta izin. *You* tidak dengar, telinga *you* saya ingat. Ada? Baik [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua- apa yang saya ingat hendak cakap, mereka kacau, saya sudah lupa. Bolehkah cakap mereka, jangan kacau?

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Boleh minta laluan?

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Kalau mereka mahu tanya soalan, boleh tanya.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Boleh. Bagi, tetapi membebel. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya satu Tuan Yang di-Pertua. Ini lama saya hendak tanya tetapi hari ini semenjak bila tadi Yang Berhormat cakap fasal Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir bin Mohamad, saya mahu tanya satu sahaja. Bila dahulu Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir bin Mohamad, Menteri Dalam Negeri tangkap Anwar Ibrahim dan juga Yang Berhormat sendiri di bawah tahanan ISA, macam-macam tahanan, adakah tahanan itu, penangkapan itu betul-betul kerana Anwar memang terlibat ataupun motif politik sahaja?

Oleh sebab hari ini saya tengok rakyat seluruh negara sudah tertipu. Saya dulu tahun 1997, pada masa itu anak muda umur 30-an memang macam percaya dan tidak percaya waktu itu. Akan tetapi kerana kita yakin tidak mungkin seorang Perdana Menteri berbohong kepada rakyat, akhirnya saya percaya kepada dia. Berbelas tahun saya ikut dan percaya kepada tindakan dia, hari ini dia boleh duduk dan bersalam dengan Anwar. Bila orang tanya fasal kes itu, dia kata benda yang lama jangan dikenang.

Saya pun tahu waktu penahanan dulu Yang Berhormat ada pernah sebut waktu disoal siasat. Yang Berhormat ada sebut kalau betullah, kalau salah minta Yang Berhormat betulkan. Tangan saya apa Yang Berhormat kata, Yang Berhormat sebut. Kalau tangan saya ditoreh darah sekalipun, keluar darah itu Anwar Ibrahim punya nama. Ini kuat.

Saya tidak tahu, saya dengar. *Allahyarham* ayahanda saya yang beritahu kepada saya. Dia kata, "Itu Dato' Sri Nalla..." masa itu belum "Tan Sri" lagi. Dato' Nalla bila orang tanya dia kata, "Kalau toreh tangan saya, darah itu keluar nama Anwar Ibrahim." Jadi hari ini saya hendak minta penjelasan supaya jangan lagi orang muda macam saya ini tertipu. Sekejap tangkap, sekejap cakap liwat. Dia yang cakap, bukan saya. Hari ini dia kata boleh kawan, itu kisah lama. Jadi, apa penjelasan Yang Berhormat?

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Megat. Bila betul saya kena tangkap di Bukit Aman 42 hari atau 48 hari, lama. Bila saya yang kena tangkap dulu, lepas itu pula Anwar Ibrahim kena tangkap. Bila saya kena tangkap, mereka tanya Anwar Ibrahim macam mana. Macam-macam mereka kata, tidak bagi saya tidur. Tidak boleh tidur... [Disampuk] Ah, apa?... [Disampuk] Sudahlah.

So bila saya kena tangkap, saya duduk di sana 42 hari. Bila Anwar kena tangkap, hari itu mereka hantar saya pergi ke Sungai Buloh. Bila dia tangkap, mereka panggil saya pergi tengok Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir. Saya kena tangkap 31 Julai 1998. / jawab, *you* punya saya jawab. Bukan saya lupa. *You* tidak kacau, saya boleh jawab. Tahun 1998. Bila dia kena tangkap, mereka hantar saya ke Sungai Buloh.

Sini bila saya ada di Bukit Aman, pegawai polis itu tanya Tun Dato' Seri Dr Mahathir mahu tengok dengan saya. Saya cakap apa guna dia hendak tengok. Kalau dia mahu tengok, saya belum ditangkap, dia tengok saya, saya boleh pergi pejabat dia atau mana-mana saya boleh tengok.

Akan tetapi dia salah guna ISA, dia sudah tangkap saya. Apabila mereka datang tangkap saya dekat rumah saya, serupa mahu tangkap *leader* komunis. Tepi semua polis. Saya ingat 30 anggota polis, 40 anggota polis ada tepi semua. *Road* saya semua tutup. Dia cakap mahu berjumpa dengan saya. Saya panggil buka pintu, masuk dalam. Saya tengok satu, satu, satu masuk dekat 20 orang, 30 orang sudah masuk dalam rumah.

Mereka cakap *you* duduk sana diam-diam. Saya tanya kenapa, cakap dulu. *No, you sit down*, dengan izin. Saya duduk, mereka semua hendak *check* rumah semua. Sudah *check*, mereka angkat banyak barang, banyak. Mereka angkat beberapa beg, semua sudah diangkat, angkat saya pergi ke Bukit Aman, simpan saya. Malam itu mereka panggil saya duduk, tanya macam-macam mereka tanya.

Itu Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir dia di TV sudah cakap, Datuk Haji Megat Zulkarnain, dia sudah cakap Yang Berhormat, Anwar Ibrahim juga. Dia cakap bukan. Ada dengar bukan. Saya banyak kali dengar Dewan ada cakap. Sekarang Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir pergi jumpa Anwar, dia bersalam dengan dia, dia cium dia punya tangan, dia sudah kawan balik. Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir, dia buat ini semua untuk dia punya personel, bukan untuk negara, untuk rakyat. Dia pandai tipu.

Akan tetapi 22 tahun ini UMNO, mereka sudah simpan, apa boleh buat... [Disampuk] Ya, 22 tahun dia Perdana Menteri. Apa kamu buat? Apa, tidak ada masalah? Jawab sekarang... [Disampuk] Apa terlebih. Selama 22 tahun dia duduk di sana. Macam-macam dia buat. Sekarang keluar dia cakap Melayu tidak tolong dengan dia. Macam mana? Selama 22 tahun sudah simpan dia di sana Perdana Menteri. Sekarang dia keluar dia cakap Melayu tidak tolong. Dia yang tolong Melayu.

Ini dia boleh cakap pusing-pusing. Kuasa ISA ini dia pakai untuk tangkap Anwar dan saya disimpan untuk rahsia. Dia mahu tahan Anwar, *you* tahan. Itu dia politik. Dia takut, dia lawan sama dia. Akan tetapi fasal apa? Saya tidak buat apa-apa. Saya kawan dengan dia. Oleh sebab itu dia kena tangkap saya. *You* tadi cakap darah keluar. Mana *you* punya papa cakap? *You* punya papa bohong dengan *you*? Tidak bukan? Ah so, betullah... [Disampuk] [Ketawa] Menteri.

Seorang Ahli: ...Darah sana.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Darah? Mereka cakap dengan saya, Datin Sri Azizah pun bila saya sudah keluar dia tanya saya, "*Nalla you cakap itu betul?*" Mereka tanya dengan saya, saya cakap Anwar ini. Macam-macam mereka pusing kepala saya. Saya cakap, *you* potong tangan ini, darah keluar pun dia cakap nama Anwar juga. Tidak cakap apa-apa.

Saya bukan kira bangsa tahu. Dia Melayu, saya India. Akan tetapi sudah kawan. Tetap kawan... [Disampuk] Sikit hari sudah tidak ada [Ketawa] Sikit hari sudah tidak ada, sekarang sudah kawan balik. Siapa tahu nanti sikit hari dia pun boleh pusing balik masuk UMNO, macam mana. Itu tidak boleh, politik tidak boleh cakap. Akan tetapi bila-bila dia datang mahkamah, saya pergi tengok. Mahkamah saya tengok dia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat ISA ini negara kita, ini mustahak, kita mesti marah. Dulu Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir ada dia tangkap Lim Kit Siang dia tangkap, V. David dia tangkap, semua. Saya ingat dekat 10 orang, 15 orang dia tangkap, dia letak. Dia guna ISA. Adakah Perdana Menteri kita sekarang Dato' Sri Mohd. Najib ada tangkap sesiapa? Tidak ada. Sekarang Tun 'Dato' Seri' Dr Mahathir pergi *kiss* Lim Kit Siang. Dia cium tangan. Anwar Ibrahim cium tangan dia. Sekarang dia tidak ingat apa-apa. Kalau orang ada *principle*, dia tidak buat ini. Dia tidak ada *principle*, so dia buat hal ini.

Itu saya ingat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap banyak ini. Sudah lambat nanti mereka pun mahu cakap... [Disampuk] Ah? Esok adalah. Akan tetapi orang kacau sangat kuat. Sangat susah hendak cakap... [Disampuk] Biarlah, dengar. Ya, ini kita cakap undang-undang. Ini bukan undang-undang? Esok mereka pakai ISA, POCA, dia boleh tangkap *you*. Boleh? *For unnecessary. Unnecessary* boleh tangkap? Tidak boleh. Dia guna ISA tangkap semua orang. Tidak ada apa pun dia letak di ISA.

■1750

Ini sekarang punya kerajaan tidak boleh pakai itulah. Setuju? Baik, ini macam banyak baik. Okeylah saya ini, saya juga ingin...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Ini fasal EMD bukan fasal Anwar Ibrahim tangkap.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Saya tahulah tetapi macam mana dia orang kena tangkap? Dia kena tangkap ISA. Itu sekarang, ini POCA boleh pakai tangkap *you* sama Megat, boleh? Tidak ada apa-apa boleh tangkap, itulah saya kasi... [Disampuk] Tiada, ini contohlah, ini *example* tetapi *you* sini kacau macam mana kita boleh cakap.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik teruskan Yang Berhormat.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Lain kali Tuan Yang di-Pertua bila saya cakap hantar dia dua orang keluar... [Dewan Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Jangan mengganggu ya. Sila Yang Berhormat Tan Sri, jangan ganggu dia.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah cakap, apa yang saya mahu cakap dia orang kacau sudah lupalah Tuan Yang di-Pertua [Ketawa]

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Sebenarnya dia tidak tahu apa dia mahu cakap... [Dewan Ketawa]

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tengok tadi *you* tanya soalan saya sudah cakap, dia tanya soalan bukan? Dia tanya saya, saya sudah jawab sama dia. Lagi dia cakap sekarang ini macam. Dia boleh pusing, dia sama Mahathir serupa. Dia serupa sama dia fasal apa. Apa?

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat, Yang Berhormat orang sudah faham apa Yang Berhormat Tan Sri hendak cakap.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sudah faham, banyak terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Saya pun ini pangkal, ini *last*. Saya pun sudah habis, lain punya bulan Disember bila Dewan Negara *start* saya tidak ada, dia orang tidak boleh kacau, saya pun tidak ada sini. Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri saya yang percaya saya, dia hantar saya ke Dewan ini... [Tepuk] Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan Setiausaha Barisan Nasional, Datuk Seri Tengku Adnan, dia yang sokong sama saya. Dengan ini saya sokong rang undang-undang ini...

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Boleh saya sebut sikit Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ambil contoh yang baik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Saya hendak ambil satu contoh yang baik dari Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin: Walaupun apa yang dia katakan tetapi di hujung ayat tadi dia menyebutkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Datuk Seri Setiausaha Agung Barisan Nasional. Kalau orang macam Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan yang dilantik jadi Ahli Dewan Negara enam tahun pun tahu berterima kasih, apatah lagi manusia yang menjadi 22 tahun Perdana Menteri ini tidak tahu berterima kasih saya pun tidak faham.

Jadi tahniahlah Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan kerana mengingati dan membalas jasa orang yang melantik Yang Berhormat Tan Sri. Mudah-mudahan Yang Berhormat Tan Sri sentiasa sihat dan *insya-Allah* mungkin pergi ke Dewan yang lain selepas ini. Terima kasih, kita doakan.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Dewan yang lain yang mana itu Dewan Bandaraya? Mana dewan? *You* tidak ada cakap mana dewan, banyak dewan ada... [Disampuk] Cukuplah, saya ini yang *last* lah. Saya keluar dari Dewan sini pun luar sekarang saya cakap sini sedikitlah tetapi saya keluar 30 hari pun saya cakap untuk rakyat dan negara kita. Saya bukan tidur... [Tepuk] *I will do my best*, dengan izin. Dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dah Ahli-ahli Dewan Negara kalau saya apa-apa ada bikin salah, cakap lebih, kalau apa-apa minta maaf. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi nampak cara dia cakap tadi kita tahu Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan ini seorang pemimpin yang dikatakan orang kaya boleh kita beli, orang pandai boleh kita dapat tetapi yang setia ini susah nak cari.

Jadi itulah yang kita ada, setia itulah... [*Tepuk*] Jadi berpaksi kepada kesetiaan itulah contoh. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Sekarang saya minta pula sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani, sila.

5.54 ptg.

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismilahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam negaraku Malaysia, sehati sejiwa.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, saya mengambil kesempatan pada petang ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya orang yang kedua selepas Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan untuk membahaskan Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah. Setahu saya, saya belum hantar nama lagi tetapi nama saya juga telah dipanggil. Terima kasih banyak-banyak, mungkin Tuan Yang di-Pertua melihat saya jauh ke dalam ke sudut hati.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 bertujuan untuk menambah baik pencegahan jenayah yang lebih berkesan di Malaysia yang melibatkan kawalan penjenayah. Anggota kongsi gelap, pengganas dan mana-mana orang yang tidak diingini serta apa-apa perkara yang bersampingan dengannya.

Terdapat tiga perkara utama yang dicadangkan untuk membuat pindaan ini iaitu perkara yang melibatkan Lembaga Pencegahan Jenayah. Laporan berkenaan, laporan pegawai inkuiri ataupun IO dan berkenaan dengan peranti pengawasan elektronik (EMD). Isu-isu yang berbangkit Tuan Yang di-Pertua, nampak sibuk Tuan Yang di-Pertua dekat atas itu, tidak tengok dekat saya pun... [*Dewan Ketawa*] Sibuk kiri, kanan macam cari barang hilang sahaja... [*Disampuk*]

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You* cakaplah, kenapa mahu kacau Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya punya sukalah, jangan kacaulah, saya punya suka, ini *floor* saya.

Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, *you* angkat kuasa, dia tidak boleh kacau Tuan Yang di-Pertua. *You* tengok sekarang. Dia cakap itu macam tidak boleh, *you* mahu mesti cakap balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apa, dia tegur membina.

Seorang Ahli: Siapa Tuan Yang di-Pertua ini? Teringin hendak jadi Tuan Yang di-Pertua kah?

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sudah habis *kot term*, tidak boleh jadi Tuan Yang di-Pertua sudah. Saya kacau Tuan Yang di-Pertua, sejarah politik saya sangat panjang dengan Tuan Yang di-Pertua. Dia juga ayahanda saya, ayahanda saya di Parlimen Batu di Bahagian Batu. Saya banyak belajar daripada beliau, apa salahnya kalau anak buah sekali sekala menegur, tidak salah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Isu-isu yang berbangkit dalam kes berkaitan keganasan, pindaan ini dapat memberi keadilan kepada orang yang ditahan. Sungguhpun jenayah keganasan merupakan satu kesalahan yang berat dan boleh mengancam keselamatan negara tetapi hak untuk membela diri perlu diberi sebagaimana diperuntukkan di dalam Artikel 5, Perlembagaan Persekutuan.

Persoalannya, berapa lamakah jangka masa yang diperlukan oleh badan penyiasat ataupun pegawai inkuiri dalam menyiapkan siasatannya bagi diserahkan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dalam kes-kes keganasan tertentu. Pihak berkuasa PDRM perlu mengambil kira kesukaran untuk menyiasat dan mendapatkan bahan bukti di samping perlu mengambil kira orang tahanan, perlu di hadap kepada Lembaga Pencegahan Jenayah secepat mungkin.

Perkara utama yang perlu diberi perhatian wajar ialah jika orang tahanan ini mengambil masa yang lama untuk dibawa ke hadapan Lembaga Pencegahan Jenayah, ia memungkinkan berlaku perkara yang tidak diingini seperti kehilangan bahan bukti dan juga penjenayah mungkin dapat melarikan diri dari tahanan.

■1800

Kebebasan Lembaga Siasatan Jenayah suatu yang positif. Berhubung dengan pindaan rang undang-undang ini ialah Lembaga Siasatan Jenayah dapat bertindak bebas dan tidak dipengaruhi atau bertindak *bias* dengan mana-mana pihak yang berkepentingan, sama ada dari pihak kerajaan mahupun badan-badan lain. Kuasa Menteri yang ada sebelum pindaan rang undang-undang ini telah dimansuhkan. Namun begitu fasal 8, menyatakan ketiadaan Pegawai Undang-undang untuk menasihati Lembaga Pencegahan Jenayah apabila permohonan bagi kajian semula dibuat di bawah seksyen 11, Akta 297.

Ketiadaan Pegawai Undang-undang boleh dilihat sebagai satu kekurangan dalam proses memperolehi keputusan perundangan yang betul dan adil. Hak orang tahanan untuk menyoal pegawai penyiasat, satu perkara yang menjadi perdebatan panas di kalangan ahli perundangan ialah berhubung pindaan yang hendak dibuat terhadap seksyen 10, Akta 297 untuk meniadakan hasil siasatan oleh pegawai inkuiri kepada orang yang ditahan.

Pindaan ini adalah bertentangan sama sekali dengan hak orang ditahan untuk membela diri. Walaupun laporan pegawai inkuiri dimajukan terus kepada Lembaga Pencegahan Jenayah yang bertujuan untuk menjimatkan masa dan mengurangkan kos pengurusan jenayah, tetapi pengecualian untuk tidak membolehkan orang yang ditahan mengetahui keputusan hasil siasatan pegawai inkuiri bercanggah dengan hak asasi kemanusiaan. Ini juga bermaksud, orang yang ditahan tidak boleh menggunakan khidmat peguam untuk membela diri.

Lembaga Pencegahan Jenayah akan membuat keputusan di atas laporan pegawai inkuiri berdasarkan pegawai inkuiri tanpa mendengar keterangan orang yang didakwa dan saksi-saksi, menampakkan kelemahan dalam proses perundangan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah.

Peranti pengawasan elektrik (EMD), penetapan supaya orang tahanan dipakai peranti pengawasan elektrik memberi kelebihan kepada mereka bergaul dengan masyarakat dan ahli keluarga. Namun begitu, penekanan hendaklah diberi kepada orang tahanan supaya mereka memahami implikasi undang-undang jika mereka meloloskan diri dari peranti pengawasan itu atau merosakkan alat peranti tersebut. Oleh itu Lembaga Pencegahan Jenayah dan pihak berkuasa yang terbabit hendaklah mengadakan program pendidikan kepada orang tahanan untuk menghindarkan mereka meloloskan diri atau merosakkan peranti pengawasan elektrik.

Dalam pindaan rang undang-undang ini juga menyebut bahawa, orang tahanan yang bersalah merosakkan atau menghilangkan peranti, boleh dihukum penjara atau didenda. Persoalannya ialah jika hukuman denda dikenakan bagi mereka tidak berkemampuan adakah mereka ini akan di penjara? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Tan Sri Nalla tengok saya? Kerap kali saya bercakap asyik tengok saya sahaja?

Seorang Ahli: Dia geram...

Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Apa pun saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia hari ini untuk mengucapkan selamat berpisah antara kami dengan Yang Berhormat Tan Sri Nalla.

Sesungguhnya Yang Berhormat Tan Sri Nalla sepanjang berada di dalam Dewan negara ini, saya masuk dulu beliau sudah ada, ianya amat mencerikan kita.

Saya juga mengambil kesempatan untuk memohon ampun dan maaf, selama ini saya sememangnya dengan rakan-rakan suka mengganggu, buka apa, kita hanya hendak mencerikan Dewan. Yang Berhormat Tan Sri Nalla kadang-kadang tunggang terbalik- 'A' jadi 'B', 'B' jadi 'A', kita faham, cuma itu adalah senda loka daripada kita.

Saya rasa Yang Berhormat 'Datuk' Sri Nallakaruppan selepas ini mungkin kita boleh jumpa di mana-mana- "Tan Sri"! *Sorry*, minta maaf. Besar semenggah dia ini, kadang-kadang itu. Orang sebut "Dato' Sri", dia kata, "Tan Sri." Ya lah betullah- Agong bagi "Tan Sri", saya faham Yang Berhormat Tan Sri Nalla, Presiden Parti, walaupun tidak berapa ramai orang yang jadi ahli... [*Dewan ketawa*]

Walaupun Dato' Sri, ramai orang hendak jadi Presiden, semua orang hendak jadi Presiden, dia- termasuk dia pun hendak jadi Presiden. Hari ini dia jadi Presiden, Presiden mungkin tidak tahulah berapa orang ahli, kita pun tidak tahu lah. Akan tetapi, yang pentingnya dia Presiden. Saya mohon maaf Yang Berhormat Tan Sri Nalla.

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Jadi, rasa muhibah yang kita lahir itu ya Yang Berhormat Tan Sri Nallakaruppan, rasa muhibah sahabat kita itu, saling mengerti dan kasih sayang, satu sama lain.

Saya minta pula kita beri Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif.

6.06 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya tidak akan mengambil masa yang lama dan tidak akan banyak berceloteh kerana masa yang agak pendek kerana program malam ini pun ada. Jadi saya cuba hendak menambahkan ataupun hendak menyokong akta ataupun Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat semua sedia maklum, Akta Pencegahan Jenayah 159 ini merupakan satu undang-undang yang telah digubal di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang merupakan undang-undang berbentuk pencegahan jenayah. Penggubalan akta ini bertujuan mengadakan peruntukan bagi mencegah jenayah yang lebih efektif dan bagi menangani isu jenayah berat dan jenayah yang terancang seperti kongsi gelap, keganasan, sindiket judi yang tidak berlesen, pemerdagangan manusia dan penyeludupan imigran.

Apa yang saya ingin mengulas sedikit, soal perjudian yang hari ini kita tahu kawasan saya terutamanya, terlalu banyak dulunya sampai ada tindakan daripada STING turun untuk membanteras kerana mereka yang mengusahakan judi haram ini terlalu licik dan sukar untuk diambil tindakan. Kalau rampas mesin-mesin yang ada itu akhirnya tidak ada bukti yang kukuh dan diserahkan semula. Dengan adanya Akta POCA ini, sayalah yang sebenarnya rasa gembiranya kerana ianya dapat dilaksanakan. Kesan tindakan undang-undang tidak dapat dibuat, sebahagiannya perkara yang tak ada dalam tindakan, malah majlis perbandaran, majlis daerah merampas pun barang ini, dia kata tindakan polis tidak selari dengan ini sebab tidak ada bukti yang kukuh.

Jadi bila adanya akta ini, sudah pasti mereka yang berada di bawah, rakyat yang berada di bawah yang selama ini terbeban dengan judi haram di peringkat kampung, getah hilang, sekerap hilang, sawit hilang, moto hilang dan sebagainya kerana mereka ini berjudi.

Jadi bila tangkap penjenayah judi ini, akhirnya penjenayah judi ini terlepas, tidak ada akta ataupun rang undang-undang yang membolehkan mereka ini ditahan, dibicarakan atau tanpa bicara, kerana mereka ini *realnya* memang buat *business* yang itu. Inilah bila Akta ISA dihapuskan, Akta POCA ini dapat menyelamatkan mereka-mereka yang selalunya berada di peringkat ibu ayah dan sebagainya, pelajar dan sebagainya dapat diselamatkan. Generasi itu dapat diselamatkan daripada terlibat dengan perkara-perkara yang buruk.

Begitu juga dengan pemerdagangan manusia, kita tidak dapat tangkap agen dan sebagainya kerana tidak ada bukti yang kukuh dan sebagainya, tidak boleh dibicarakan. Dengan adanya POCA ini, negara kita ini dapat mencegah pemerdagangan manusia dan sebagainya. Kalau kita lihat kesalahan yang boleh diambil tindakan ini akta seperti yang disebutkan tadi, memang undang-undang yang ini amat berguna memastikan keselamatan, ketenteraman awam, juga terus terpelihara. Dengan adanya undang-undang pencegahan ini, usaha kerajaan membanteras jenayah keras, terancang, menjadi lebih berkesan kerana pihak polis dapat mengambil tindakan yang cukup efektif dan juga tindakan pencegahan.

Jika adanya tindakan ini, atau rang undang-undang ini telah dipinda, maka polis juga memainkan peranan yang penting kerana kadang-kadang ada kalanya pihak polis pun tidak ada kuasa untuk menahan mereka dan membiarkan dia terlepas begitu sahaja.

■1810

Dari segi pencapaian Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri sendiri sebentar tadi telah memaklumkan bahawa sejak pindaan kepada akta ini dikuatkuasakan 1 April 2014 sehingga 15 Julai 2017 seramai 3,473 orang telah pun ditangkap dengan 577 orang daripadanya dibebaskan.

Ini bersamaan dengan 17 peratus. Tengok, dia boleh lepas dalam keadaan yang begitu. Betul, keadaan dia ditangkap, dia menjalankan perdagangan manusia, dia buat perjudian, dia buat berbagai saja tetapi tidak ada- kita tidak boleh pegang mereka ini kerana undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk kita menahan mereka. Peratusan yang dibebaskan ini amat tinggi. Jadi mereka ini sesuka hati berada dalam aktiviti jenayah yang mereka buat.

Malah penahanan tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan kerana akta ini digubal punca kuasa Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Sejak kebelakangan ini sering kita dengar kelibat banyak ketua-ketua kongsi gelap yang telah pun ditangkap oleh pihak polis dan akhirnya kita tidak mempunyai cukup bukti dan kita melepaskan mereka dan bila melepaskan, mereka ini menggunakan aktiviti balik. Tidak takut kerana undang-undang yang sedia ada ini tidak boleh. Jadi kalau boleh tangkap ini, tangkap betul-betul kerana untuk kita mencegah perkara ini tindakan tegas perlu dibuat. Akta yang ada perlu kita pinda. Bila kita pinda akta ini maka keadaan rakyat pun merasa bahawa kepercayaan kepada polis.

Kadang-kadang rakyat pun tidak percaya pada polis. Tangkap lepas, tangkap lepas. Jadi hari ini kita tangkap, walaupun ianya berbentuk tahanan tetapi akhirnya kita akan dapat juga dia punya bukti dan sebagainya, kita dakwa di mahkamah. Jadi saya dengan itu menyokonglah Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif ya dan saya minta Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan.

6.12 ptg.

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk peluang untuk turut mengambil bahagian dalam perbincangan satu rang undang-undang untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah tahun 1959, *principle act* di mana kalau kita tengok semasa dia, semasa pembentangan sebanyak 16 fasal, kebanyakan telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya cuma akan menyentuh satu atau dua fasal saja. Yang pertama, fasal 3 yang bertujuan untuk *delete* atau memotongkan seksyen 6, Akta Ibu, fasal 3, dan juga fasal 9 yang bertujuan untuk *delete* seksyen 11, Akta Ibu. Pertama sekali mengenai cadangan atau pindaan melalui fasal 3 yang dicadangkan untuk *delete* seksyen 6 yang sedia ada.

Pada saya *deleting* seksyen 6 ini mempunyai implikasi yang begitu luas dan begitu negatif. Kalau kita tengok seksyen 6 yang ada sekarang secara khusus, secara khusus seksyen 6 mewajibkan walaupun tempoh masa tidak ditetapkan tetapi dia mensyaratkan supaya orang yang ditahan itu kena dibawa ke hadapan pegawai penyiasat dari segi masa dalam satu tempoh masa yang secepat mungkin, *if not soon release*. Akan tetapi disyaratkan *must be blocked before inquiry officer*.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini orang yang ditahan itu akan hilang *opportunity to be present in person* fasal kalau kita tengok fasal 3 ini dia *delete* seksyen 6 dan ada fasal 2 itu dia masuk satu seksyen baru 4A. Walaupun 4A masih memerlukan *submission* atau satu *report* kepada Lembaga. Saya tidak soal *submission of report*, Lembaga masih akan dapat *submission of report*.

Cuma kalau kita *delete* seksyen 6 ini, orang yang ditahan ini akan hilang *opportunity* untuk memberi *version* dia. Kalau sekarang ini kalau kita tengok *inquiry officer still have to give a report* atau kena *present* dia punya *version* dan orang yang ditahan pun bila di bawa hadapan Lembaga dan sebagainya ataupun depan *first step in front of the* pegawai penyiasat itu, dia akan dapat *opportunity to present his case*. *My point is*, apa yang saya *argue* ialah *the issue of the right to be heard and* penafian peluang. Ini penting kalau kita tengok dari segi *impartiality*.

Kalau kita balik kepada Akta Ibu seksyen 8, kalau kita tengok seksyen 8 Akta Ibu itu secara khusus dia *specify inquiry officer* itu tidak boleh menjadi *police officer*. Dia *specifically stated* tidak boleh menjadi *police officer*, fasal dia memberi keutamaan kepada *impartiality*. Dia bukan saja hendak- *impartiality* bukan saja ada peruntukan, *it must be seen to be impartial*. *So that is why* Akta Ibu itu dia secara khusus melalui seksyen 8 mensyaratkan bahawa pegawai penyiasat itu tidak boleh jadi *police officer* kalau kita tengok.

Dengan pindaan ini kalau kita tengok, sekarang hanya *police officer* sahaja yang dibenarkan memberi versi dia kepada *inquiry officer*. *There is no right to be heard* atau *version*. Isu saya ini ialah isu *the right to be heard*. Sedikit mengenai *the right to be heard*. Dia *contravene principles of natural justice* kalau kita tengok dan pada saya *the principles of natural justice* ini kalau yang masih ingat *a judgement by Lord Denning*, dia cakap *principles of nature justice* itu *is a humanizing principle* dan Lord Denning itu dia bukan saja cakap *it is a humanizing principle*, dia juga cakap *the principles of natural justice is a principle designed to invest law with fairness*. Itu dia punya pendirian.

Kalau kita tengok *argument on the right to be heard*, kalau kita tengok *principles of natural justice* ini, dia ada dua *constituents*. Yang satu itu *the rule against bias*, walaupun dia pakai *Roman maxim* dan sebagainya. *The rule against bias*, tetapi yang saya hendak fokus sekarang ialah *the second constituent* iaitu *the right to be heard* atau dalam *Roman's maxim*, "*audi alteram partem*", *that means "hear the other side."*

Dengan kehilangan atau penafian peluang kepada orang yang ditahan itu untuk *be present* depan pegawai *inquiry* itu, dia akan hilang *this opportunity- right to be heard*, and ini saya hendak *quote* lagi sedikit kenapa ini penting. *I remember reading many years ago what Lord Denning said. He said, "If the right to be heard is to be a real right which is worth anything, it must carry with it the right for the accused person to know the case which is made up against it"*. Itu satu. Akan tetapi *more important than that is that not only he must know the case that's made out about him, Lord Denning also said, "He must be given a fair opportunity to correct or to contradict the case that's made out against him"*.

So, dalam keadaan di mana kita tengok *section 6 is deleted*, diganti dengan *section 4A*, kita dapat satu *situation* di mana pegawai polis *present the case against* orang yang ditahan itu tetapi orang yang tahan itu, *he won't be given an opportunity to contradict evidence* yang ditimbulkan. Dalam kes ini satu lagi seksyen yang penting ialah pindaan kepada seksyen 10. Kalau kita tengok pindaan kepada seksyen 10(1), 10(2) dan juga *deletion of 10(3)* dengan 10(4).

Kalau kita tengok *amendment* itu 10(1), 10(2), *deletion of 10(3)*, 10(4), orang yang ditahan itu *won't even know what are the charges that is made out against him* kalau kita tengok sekarang. *Because* kalau kita tengok macam I cakap tadi, fasal dengan *deletion of 10(3)*, 10(4), *amendment* itu 10(1) dengan 10 (2), laporan yang di *submit* kepada *inquiry officer* itu tidak akan diberi kepada orang yang ditahan.

■1820

So, kita sampai satu keadaan di mana *the right, the person* yang kena tahan itu *he won't even know the first requirement, he must know the case made out against him, he won't know that* dan keperluan untuk bagi dia peluang untuk *contradict* atau *to challenge the evidence against him*, itu pun tidak ada. Saya pilih *this quotation* dari Lord Denning, *not because of Lord Denning per say* tetapi Lord Denning sebenarnya *made this quotation in a Malaysian case* melibatkan *PDRM in Surinder Singh Kanda versus Government of Malaysia 1962* punya kes. Itu satu. So, pada saya, saya sudah baca dan sudah dengar penjelasan atau *explanation* yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan tadi dan saya juga telah membaca huraian-huraian yang ada dalam rang undang-undang ini.

Sebenarnya apabila saya baca, saya tidak nampak objektif kenapa seksyen 6 ini perlu dikeluarkan? So, saya harap semasa jawapan itu saya boleh dapat satu penjelasan dari Yang Berhormat Menteri kenapa seksyen 6 di-*delete*-kan dari segi *justification*. Pada saya, *I'm not making an accusation* tetapi kalau *explanation* tidak diberi atau *justification* tidak diberi, *then* anggapan ialah *the government has got something to hide*. Itu seksyen 6.

Saya hendak sentuh sedikit mengenai seksyen 11 yang mana *section 11* juga di-*delete* dan digantikan dengan satu seksyen baru 10A ini. Kalau kita tengok seksyen 11 ini, *section 11* ini *is the right of appeal*. *That mean* kalau orang yang ditahan itu tidak puas hati dengan keputusan *inquiry officer*, keputusan yang dibuat oleh *inquiry officer*, dia boleh membuat satu rayuan kepada lembaga. *That mean* kalau *first* dia tidak diberi peluang untuk hadir, sekarang dia juga dinafikan peluang untuk *appeal*. Kalau kita tengok seksyen 11 yang sedia ada, dia ada hak untuk *appeal* sama ada *appeal* itu diluluskan atau tidak diluluskan itu lain ceritalah.

Akan tetapi *he has got the right to appeal*. Akan tetapi sekarang dengan *delusion of section 11* di mana seksyen 11 ini digantikan dengan *section 10A* baru itu, dia juga dinafikan hak *appeal*. Walaupun saya akui hak atau kuasa lembaga untuk kaji semula keputusan atau cadangan *inquiry officer* itu masih ada. Dari segi kuasa lembaga masih ada.

Saya cakap ini sekarang, Lembaga kena buat *consideration without any form of representation*. Dari segi pengetahuan awam, kita tahu *no board* akan membuat *reevaluation* atau satu ini kalau tidak ada *representation*, kecuali kalau nampak sangat *gross injustice*. Kalau tidak ada, *no board will review the decision. This is my view*.

So, di sini pun saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan kenapa perlu keluarkan seksyen 11. *To me, as it is I don't see a problem* dengan seksyen 11 yang ada sekarang *because* seksyen 11 cuma *right of appeal*. Satu *right of appeal* itu *must be given* kalau kita *believe in the fairness of law*, satu *right of appeal* itu *must be given*. Kalau tidak, kalau *right of appeal* itu tidak ada, sekarang *you* tengok. *Right to appeal before hearing* tidak ada, *right to present my case* tidak ada, *right to rebut evidence* tidak ada *and* akhir sekali *right to appeal* pun tidak ada. Maka timbullah tuduhan *that this law is a draconian law*. Bukan sahaja *I mean impartial, I'm going to the extreme, it is not only impartial law* tetapi *is a draconian law* pada saya. Kalau benar-benar *this law is the draconian law, I think we are going back to a state* apa yang *I* boleh panggil *dejavu ISA times*-lah. Itu satu.

Sedikit saya hendak komen berkenaan dengan POCA. Sebenarnya saya secara peribadi tidak *oppose* POCA. Saya tidak *oppose* POCA. *I think is needed* kalau kita tengok sekarang dari segi *increase in terrorism, human trafficking* dan sebagainya. Saya akui *that there are some of the other laws* mungkin tidak cukup untuk kita *handle* isu-isu sedemikian di mana kita tahu tetapi dari segi *evidence* itu tidak cukup kuat untuk bawa ke *open court*.

So, saya tidak menentang POCA tetapi pada *the same time*, kita *have to make sure that we are seen to be fair to people*. So, apa yang saya tentang saya mengalukan akta ini cuma saya tidak boleh terima kalau *the right to be heard, the right to argue my case and the right to appeal is denied*. Itu sahaja pendirian saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra. Saya jemput pula sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff.

6.26 ptg.

Tuan Ramli bin Shariff: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan kepada Akta 297. Dari segi keseluruhan, yang saya nampak ialah cadangan pembentangan pindaan ini, ia menggariskan beberapa kaedah ataupun pun tidak tahu cara pemantauan di dalam pemakaian peranti pengawasan elektronik.

Tuan Yang di-Pertua, sistem peranti pengawasan elektronik ataupun EMD ini telah teruji keberkesannya dan telah diguna pakai di banyak negara seperti England yang telah menggunakan EMD ini hampir 20 tahun untuk mengawal kadar jenayah. Saya juga dalam perbahasan saya, saya ingin juga menyentuh perkara-perkara yang tadi dikemukakan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra iaitu perkara ataupun persoalan dari segi, adakah pindaan ataupun Akta 297 ini sendiri membuat sebarang pelanggaran tentang hak asasi manusia ataupun *natural justice*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

So, sebelum daripada itu, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri kerana sentiasa berpandangan ke hadapan dengan meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 ini untuk ditambah baik dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan zaman dan teknologi. Di samping itu, agensi yang bertanggungjawab dalam pencegahan jenayah ini iaitu pihak polis dan pindaan ini berkaitan kepada Lembaga Pencegahan Jenayah dan saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada mereka ini yang telah bekerja keras dalam memastikan mereka atau seseorang yang melakukan jenayah mendapat hukuman yang sewajarnya atas kesalahan mereka.

Apabila kita sebut sahaja undang-undang pencegahan, sudah pastilah ramai rakan kita yang kurang senang dengan pemakaian undang-undang sebegini. Tadi ada juga yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra kerana rang undang-undang pencegahan itu seolah-olah undang-undang drakonian, tidak bertamadun iaitu menahan seseorang itu tanpa dibicarakan, melanggar hak asasi manusia dan pelbagai lagilah tuduhan yang kita sering dengar.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu juga sedar keadaan hak-hak ataupun hak-hak orang yang ditahan daripada mula dia ditangkap hinggalah tamat tempoh tahanan atau telah dinyatakan secara jelas di dalam undang-undang ini. Jika dilihat hak-hak kebebasan asasi orang yang kena tangkap, hak tersebut tidak dinafikan berikutan alasan penangkapan akan dimaklumkan kepada orang yang ditangkap tersebut.

■1830

Pada masa yang sama pihak polis akan memaklumkan kepada waris kadim berkenaan tangkapan tersebut dan keberadaan orang tangkapan tersebut berada. Ini jelas *the whereabouts*, dengan izin, akan diketahui oleh waris orang yang ditahan itu. Tuan Yang di-Pertua, kebebasan juga diberi kepada orang yang ditangkap untuk mendapat khidmat peguam pilihannya. Oleh itu, orang yang ditangkap boleh mendapat pembelaan yang sewajarnya kerana kita masih mengamalkan sistem keadilan yang setiap masa boleh dicabar di mahkamah.

Selepas permohonan reman diperoleh pihak mahkamah, satu proses Inkuiri akan dijalankan oleh pegawai inkuiri sebagai satu proses *check and balance*, dengan izin, bagi mendapat keterangan daripada orang-orang yang ditangkap tersebut dan juga saksi-saksi bebas. Di dalam inkuiri ini juga orang yang ditangkap tersebut boleh diwakili semasa proses inkuiri dan ini memastikan hak orang yang ditangkap diberi keutamaan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan seadil-adilnya.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: Boleh? Penjelasan sedikit sahaja.

Saya hendak tahu pendapat Yang Berhormat kalau kita tengok sekarang akta yang sedia ada, dari segi maklumat kepada saudara dan sebagainya. Dari segi peruntukan undang-undang, saya setuju walaupun kalau tidak ada peruntukan secara spesifik pun sekurang-kurangnya dia boleh *file writ of habeas corpus* dan sebagainya. Akan tetapi saya hendak bawa perhatian Yang Berhormat kepada seksyen 3 akta ini. Kalau kita tengok seksyen 3 Akta Ibu ini, dia membenarkan *a police officer to arrest without warrant*, dia membenarkan. Pada saya *I got no problem with that*. Fasal kadang-kadang bukan praktikal untuk *apply for warrant* dalam semua keadaan. *I am aware of it*. Dari segi *requirement* untuk memberi maklumat kepada keluarga *or the next of kin*.

Pada pengetahuan saya, *I may be wrong and if I am wrong, I wish to be corrected*. Tidak ada peruntukan secara khusus di mana pegawai polis itu perlu memberi tahu *the next of kin*. Pada pengetahuan saya, yang ada kalau tidak salah dalam seksyen 4 Akta Ibu tu, dia cuma ada peruntukan kena bawa depan majistret dalam tempoh 24 jam *and then* lepas tu ada *detention of 21 days* dan sebagainya. So, pada saya, *argument* ini saya terima secara hakikat.

Akan tetapi saya cuma hendak tahu pendapat Yang Berhormat, ketiadaan keperluan untuk memberi tahu *the next of kin*. Sebelum Yang Berhormat jawab, fasal dalam banyak keadaan saya juga dapat- *I* masih ingat kes *habeas corpus* Vishnu Moorthy itu. Dalam itu salah satu tuduhan tahun ini, salah satu tuduhan *family* ialah *we didn't know what has happened* kepada- *I can't remember. I think the wife said* kepada *husband* atau sebagainya. So, pendapat berkenaan dengan ketiadaan keperluan itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila.

Tuan Ramli bin Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya respons kepada *express provisions*, dengan izin, dan memang juga tidak terdapat dalam POCA ini. Akan tetapi sepertimana yang saya sebut tadi ialah proses ataupun ini saya bercakap dari segi dasar pada tajuk soal *natural justice*. Secara umumnya orang yang kena tuduh ataupun yang kena tangkap semestinyalah akan dimaklumkan. Akan tetapi *express provisions* ini saya harap kementerian dapat menjawab persoalan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah.

Okey, tadi saya terhenti kepada soal pegawai inkuiri ya. Pegawai inkuiri yang menjalankan inkuiri ke atas orang yang ditangkap tersebut akan membuat satu laporan untuk dihantar kepada Lembaga Pencegahan Jenayah untuk membolehkan Lembaga membuat keputusan sewajarnya ke atas orang yang ditangkap tersebut. Lembaga Pencegahan Jenayah yang terdiri daripada orang-orang yang berpengalaman dan dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan meneliti, yakni Lembaga ini akan meneliti laporan yang disediakan oleh pegawai inkuiri dan laporan siasatan pegawai polis dan seterusnya membuat keputusan terhadap orang yang ditangkap tersebut. Itulah cadangan pindaan yang ada di hadapan kita hari ini.

Jika satu perintah tahanan selama dua tahun dikeluarkan terhadap orang yang ditangkap ataupun orang tahanan ini, orang tahanan tersebut boleh membuat satu *representation*, dengan izin, kepada Lembaga Penasihat yang ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri di bawah perkara 151 Perlembagaan Persekutuan. Lembaga Penasihat ini akan mendengar representasi orang tahanan tersebut yang mana orang tahanan tersebut juga boleh diwakili oleh peguam mereka. Mereka juga boleh memanggil saksi-saksi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesemua perkara-perkara yang saya sebutkan tadi menunjukkan betapa pentingnya hak-hak asasi orang tahanan dijaga dan dipastikan bagi menentukan sebarang keputusan yang disyorkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memperkenankan perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pencegahan Jenayah adalah betul dan wajar.

Proses-proses ini jelas menggambarkan keputusan untuk menahan seorang di bawah Undang-undang Pencegahan dibuat bukan secara sewenang-wenangnya. Ia dibuat melalui satu proses yang teliti dan terperinci. Orang tahanan jika masih tidak puas hati dengan perintah tahanan tersebut seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah tadi, boleh melalui proses-proses ini membuat permohonan *writ of habeas corpus*, dengan izin, di Mahkamah Tinggi.

Oleh itu kita tidak perlulah gusar dan gundah gulana dengan kewujudan undang-undang ini kerana hak asasi yang ditahan terpelihara di samping keamanan dan ketenteraman rakyat dapat dikekalkan. Kerajaan masih, saya rasa masih memegang *fundamental liberties* ini, dengan izin, di dalam memastikan keselamatan negara terus menjadi tunjang utama walaupun undang-undang ini dibuat di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya yang disebut tadi disebut oleh sahabat saya tadi Lord Denning, "*audi alteram partem*" ini dan memang itu suatu *maxim* undang-undang yang masih kerajaan kita masih pegang dan saja proses keadilan itu berlaku dengan *maxim* ini. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali saya dengan sepenuh hati menyokong Rang Undang-undang Pencegahan Jenayah (Pindaan) 2017 ini demi menjamin keselamatan negara terus terpelihara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya nak bagi satu orang lagi untuk membahaskan. Tolong ringkas dan padat ya. Dipersilakan Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S. M. Omar.

6.38 ptg.

Dr. Ariffin bin S. M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Pencegahan Jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sokong sebarang usaha untuk mencegah jenayah. Di sini kita tidak berdiri atas platform politik. Kes-kes jenayah itu harus kita tangani. Akan tetapi yang penting di sini dalam usaha hendak menangani jenayah, adakah hak-hak asasi orang yang ditahan itu dipelihara atau diabaikan sama sekali. Jika kita rujuk kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini sudah pastilah bahawa apa yang dicadangkan adalah perubahan yang bagi saya boleh dianggap *extreme*, dengan izin.

Misalnya pemotongan seksyen 6 dalam akta ini dan juga pindaan seksyen 9(1), ini bermakna tidak perlu sesiapa yang ditahan ini tidak payah dibawa ke depan pegawai siasatan. *It can be detained, just like that*, dengan izin.

■1840

Adakah kita sedar apa yang telah dikeluarkan? Yang dikeluarkan bunyinya begini dalam bahasa Inggeris... [*Membaca petikan*]

"The person in custody to be brought before the Inquiry Officer.

Every person remanded in custody under section 4 shall, if not sooner released, as soon as possible be brought before an Inquiry Officer".

Dengan pemotongan seksyen 6 ini, saya fikir hak seseorang yang ditahan itu tidak dapat dijamin. Dulu di bawah syarat ini, *the old ordinance*, kena bawa di depan pegawai yang buat siasatan. Sekarang tidak payah.

Yang membimbangkan lagi ialah seksyen 10(3), dan 10(4)- ini pun telah digugurkan. Sebelum ini digugurkan, laporan pegawai siasatan mestilah dipanjangkan kepada orang yang kena tahan. *You must at least know why you have been detained.* Di samping itu, satu laporan juga dihantar kepada Lembaga. Dengan pindaan yang dicadangkan, orang yang ditahan tidak diberitahu atas apa caj dia ditahan ataupun tuduhan apa yang dia ditahan. Ini tidak munasabah.

Seolah-olah ini mirip satu novel yang saya pernah baca semasa di universiti, novel yang ditulis oleh Franz Kafka yang berjudul "*The Trial*", di mana orang yang ditahan itu tidak tahu atas sebab apa dia ditahan. Semasa dia dibawa kes untuk bicara, yang itu pun tuduhan dia tidak tahu kenapa. Ini bagi saya satu *classic example where life imitates art*, dengan izin. Bahayalah kalau negara ini pergi ke arah macam itu.

Pindaan yang dicadangkan akan menimbulkan satu keadaan di mana seseorang yang ditahan tidak ada ruang untuk membela diri. Di samping itu, sebarang laporan siasatan yang dibuat akan dihantar ke Lembaga, dan yang ganjil itu, Lembaga pun tidak perlu jumpa dengan orang yang ditahan. Bermakna, *the Board is only dealing with reports* dan orang itu tidak diberi peluang untuk menyampaikan *his side of the story*.

Bagi saya, ini suatu sistem yang tidak adil. Sistem seperti ini sama seperti apa yang didapati di negara *Germany* semasa pemerintahan *the National Socialist Party* dan juga hampir sama dengan apa yang didapati pada bekas *Soviet Union* di mana orang yang ditahan selepas siasatan pegawai KGB tanpa diberi hak untuk membela diri dan terus- kalau kita rujuk kepada tulisan Aleksandr Solzhenitsyn yang pernah ditahan dan dihantar kepada *the Gulag Archipelago*, orang pun tidak tahu apa yang jadi kepada dia.

Satu isu yang amat penting ialah setelah orang yang ditahan, saya hairan, apa sebabnya tidak ada satu kewajipan untuk memberitahu kepada keluarga dia yang dia ditahan? Satu soalan yang saya kemukakan kepada Dewan ini, soalan tentang berapa ramai orang yang ditahan di bawah SOSMA dan adakah keluarga mereka dimaklumkan. Jawapan yang saya dapat ialah jumlah yang ditahan itu seramai 1,048 orang tapi bahagian yang kedua- adakah keluarga mereka dimaklumkan? Tidak ada jawab langsung. Bagi saya, ini satu keadaan yang membimbangkanlah.

Tuan Yang di-Pertua, saya benar-benar percaya negara ini yang kita cintai bukan macam *Nazi Germany* ataupun *the Soviet Union*. Kita mengamalkan demokrasi berparlimen di mana hak-hak setiap warganegara Malaysia dijamin dalam Perlembagaan Malaysia. Kebebasan individu memang terjamin dan jika mana-mana warganegara ini ditahan, sudah pastilah dia harus diberi hak untuk membela dirinya dan saya berharap bahawa prinsip ini akan dipegang oleh kerajaan semasa syarat-syarat baru ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ariffin. Ada lagi? Ada tidak kita punya Yang Berhormat Dato' Fahariyah, ada? Sila. Tolong ringkas ya.

6.45 ptg.

Dato' Hajah Fahariyah binti Haji Md Nordin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi izin untuk saya membahaskan tentang rang undang-undang untuk meminda Akta Pencegahan Jenayah 1959 yang mana kita tahu undang-undang ini sudah berusia hampir 58 tahun di mana ia telah digubal dua tahun selepas daripada kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk bercakap panjang kerana banyak perkara-perkara telah disentuh oleh rakan-rakan Senator yang lain. Cuma, saya nak menyentuh tentang pindaan pada fasal 10 dan fasal 14 yang mana dalam pindaan ini memberi kuasa yang luas kepada Lembaga. Maknanya dalam pindaan ini, saya ingin nak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang penjelasan adakah garis panduan dan peraturan serta mekanisme pemantauan kuasa yang perlu diwujudkan bagi pindaan ini? Adakah diharapkan pindaan Akta Pencegahan Jenayah ini akan dapat membantu dalam usaha-usaha pencegahan jenayah yang telah juga dilebarkan kepada jenayah elektronik. Kita berharap supaya segala usaha kita, kita juga perlu prihatin agar orang yang tidak bersalah tidak teraniaya kerana undang-undang yang sedia ada.

Berkenaan dengan pindaan pada fasal 5, saya juga mohon penjelasan mengapa anggota Lembaga boleh dilantik semula bagi apa-apa tempoh? Walhal, sebelum ini hanya boleh dilantik semula sekali bagi tempoh tiga tahun lagi. Saya mohon rasional kenapa pindaan ini dibuat? Adakah dengan pindaan ini, tugas pencegahan jenayah akan lebih efisien? Juga, apakah kriteria pelantikan anggota Lembaga ini?

Berkenaan dengan fasal 8 juga yang mana turut memberi lebih kuasa kepada Lembaga untuk mempertimbangkan dan memutuskan semua dapatan daripada pegawai *inquiry* tanpa nasihat pegawai undang-undang, ini saya kira adalah satu kuasa yang sangat luas. Saya juga mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang pindaan ini dan mencadangkan supaya satu peraturan juga ataupun garis panduan dapat dibuat supaya kuasa Lembaga ini dapat diwujudkan satu garis panduan bagi tujuan pemantauan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Fahariyah. Sekarang giliran Yang Berhormat Haji Abdullah. Ada tidak? Tidak ada. Jadi, sekianlah dahulu perbincangan oleh Ahli-ahli kita dan sekarang ini saya minta pula Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.47 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Dewan yang telah memberikan pandangan dalam perbincangan yang telah dilaksanakan tadi dan saya ingin menjawab beberapa soalan umum yang telah dilemparkan dalam perbincangan tadi.

Pertama sekali adalah dakwaan bahawa Akta POCA ini lebih zalim dan *draconian* daripada ISA dulu. Soalnya sekarang ini dalam penggunaan POCA ini, hak orang yang disiasat itu memang terjamin. Itu lebih baik daripada zaman ISA dulu. Isu kedua yang saya nak sentuh adalah mengenai hak asasi orang yang kena siasat. Itu pun sama juga, lebih terjamin daripada masa ISA dulu. *Rights to be heard* pun ada dalam Akta POCA ini berbanding dengan ISA dulu. Selepas itu, saya akan terangkan mengenai dari segi prosedur bagaimana akta ini dilaksanakan sebelum pindaan dan selepas pindaan.

Jadi saya nak pergi dulu pada ISA ya. Kenapa Akta POCA ini dilaksanakan dan Akta ISA dimansuhkan? Kalau ikut prosedur ISA ya- ini pun sebenarnya saya tidak patut nak mengulang balik kerana Akta POCA ini telah dipinda tiga kali termasuk kali ini. Akan tetapi saya rasa ada sedikit kurang kefahaman mengenai perbezaan antara Akta POCA ini dengan Akta ISA yang kita gunakan dulu dan dari segi konon-kononnya zalimnya Akta POCA ini.

Akta ISA ini dulu, Menteri berkuasa sepenuhnya. Menteri yang tidak faham undang-undang pun, dia jadi orang yang menentukan nasib orang yang kena siasat. Dengan satu sains Menteri saja, orang itu boleh ditahan 60 hari. Maknanya Menteri boleh mengeluarkan perintah tahanan itu sendiri.

■ 1850

Kedua, tidak ada prosedur *inquiry*. Maknanya orang itu kena tahan 60 hari terus, berbeza dengan POCA sekarang ini di mana permohonan reman dibuat dua kali. Maknanya pada 21 hari orang yang kena siasat itu boleh mohon untuk- pihak berkuasa kena mohon untuk orang ditahan reman pada 21 hari dan juga pada 38 hari. Selepas itu, siasatan ISA ini memang polis sahaja, tidak ada *check and balance* daripada pegawai *inquiry* seperti yang ada dalam Akta POCA sekarang ini. Kenapa saya katakan begitu? Maknanya sekarang ini Lembaga POCA itu diisi oleh pengamal-pengamal undang-undang yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman.

Jadi, mereka ini memang lebih mahir untuk menentukan sama ada orang yang kena tahan itu adalah orang yang bersalah atau tidak. Mereka ini lebih mahir untuk meneliti laporan yang dibuat oleh *case file officer*, ini pegawai polis dan juga laporan yang dibuat oleh *inquiry officer*. *Inquiry officer* ini adalah pegawai Lembaga POCA yang ditugaskan untuk memeriksa laporan yang dikeluarkan oleh *case file officer*.

Jadi, dari segi *check and balance* ini pun lebih baik daripada masa zaman ISA dulu di mana hanya Menteri sahaja yang mengeluarkan tahanan berdasarkan kepada *recommendation* daripada pihak polis tanpa ada *check and balance*. Jadi tidak betullah saranan, tuduhan yang dikatakan bahawa Akta POCA ini lebih *draconian* daripada ISA ataupun ke arah *draconian* seperti ISA.

Mengenai hak asasi manusia, hak asasi orang yang disiasat ini. Saya hendak terangkan di sini bahawa dalam Akta POCA ini ada beberapa peringkat *check and balance* yang tersemat, yang diletakkan di dalam akta ini. Pertama sekali apabila orang itu ditahan, maknanya pada hari pertama dia ditahan.

Hari kedua, pihak polis kena minta perintah tahanan reman untuk 21 hari di mana di situ orang yang kena siasat itu dibenarkan untuk mengambil peguam untuk membelanya ataupun untuk mewakilinya dalam mahkamah apabila permohonan reman dikeluarkan oleh pihak polis pada hari yang kedua dia ditahan.

Saya hendak maklumkan di sini bahawa kalau orang disiasat itu boleh melantik peguam, takkan keluarga dia tidak tahu. Jadi soal sama ada, ada tak satu peraturan yang jelas bahawa orang yang kena siasat ini diberitahu atau tidak keluarganya, saya rasa itu tidak timbul kerana kalau pada hari kedua dia dah boleh lantik peguam dia, maknanya...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Boleh saya celah?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi saya habis dulu. Ini saya rasa ada kekeliruan yang perlu saya betulkan dulu, lepas itu saya akan jawab. Jadi itu *the first touch, check and balance* yang diberikan hak *right to be heard* ini kepada orang yang kena tahan.

Stage dua, pada hari ketujuh tahanan, *case file officer* maknanya pegawai polis yang membuat siasatan tersebut kena pergi kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan pandangan sama ada kes mereka kuat atau tidak untuk orang yang kena siasat ini diteruskan siasatannya atau diteruskan tahanannya di bawah seksyen 3. Jadi maknanya di situ juga peranan penasihat undang-undang pun ada fasal apabila *case file officer*, pegawai polis yang hendak sambung tahanan tersebut pada hari ketujuh dia kena *submit* pada Pejabat Peguam Negara, maknanya penasihat undang-undang itu dilibatkan dalam proses ini sendiri. Maknanya, sekali lagi ada *check and balance* daripada pegawai undang-undang yang mentadbir undang-undang di negara kita.

Selepas itu pada hari yang ke-22, sekali lagi selepas 21 hari tahanan, hari yang ke-22 sekali lagi pihak polis kena buat permohonan reman untuk sambungan 38 hari sehingga maksimum 60 hari. Ini di bawah seksyen 4 yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Jadi selepas itu kalau, ini dari segi prosedurnya. Selepas itu kalau tidak setuju ataupun lepas Lembaga dah buat keputusan, orang yang kena siasat itu boleh buat *writ of habeas corpus* kepada Mahkamah Tinggi untuk *challenge* dia punya penahanan. Sekiranya penahanan tersebut juga tidak dipersetujui oleh orang yang kena siasat, dia boleh mohon kepada Lembaga Penasihat.

Lembaga Penasihat ini adalah Lembaga yang berlainan dengan Lembaga POCA. Lembaga Penasihat ini adalah terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diuruskan oleh Jabatan Peguam Negara. Tujuannya khusus untuk meneliti mana-mana permohonan daripada orang yang kena siasat yang tidak bersetuju dengan Lembaga POCA supaya mereka dapat diberikan *right to be heard*.

Di sini, ini maknanya lepas 60 hari, di sini akan ada *hearing* yang dibuat oleh Lembaga Penasihat ini yang akan memberikan peluang kepada orang yang kena siasat itu bersama dengan saksinya, bersama dengan peguam bela yang dipilih oleh mereka sendiri untuk memberikan permohonan mereka di depan lembaga penasihat ini dan bukan Lembaga POCA.

Jadi daripada mula ditangkap sampai ke lepas 60 hari pun, ada lagi peluang untuk orang yang kena siasat ini untuk mendengar kes mereka, *right to be heard* ini didengar seterusnya. Kalau tidak setuju dengan lembaga penasihat pun, dia boleh bawa kepada Mahkamah Agung untuk keputusan yang diberikan. Jadi soal hak asasi dengan *right to be heard* itu, saya rasa tergolong dalam jawapan yang saya berikan tadi.

Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak, bagi saya habiskan prosedur dulu ya. Sekarang saya hendak pergi kepada prosedur. Tidak, prosedur dulu. Jadi lepas ini saya akan benarkan ya. Dari segi prosedur ya, *before and after*. Tadi saya dah sebut sampai hari yang ke-22, maknanya lepas hari yang ke-22. Sampai hari yang ke-22, maknanya lepas tahanan 21 hari, ini sambung balik. Selepas hari yang ke-22 itu, permohonan reman akan dibuat pada mahkamah dan sekiranya mahkamah bersetuju, maka orang yang kena siasat itu akan ditahan untuk tempoh 38 hari seterusnya.

Di sinilah bermulanya kerja Lembaga POCA di mana pada hari, kerana prosedur dulu adalah selepas arahan sambungan tahanan 38 hari itu, maka *investigative officer* yang bukan pegawai polis tetapi dia boleh juga, pegawai polis tetapi pegawai polis yang dah bersara yang tidak aktif terlibat dalam kes ini boleh dipilih juga, maknanya orang yang betul-betul memahami mengenai undang-undang. Dia ini akan berjumpa dengan orang yang kena tuduh untuk membuat laporan mengenai kes yang telah dibawa oleh *case file officer* sebelum 21 hari tersebut.

Jadi apabila IO ini pada hari ke-22, ke-23, ke-24 ini selepas kena tahan, dia akan diberikan sampai hari ke-40 untuk mengeluarkan *finding* atau dapatan kepada *case file officer* dan juga *finding* ini juga diberikan kepada Lembaga POCA.

■1900

Di situ saksi diberikan peluang untuk melihat *findings* tersebut sama ada dia bersetuju atau tidak dan selepas itu kalau dia tidak bersetuju, dia akan diberikan peluang untuk membuat *representation* kepada Lembaga POCA. Ini belum sampai lagi kepada Lembaga. Ini prosedur sebelum sampai kepada Lembaga. Jadi dia dipanggil tempoh masanya ialah *review period*. Maknanya diberikan lebih kurang hari ke-40 ke hari 54 dalam masa tahanan maksimum 60 hari itu untuk membuat representasi di bawah seksyen 11 supaya permohonan rayuan ini akan dapat dibentangkan kepada Lembaga POCA pada hari ke-55 dan ke-59 tahanan 60 hari yang dibenarkan di bawah POCA ini.

Di situ Lembaga POCA akan buat keputusan, ada kes, tahan lagi, sambung. Tidak ada kes, lepaskan. Jadi maknanya daripada segi ini, daripada segi yang saya sebut *timeline* ini, sampai hari ke-55 daripada 60, selalunya baru *case file officer* dan sebagainya membentangkan laporan mereka kepada Lembaga POCA. Maknanya lama. Orang itu kena tahan dalam tempoh yang lama. Jadi, itu sebelum pindaan.

Selepas pindaan, saya bermula pada hari yang ke-22, hari di mana proses Lembaga POCA ini akan berlaku. Sama juga. Permohonan reman dibuat untuk sambung 38 hari dan bezanya dengan dulu, dulu pegawai- *investigating officer* ini diberikan masa sampai hari ke-40 juga untuk membuat inkuiri tetapi dia tidak perlu pakai seksyen 6 lagi, dia terus ke seksyen 9. Maknanya IO akan juga mengeluarkan dapatannya kepada Lembaga POCA mengikut seksyen 10. Akan tetapi bezanya begini Yang Berhormat, bezanya dulu ada *representation, review period*. Maknanya, prosedurnya sebelum sampai ke Lembaga POCA, dia kena ada *review process* yang akan melalui Jabatan Peguam Negara dan sebagainya, ia mengambil masa selama dua minggu hendak sampai ke Lembaga POCA.

Sekarang ini, Lembaga POCA, selepas hari ke-40, di mana pegawai penyiasat yang dilantik oleh Lembaga POCA ini memberikan laporan kepada mereka, mereka boleh buat keputusan. Maknanya terus buat keputusan mengenai dapatan yang telah diserahkan kepada mereka. Tidak payah lagi ada *review board* ini. Maknanya, hendak ada *review board* pun, hendak tambah masa lagi 41 hari sampai ke-55 hari pun, dalam yang asalnya dalam tempoh masa yang diperlukan, tempoh masa dua minggu. Sekarang tidak perlu. Lembaga POCA boleh buat keputusan pada hari yang ke-41 ke atas. Dulu hanya bila mereka diberikan dapatan itu pada hari yang ke-55.

Jadi apabila Lembaga POCA diberikan kuasa untuk menentukan sesebuah kes lebih awal, maknanya itu sebab kita tidak perlukan seksyen 10, tidak perlukan seksyen 11, tidak perlukan seksyen 12, tidak perlukan seksyen 15, tidak perlukan seksyen 19A, kita potong dan kita gantikan dengan seksyen 10A. Itu bezanya.

Jadi, daripada segi pentadbiran, keputusan yang boleh didapati untuk orang yang kena siasat ini boleh didapati dua minggu lebih awal daripada proses yang kita gunakan sebelum pindaan ini dibuat... [Seorang Ahli bangun]

Sekarang saya beri peluang untuk ini... [Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan]

Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah: Terima kasih atas penjelasan dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak menyentuh satu atau dua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, yang saya tidak *argue* tadi pasal tadi saya ikut *Standing Order* 35. Saya cuma fokus kepada pindaan-pindaan yang dicadangkan tetapi saya hendak rujuk sedikit kepada soalan saya kepada Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat Senator Tuan Ramli dan juga jawapan.

Check and balance semua okey. Saya akui *there are some check and balance*. Dia bukan cakap *totally* tidak ada *check and balance* tetapi I hendak fokus kepada soalan saya di mana Yang Berhormat juga minta Menteri jawab secara khusus, I hendak fokus kepada 31A walaupun tidak dipinda kali ini. Kalau kita tengok 31A, 32 kita *clear*. Dia kena bawa kepada Majistret dalam tempoh 24 jam, itu I *very clear*. *The magistrate* boleh 21 hari, I *very clear*. Seksyen 7 pun I *am very clear*, *Sessions Court* boleh *not exceeding* 59 hari, maka 38 hari. *All that are very clear*.

Soalan saya secara khusus tadi ialah sama ada, ada peruntukan untuk memaklumkan kepada *family*. Saya tidak tuduh bahawa *there is denial* atau *access to legal* pakai *lawyer* itu semua ada.

Cuma secara khusus / hendak fokus kepada 31A. Kalau kita tengok 31A, dia mensyaratkan *police officer* mula-mula kalau kita tengok 31, dia *can arrest without warrant*, itu *I am okay with that*. Kemudian dia kena bawa kepada *public prosecutor* ini dalam tempoh tujuh hari atau dia kena bawa *to public hospital* atau kena bagi— *even* kalau kita pergi ke seksyen 4, majistret pun dia perlu *statement* daripada *public prosecutor* dan juga begitu juga di seksyen 7. *Sessions Court* pun sekurang-kurangnya dia perlu satu *statement* daripada *public prosecutor*. So penglibatan *public prosecutor* itu ada.

Cuma pada saya, tadi saya tidak cadang pasal 1A bukan dalam pindaan tetapi dalam kepala saya, bila 1A ini kalau boleh, dia mensyaratkan kalau pegawai polis kena *inform public prosecutor* dalam tempoh tidak melebihi tujuh hari. Cadangan saya, *also inform the next-of-kin* sebab banyak *cases* / baca dalam surat khabar, *family* cakap *I do not know what has happened to him*. *I* tidak tahu. Kemudian sahaja dia tahu ditahan oleh polis. *That is the delay*. Kadang-kadang daripada segi *practicality*, *not practical for the police* hendak pergi jumpa *family* dalam 24 jam atau 48 jam *because* dia kena *in the first place*, dia masih belum buat keputusan dia hendak *detain* atau dia hendak *release*. So, *I cannot understand the problem*. Cuma *I* hendak supaya dia maklum kepada *family*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sebenarnya Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu mengenai pemberitahuan kepada keluarga itu sebenarnya hanyalah soal *administrative*, bukan? Fasal apa yang saya sebut tadi, kalau orang kena siasat itu boleh lantik peguam, maknanya takkan *family* tidak tahu tetapi itu satu cadangan yang baik yang saya rasa boleh diterima pakailah dalam pelaksanaan yang akan dibuat oleh Lembaga POCA. Sebab itu kita bagi kuasa kepada Lembaga POCA.

Dulu Lembaga POCA, kuasa dia dalam memberikan perintah tahanan atau hendak jadikan orang itu orang yang kena daftar, adalah terhad kepada peraturan-peraturan dalam undang-undang ini. Sekarang ini mereka diberikan kuasa penuh untuk menentukan daripada masa mula reman yang kali kedua itu untuk tambah 38 hari itu, mereka diberikan kuasa penuh untuk menentukan bahawa semua perkara yang menyentuh mengenai orang yang kena siasat ini akan dilaksanakan dengan menjaga hak asasi mereka dan juga *right to be heard*.

Jadi, soal ini saya rasa boleh Lembaga POCA ini pun ada empat daripada Ahli Lembaga duduk di belakang saya ini, mereka mendengar sendiri apakah kekusaran yang telah dilontarkan oleh Yang Berhormat dan saya rasa, perkara-perkara seperti ketidak-*allegation*, ketidakberitahuan kepada keluarga ini akan diperbaiki dan ini akan diambil kira dalam laporan penilaian yang mereka akan buat mengenai setiap *case file* yang dibentangkan kepada mereka. Maknanya *it is just administrative improvement it can be done*

■1910

Tadi ada beberapa perkara *specific* yang telah disebut, saya tadi tertarik kepada Tan Sri Nalla kita, yang walaupun telah dikena undang-undang yang lebih *draconian* lah kira daripada POCA di bawah ISA, tetapi hari ini dia menyokong pula ya, apa yang dibuat oleh kerajaan dalam undang-undang POCA ini. Maknanya ada kebaikan yang dilihat oleh Tan Sri Nalla dalam keseimbangan yang perlu dikekalkan dalam sistem kita.

Keseimbangan di antara menggunakan undang-undang, secara lebih keras tetapi efektif berbanding dengan hak asasi manusia, berbanding juga dengan kejayaan untuk membanteras jenayah terancang. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tan Sri Nalla tadi.

Beberapa perkara lain tadi yang telah disebut adalah mengenai, baik saya jawab secara satu persatu. Tadi Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah bertanya mengenai seksyen 7B, pelantikan Ahli Lembaga tanpa tempoh masa akan menimbulkan prejudis, kenapa dikeluarkan perkataan tiga tahun. Jadi saya telah sebutkan lebih awal tadi, bahawa Ahli Lembaga Pengarah POCA sekarang ini merupakan pengamal undang-undang yang mempunyai 15 tahun sekurang-kurangnya pengalaman dalam bidang undang-undang. Ada juga di kalangan Lembaga Pengarah POCA sekarang ini yang merupakan bekas Pegawai Polis, jadi mereka juga memberikan input yang baik kepada Lembaga POCA dalam menjalankan tugas mereka.

Dalam hal ini, saya sudah sebutkan tadi, kalau di bawah ISA, dulu Menteri yang tiada pengalaman undang-undang yang buat keputusan. Sekarang ini kita sudah serahkan kuasa Menteri itu kepada Lembaga POCA.

Jadi amat penting bahawa Lembaga POCA ini mempunyai keahlian yang pelbagai, pelbagai bidang. Maknanya ada tadi pengamal undang-undang *criminal*, *criminal lawyer*, ada bekas pihak polis, ada pegawai kerajaan dan sebagainya. Jadi kepelbagaian pengalaman ini akan membantu Lembaga POCA itu dalam menjalankan tugas mereka dengan baik.

Soal kenapakah lantikan mereka ini tidak dihadkan kepada tiga tahun, tiga tahun ke tiga tahun dan sebagainya, saya sudah terangkan tadi dalam *preamble* saya bahawa bawah undang-undang sekarang ini sebelum pindaan ahli Lembaga POCA boleh dilantik untuk tempoh maksimum enam tahun sahaja. Maknanya dia boleh dilantik tiga tahun campur sekali lagi tiga tahun, enam tahun.

Masalah sekarang ini di Malaysia, untuk kita menarik pengamal undang-undang dan sebagainya yang terkemukalah, untuk duduk di dalam Lembaga POCA ini memberikan khidmat mereka, kadang-kadang mereka ada masalah dengan tempoh masa enam tahun. Terlalu pendek bagi mereka untuk memberikan, *sacrifice* lah, kerana mereka ini merupakan pengamal undang-undang, mereka mendapat ganjaran lebih besar di luar, kadang-kadang dia hendak *sacrifice* masa dia untuk berkhidmat sahaja hanya untuk enam tahun, dia mungkin tidak akan tertarik.

Akan tetapi kalau kita berikan peluang kepada mereka untuk berkhidmat dengan masa lebih lama, dan ini juga tertakluk kepada izin Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada bila-bila masa sahaja tempoh perkhidmatan mereka boleh ditamatkan.

Akan tetapi kita tidak mahu kehilangan orang-orang yang berkaliber tinggi ini, kita hendak berikan peluang kepada mereka untuk berkhidmat masa lebih panjang. Akan tetapi *check and balance* nya tetap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang meluluskan lantikan tersebut.

Jadi tadi ada soalan mengenai orang yang ditahan, tidak dibawa berjumpa dengan pegawai inkuiri. *Provision* untuk pegawai inkuiri, berjumpa dengan orang yang disiasat ini tidak hilang, ada, saya telah diterangkan tadi. Cuma dalam *provision* sebelum pindaan, dia jumpa satu ke dua hari selepas tahanan reman tambahan 38 hari itu dikeluarkan. Sekarang ini, mereka diberikan peluang sampai ke hari 40, di mana mereka kena bentangkan laporan mereka kepada Lembaga POCA.

Jadi persoalan mereka tidak diberi peluang ataupun mereka tidak berjumpa dengan orang yang disiasat, tidak timbul. Mereka kena jumpa, mereka kena duduk, jumpa, dapatkan keterangan daripada orang yang kena siasat, dapatkan keterangan daripada saksi untuk mereka lengkapkan laporan yang akan dibentangkan kepada Lembaga POCA pada hari yang ke 40.

Seterusnya, Senator Tuan Ramli bin Shariff, tadi mengenai *next of kin* saya sudah jawab tadi. Tuan Chandra Mohan saya sudah jawab tadi. Pemotongan seksyen 11, saya sudah jawab tadi, maknanya tidak perlu lagi ada *representation* yang dibuat kepada Lembaga, kerana Lembaga terus mendengar atau terus menilai kes mereka pada hari ke-40 dan tanpa menunggu *review period* ini yang mengambil masa selama dua minggu sekurang-kurangnya di mana mereka hanya dapat mendengar kes-kes tersebut pada hari ke-55 orang yang kena siasat ini ditahan.

Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani pun bertanya mengenai ketiadaan nasihat pegawai undang-undang di dalam kajian semula yang menyebabkan laporan tidak menjadi *independent*. Jadi pemotongan keperluan mendapat nasihat pegawai undang-undang di dalam kajian semula adalah untuk mengelakkan pegawai undang-undang mempengaruhi keputusan oleh Lembaga. Dia ada *pros and cons* lah. Ketiadaan nasihat ini tidak menjejaskan hak orang tahanan untuk mencabar keputusan Lembaga di Mahkamah Tinggi melalui *writ of habeas corpus*.

Seterusnya, banyak saya sudah jawab, sebenarnya. Saya rasa itu sahajalah. Jadi saya rasa, saya sudah jawab dalam jawapan keseluruhan saya telah berikan. Jadi saya mengucapkan terima kasih Yang Berhormat kerana telah memberikan saya peluang. Pada pembentangan yang saya buat di Dewan Rakyat itu hari pada jam 12.40 pagi dan saya mula menjawab pada jam tiga pagi, masa itu pemikiran saya pun tidak jelas.

Akan tetapi hari ini pemikiran saya jelas dan saya harap jawapan yang telah diberikan saya pada hari ini memberikan pencerahan kepada kenapa pindaan tersebut dibuat dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberikan pandangan-pandangan yang baik dalam perbahasan ini. Yang mana saya tidak jawab, seperti yang saya katakan tadi, Ahli Lembaga POCA di belakang saya, mereka akan mengambil kira pandangan-pandangan Yang Berhormat untuk memperbaiki lagi undang-undang POCA ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya rasa Yang Berhormat telah memberi penjelasan begitu panjang lebar dan tepat dan senang difahami. Tahniah di atas jawapan itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 16 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih dan hari ini saya rasa segar, bersemangat, rasa muda semula Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebab tadi saya umumkan kita dapat 16 *gold*, emas kita dapat, seronok anak buah kita dan lebih seronok Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin telah dapat juga johan dalam acara sukan kuda lasak. Ini hasil daripada rasa kesepakatan mereka itu, rasa kasih sayang mereka itu, iaitu mereka itu berpaksi kepada gotong royongnya. Semangat itu. Bak kata pantun orang Melayu tadi, dia kata senang tadi, apa dia kata,

*Nasi lemak berlauk sotong,
Sotong dibeli berikat-ikat,
Bulat air kerana pembedung,
Bulat manusia kerana muafakat.*

Telah dapat kita berjaya. Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan kita, *our team* yang berjaya dapat mengukir sejarah yang paling baik dan dengan itu juga, kita telah dapat juga bahawa Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Ogos 2017. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.23 malam]